

Bil. 28

**Selasa
2 Mei 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 3)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 12)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2006 (Halaman 12)

USUL:

Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil.2) 2005 (Halaman 15)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) – MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
20. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop - Senator
21. " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. " Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. " Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO

8. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Taphah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO

32. Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator

16. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ *Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin (Jerai) - UMNO*
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS

30. Yang Berhormat Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP

71. Yang Berhormat Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A.,, K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
106. “ Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN

111. Yang Berhprmat Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. “ Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
122. “ Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. “ Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Hajah Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 2 Mei 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf pagi-pagi. Peraturan Mesyuarat 41(f), Tuan Yang di-Pertua iaitu peraturan mengenai pakaian Ahli-ahli Parlimen.

41 - Masa mesyuarat bersidang:

"(f) ahli-ahli lelaki hendaklah memakai sama ada pakaian kebangsaan atau lounge suit; ahli-ahli wanita hendaklah memakai sama ada pakaian kebangsaan, sarung dan blaus berlengan panjang, atau skirt yang sekurang-kurangnya paras lutut dan blaus berlengan panjang; dan semua ahli boleh juga memakai pakaian adat istiadat, atau apa-apa pakaian lain sebagaimana dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua."

Maksud yang 'dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua' ialah memohon kebenaran. Kalau Dewan yang mulia ini hari ini tengok blok sebelah kiri bermula dari Yang Berhormat bagi Arau, Yang Berhormat bagi Dungun, semuanya pakai *bow*, Tuan Yang di-Pertua. Semua pakai *bow*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Pada saya ini adalah melanggar Peraturan Dewan sebab Dewan ini mesti pakai *tie*. Saya cadangkan supaya mereka ini diminta supaya keluar [*Dewan riuh*] dan pakai balik *tie*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua, sebab kalau tidak, kalau besok di sebelah sini menggunakan pakaian *style* kami sendiri. Apakah Tan Sri juga selaku Tuan Yang di-Pertua membenarkan apabila kami minta keizinan? Apakah Dewan kita ini akan menjadi "rojak" dalam pemakaian? Speaker Dewan yang mulia ini kena membuat satu *ruling* dan saya mencadangkan menyokong usul daripada Yang Berhormat bagi Ketereh supaya mereka yang memakai *bow* ini diminta keluar menggantikan pakaian yang diterima oleh Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pakaian yang dipakai oleh Kumpulan G kerana takrif *lounge suit* dan *tie*, mereka menggunakan *tie*, cuma *tie* yang berbentuk lain daripada *tie* yang panjang. Jadi saya tidak nampak kesalahan langsung dari segi peraturan yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ketereh kerana mereka memakai *lounge suit* dan *tie*. Cuma mereka menggunakan *bow tie*, sedangkan saya menggunakan *long tie*. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita menjadi *laughing stock*. Ada perkara yang penting kita boleh bincang di Parlimen. Bukan buang masa dalam perkara ini. Kita akan jadi *laughing stock* kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini bukan *laughing stock*. Ini Peraturan Mesyuarat 41(f).

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kita mesti tunjukkan disiplin kita.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Saya terpaksa rujuk yang Yang Berhormat bagi Ketereh kemukakan, 41(f). *Lounge suit* ini ertinya *bow tie* atau *long tie*. Saya nampak dalam Dewan ini ada orang yang pakai blazer, lain seluar lain baju. Jadi ini pun tidak boleh kalau mahu ikut, tetapi banyak. Kalau bikin *ruling*, kita bikin *ruling* semua. Dahulu Menteri Penerangan pakai *bow tie* selama-lamanya. Yang Berhormat bagi Jelebu buat satu baju yang kita tidak tahu dari – mungkin dari Kinabatangan [*Ketawa*] – yang orang tidak boleh. Jadi kalau begini, kita bikin satu *ruling* bahawa ini semua tidak boleh termasuk juga....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: ...*blazer*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik, cukuplah. Ahli-ahli Yang Berhormat....

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tambah sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Apa lagi tambahnya?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Begini, Tuan Yang di-Pertua, apabila saya hari itu membaca Peraturan Mesyuarat 41, menegur Yang Berhormat bagi Rantau Panjang daripada memakai ketayap putih, alhamdulillah, walaupun Tuan Yang di-Pertua hari itu secara baik sangka memberi kebenaran, saya tengok sejak daripada hari itu dia sudah pakai songkok hitam iaitu pakaian yang dibenarkan dan yang elok.

Jadi saya bawa peraturan ini bukan apa Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kemuliaan ini harus dipelihara bukan sahaja daripada cara bercakap tetapi juga cara daripada berpakaian. Sebab kita minta supaya hadirin yang duduk di galeri juga mengikut pakaian yang telah ditetapkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya pun kurang faham sedikit kenapa dua tiga empat orang pakai *bow tie*, sama ada ini kebetulan ataupun perkara yang lain. Walau bagaimanapun, mengikut dalam Peraturan itu saya pun pandang dan memerhati juga. Mengikut Peraturan Mesyuarat pakaian selalunya selain daripada pakaian kebangsaan seperti yang dipakai oleh pihak wanita ataupun perempuan adalah *lounge suit*. *Lounge suit* bermakna *lounge suit* yang dipakai kebiasaan sama ada pakai *tie*, menggunakan tali leher sama ada yang panjang ataupun tali leher yang berupa *bow* seperti yang kebetulan hari ini dipakai oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi apa yang dipakai oleh mereka sekarang adalah pakaian yang sesuai.

Walaupun bagaimanapun, warna pakaian itu mestilah gelap ataupun kegelapan. Dan warna baju yang dipakai adalah lembut. Ini bermakna putih tidak kuning dan tidak merah tetapi tali leher boleh merah seperti yang saya pakai ini. [*Ketawa*] Tetapi baju tidak sesualah kalau merah, kuning, hijau atau coklat yang terang. Begitu juga dengan pihak-pihak yang lain dalam Dewan ini. Pakaian yang terang sangat tidak begitu sesuai tetapi pakaian yang putih, keputihan atau warna yang lembut dan *suit* adalah berwarna kegelapan. Manakala warna kelabu yang lembut dan gelap dibolehkan. Kegelapan bukan cerah, *suit* yang cerah. Macam putih, merah, *pink*, dan sebagainya tidak boleh dan tidak sesuai.

Berbalik kepada pertanyaan tadi iaitu memakai *bow* sebagaimana yang dipakai oleh sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini adalah sesuai dan boleh dipakai.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas penjelasan dan saya berharap Ahli-ahli Parlimen semua akan mengguna pakai arahan yang baru yang dikeluarkan sebentar tadi oleh Tuan Yang di-Pertua definisi perkara 41(f) ini supaya kemuliaan Dewan ini akan dapat kita jaga dan penyelarasan semua itu tidak kira sama ada Menteri atau pun sebagainya mematuhi Perkara 41(f) ini dan jangan dibuat perkara-perkara lain yang membolehkan ia menjadi satu perbincangan lagi. Saya harap apa yang Tuan Yang di-Pertua telah nyatakan ini tadi amalan kita pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Tambahan, saya fikir blazer tidak sesuai. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya jemput soalan Yang Berhormat dari Tuaran.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapakah bilangan pekerja asing dan juga majikan yang dikenakan hukuman sebat di bawah Akta Imigresen 1959 (Pindaan), mengikut negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Tuaran, sehingga 28 Februari 2006 terdapat seramai 1,830,940 orang pekerja asing di negara ini. Tidak ada pekerja asing yang dijatuhkan hukuman sebat dan setakat ini belum ada majikan yang dikenakan hukuman sebat di bawah Akta Imigresen 1959 (Pindaan) 2002. Hukuman sebat yang dikenakan di bawah Akta Imigresen 1959 (Pindaan) 2002 hanya melibatkan pendatang tanpa izin. Sehingga 31 Mac 2006 seramai 238 orang pendatang tanpa izin telah dikenakan hukuman sebat. Terima kasih.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Di negara kita ini seperti mana yang dijelaskan tadi hampir dua juta pekerja asing dan kita sering mendengar pendatang tanpa izin dan sehinggakan kita meminda Akta Imigresen 1959 Peraturan 52 untuk menangani masalah kebanjiran pendatang tanpa izin. Tetapi yang aneh sehingga hari ini walaupun masalah pendatang tanpa izin tetapi belum seorang pun majikan yang dikenakan di Mahkamah. Apakah ini disebabkan masalah penguatkuasaan di pihak agensi yang berkenaan ataupun sememangnya Akta ini tidak diperlukan atau bagaimana? Sebab kita kebanjiran pendatang tanpa izin tetapi kita tidak ada dikenakan tidak ada di bawah ke mahkamah. Saya ingat di suatu ketika dahulu dengan kepimpinan menteri yang lalu menyatakan bahawa masalah di peringkat mahkamah untuk mempercepatkan kes-kes yang dibawa. Jadi saya mohon penjelasan apakah yang sebenarnya berlaku dalam kes ini. Kebanjiran pendatang asing tetapi tidak ada majikan yang dikenakan. Penjelasan. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya setakat ini belum ada majikan yang dikenakan hukuman sebat, namun begitu ada 150 orang majikan yang sedang dalam proses mahkamah dan mereka sebagai mana kita sedia maklum sama ada majikan ini pengusaha dan sebagainya mereka mengambil peguam untuk membela kes mereka dan 150 kes ini sedang dalam proses mahkamah. Jadi untuk mengatakan penguatkuasaan tidak berkesan adalah tidak benar kerana semua pendatang asing yang ditangkap dari masa ke semasa diproses dan didakwa ke mahkamah dan dihantar pulang dan setakat ini sahaja seramai 13,702 orang telah diambil tindakan dan setelah menjalani hukuman penjara mereka diusir keluar dari negara ini. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di Malaysia buat masa ini terdapat seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen 1.8 juta pekerja asing yang sah yang berada di negara ini. Ini tidak termasuk PTI ataupun pendatang tanpa izin. Pada hemat saya buat masa ini di negara ini memang terdapat melebihi 2.5 juta pekerja asing sama ada sah atau tidak sah. Maka saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada kerajaan betul-betul membuat kajian secara mendalam apakah keperluan negara kita mengenai pekerja asing yang ingin bekerja di sini bagi setiap industri. Sebab saya khawatir jika kita tidak mengadakan satu mekanisme untuk mengawal, lama-kelamaan negara ini dibanjiri oleh pendatang asing sama ada sah atau tidak sah. Ini menjadi satu isu keselamatan dalam negeri. Apakah jawapan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat dari Alor Star, kerajaan memang sedar dan memang serius menangani isu pendatang tanpa izin di negara ini. Sebagai mana kita sedia maklum sehingga bulan Mac 2005 proses pengampunan pekerja ini telah dijalankan dan hampir 400 ribu telah dihantar pulang. Dan selepas daripada itu sebagai mana yang sebutkan tadi seramai 13,702 telah diusir keluar. Jadi soal mekanisme untuk menentukan keperluan pekerja asing di negara ini adalah di bawah tanggungjawab Kementerian

Sumber dan Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri menjalankan tugas-tugas untuk memastikan setiap yang masuk ke negara ini masuk secara yang betul dan berada di negara ini dengan dokumen yang lengkap. Walau bagaimanapun, operasi-operasi yang dijalankan setakat ini menunjukkan bahawa kita telah dapat mengurangkan bilangan pendatang tanpa izin dan kita akan terus menjalankan operasi-operasi ini dengan bukan sahaja oleh pihak Imigresen tetapi juga dengan kerjasama Jabatan seperti Rela dan juga Polis Diraja Malaysia. Terima kasih.

2. Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri menyatakan apakah elemen-elemen penting dalam rundingan WTO di Hong Kong yang berlangsung pada bulan Disember lalu yang dijangka memberi manfaat secara langsung dan tidak langsung kepada negara kita. Adakah terdapat halangan-halangan yang wujud.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta izin untuk menjawab sekali gus soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Abdul Rahim bin Bakri dan Yang Berhormat Datuk Ronald Kiandee memandangkan kedua-dua soalan adalah berkaitan di antara satu sama lain.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebut kawasan bukan nama Yang Berhormat.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, Persidangan Keenam Menteri-menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia atau WTO telah diadakan di Hong Kong mulai 13 hingga 18 Disember 2005. Persidangan tersebut telah berjaya mencapai persetujuan di dalam beberapa bidang rundingan khususnya pertanian, bukan pertanian, perkhidmatan fasilitasi perdagangan dan pakej pembangunan. Mengenai rundingan pertanian, ahli-ahli WTO telah bersetuju:

- (i) memansuhkan semua bentuk subsidi eksport pada penghujung tahun 2013;
- (ii) memuktamadkan modaliti untuk mengurangkan subsidi domestik sebelum 30 April 2006 dan menyediakan draf jadual-jadual konsesi sebelum 31 Julai 2006; dan
- (iii) struktur formula mengurangkan tarif bagi produk-produk pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian ini penting sebab negara-negara maju memberi subsidi eksport dan subsidi domestik kepada sektor pertanian mereka secara besar-besaran.

Persetujuan ini akan memastikan sistem perdagangan pertanian yang adil dan berasaskan pasaran. Ini akan memberi peluang bagi Malaysia memperluaskan pasaran dunia bagi produk pertanian terutama minyak kelapa sawit. Bagi rundingan sektor barangan bukan pertanian, pencapaian penting adalah persetujuan terhadap struktur formula penurunan tarif dan layanan istimewa dan berbeza ataupun *special differential treatment* bagi negara-negara membangun. Sebagai sebuah negara pengeksporth utama barangan perkilangan, ia dijangka memberikan *access* pasaran yang lebih luas untuk eksport Malaysia di negara-negara maju dan juga negara-negara membangun.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sektor perkhidmatan pula, persidangan telah bersetuju menerima pakai pendekatan baru melalui objektif kuantitatif dan rundingan "*plural*" *lateral* dalam sektor-sektor tertentu berasaskan prinsip liberalisasi secara progresif. Pendekatan baru ini mengekalkan fleksibiliti negara-negara membangun untuk membuka secara progresif dan mengikut kemampuan mereka secara berperingkat selaras dengan dasar pembangunan sektor perkhidmatan negara.

Persidangan telah berjaya mencapai persetujuan ke atas '*modality-modality*' ataupun cara dan prosedur rundingan fasilitasi perdagangan. Fasilitasi perdagangan akan memastikan perdagangan dapat dijalankan dengan efisien dari segi prosedur kastam dan kos yang tidak membebankan eksport.

Persidangan juga bersetuju menerima pakai pakej pembangunan yang merangkumi cadangan-cadangan memperkukuhkan layanan istimewa dan berbeza

bagi negara-negara membangun. Dengan ini, Malaysia akan dapat menentukan masa dan barangan yang sesuai untuk dibuka pasaran dengan mengambil kira kepentingan dan kemampuan negara dan industri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, antara halangan yang wujud di dalam rundingan WTO adalah:

- (i) keengganan beberapa buah negara maju seperti Kesatuan Eropah dan Jepun bagi membuat komitmen bagi pengurangan subsidi domestik dan membuka pasaran sektor pertanian mereka dengan lebih mendalam; dan
- (ii) negara-negara membangun pula sukar melaksanakan komitmen-komitmen pembukaan pasaran yang terlalu tinggi.

Menyedari akan masalah ini, negara-negara membangun menekankan kepentingan diberi layanan istimewa dan berbeza melalui komitmen lebih fleksibel melalui tempoh pelaksanaan yang lebih panjang. Mereka juga ditawarkan program-program pembangunan keupayaan.

Mesyuarat tidak rasmi Menteri-menteri WTO telah diadakan pada 27 dan 28 Jan 2006 di Davos, Switzerland adalah bertujuan bagi membincang dan mempertimbangkan pendekatan rundingan WTO supaya rundingan pusingan Doha dapat dimuktamadkan dalam tahun 2006 seperti mana yang dipersetujui di Persidangan Keenam Menteri-menteri WTO di Hong Kong.

Penyertaan Malaysia di dalam mesyuarat ini adalah penting bagi memastikan kepentingan dan pendirian Malaysia terus diambil kira dalam rundingan WTO. Di dalam mesyuarat tersebut, menteri-menteri telah bersetuju dengan program kerja bagi menunjukkan rundingan mengenai isu-isu yang telah dipersetujui di Hong Kong. Mesyuarat juga bersetuju ke atas cadangan Malaysia untuk memajukan rundingan dalam semua bidang secara serentak atau *simultaneously* agar mencapai hasil rundingan yang seimbang. Sekian, terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya seperti mana yang kita tahu di dalam perundingan WTO yang telah berlangsung di Hong Kong pada bulan Disember yang lalu, kita dapat melihat bahawa perundingan tersebut adalah berasaskan kepada *block interest group* iaitu seperti blok USA, EU, G10, G20, G33, Kent's Group dan sebagainya.

Soalan saya ialah mengapakah tidak ada *group* daripada ASEAN atau OIC di dalam perundingan ini atau adakah negara-negara ini tidak mempunyai persepakatan untuk sama-sama berunding ataupun mempunyai komitmen bersama di dalam rundingan WTO.

Yang kedua ialah adakah kerajaan kita bercadang untuk membawa atau merujuk setiap perundingan yang telah dilakukan atau komitmen negara dalam WTO untuk dibawa ke parlimen untuk mendapatkan sekurang-kurangnya maklumat tersebut diberikan kepada parlimen dan juga seterusnya mendapatkan kelulusan daripada parlimen kerana kesan daripada perundingan-perundingan ini akan memberikan implikasi yang besar terhadap masa depan negara. Terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa setuju dengan Yang Berhormat bagi Kudat bahawa perbincangan atau rundingan di WTO dijalankan mengikut blok *interest* atau *interest's group*. Pada fahaman saya bahawa semua ahli WTO menjalankan tugas mereka sebagai suatu negara persendirian.

Walaupun, secara tidak rasmi mereka selalu mengadakan perbincangan supaya kepentingan mereka dapat dijaga. Sama juga dengan negara-negara dari Asean, kita jua ada perbincangan dari semasa ke semasa supaya wilayah atau rantau di negara-negara di rantau ini, kepentingan mereka dapat dijaga dan juga dapat dilindungi. Soalan yang kedua, berkenaan sama ada kita bercadang supaya kita bawa keputusan-keputusan akibat perundingan WTO ke Parlimen, saya rasa pada peringkat ini, ini masih belum jadi.

Walau bagaimanapun, ada keputusan yang dibuat akibat perundingan WTO, terpaksa, terpaksa bawa ke Parlimen secara undang-undang. Seperti dalam

mesyuarat baru-baru ini, perundingan baru-baru ini di Hong Kong, kita telah berbincang mengenai *special*, ada beberapa keputusan ya, kita terpaksa membawa ke Parlimen supaya undang-undang dapat dibuat, iaitu *special safeguards mechanism*. Ini merupakan satu cara yang dibangkitkan untuk memberi perlindungan kepada pengeluar-pengeluar sesebuah negara dan tak lama lagi kita akan mengadakan undang-undang *special safeguards* dalam negara ini dan *bill* ini akan bawa ke Parlimen untuk mendapat persetujuan daripada Ahli-ahli Parlimen. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang Yang Berhormat bagi Kudat kata betul. Apa yang Setiausaha Parlimen menjawab, silap dan *misinform*. Mengenai persidangan WTO di Hong Kong, khususnya mengenai nama atau *non agriculture market access* di mana ada persetujuan untuk mengadakan satu formula *non linear* atau apa yang disebut sebagai Swiss formula untuk memotong tarif produk-produk industri, bukankah ini akan mengakibatkan antara lain, kesan-kesan yang buruk untuk Malaysia di mana kilang akan ditutup, pekerja akan dihilang? Adakah angka-angka mengenai apa *adverse* implikasi peruntukan ini? Adakah *consultation* diadakan dengan sama ada dengan majikan atau pekerja-pekerja dalam perkara ini?

Dan mengenai perkhidmatan, di mana blok *european community*, adalah untuk menukar *architecture GATS* atau *General Agreement of Trade In Services*, untuk tukar senarai positif kepada senarai negatif dan di mana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada sebut mengenai *plural literal* atau *plural literal approach*, satu perkataan yang baru atau ertinya *a group of countries and get together and make joint request and invite the target country to discussion*, adakah Malaysia menerima apa-apa permintaan *plural lateral* selepas Hong Kong, persidangan Hong Kong dan kedua, adakah Malaysia melibatkan dalam permintaan *plural lateral* kepada negara-negara yang lain? Dan mengenai pertanian, bukankah satu impak, ialah bahawa petani-petani padi negara kita perlu di *face out* apa tindakan diambil mengenai impak ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ya baik. Sila Yang Berhormat.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, dalam perundingan WTO di Hong Kong, kita hanya berbincang prinsip dan dasar sahaja dan *detail* masih belum dibincang lagi dan masih belum ditetapkan. Tuan Yang di-Pertua, hampir semua negara di dunia ini telah menjadi ahli WTO dan hampir 90% perdagangan antarabangsa ada hubung kait dengan keputusan dan dasar dan prosedur WTO. Kita tidak boleh menjauhkan diri daripada keadaan seperti ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, soalan saya sangat spesifik 3 perkara.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Negara kita kerajaan, sentiasa mengambil berat terhadap kepentingan petani kecil dan peladang kecil termasuk petani padi dan kita sentiasa memastikan rundingan WTO dijalankan di atas prinsip mutual benefit. Dalam perundingan WTO, pegawai kita tidak lupa tanggung jawab mereka. Apa yang mereka perlu dibuat, walaupun ada blok-blok *interest* yang cuba mendapat keuntungan yang lebih besar daripada rundingan WTO, tapi ini tidak maksud kita akan kalah dalam perundingan WTO ini. Seperti yang saya maksudkan tadi, ada beberapa peruntukan telah diguna pakai dalam perundingan WTO. Seperti yang dikeluarkan dalam *Ministry of Decoration* di Hong Kong.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nampaknya tak jawab, apa-apa saya tanya?

Tuan Yang di-Pertua: Cuba Yang Berhormat, tumpukan kepada implikasi dasar WTO ini terhadap penutupan kilang ataupun adakah faedah-faedah yang lain? Adakah kajian terperinci dibuat?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, saya akan sampai ke sana.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Walaupun, ada *interest group*, tetapi perundingan ada peruntukan untuk memberi perlindungan kepada pekilang-pakilang daripada negara membangun seperti sebagai contoh, kita mengatakan pengurangan tarif. Produk-produk pertanian dan juga bukan pertanian yang merupakan empat

bands, ataupun empat kategori akan digunakan. Bagi negara-negara maju, mereka akan dikenakan pengurangan tarif yang lebih besar daripada negara yang maju. Selain daripada itu, kita juga ada peruntukan *sensitive product*. Dengan peruntukan ini, negara-negara membangun sendiri boleh menetapkan satu senarai *product* yang dianggap sensitif berasaskan kriteria keselamatan negara, keselamatan makanan dan sebagainya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bolehkah jawapan bertulis dibuatlah, lebih baiklah. Jawab bertulis dan spesifik yang boleh jawablah. [*Dewan riuh*].

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa, biar Menteri jawab Yang Berhormat.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Boleh saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya teruskan. Silakan.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Sebab memang ada beberapa mekanisme untuk memberi perlindungan kepada negara membangun dan juga pengilang-pengilang. Lagi satu ialah seperti yang saya sebutkan, *special safeguards mechanism*, iaitu sesebuah negara boleh memohon, mengehadkan kuantiti import sesuatu produk ataupun meningkatkan tarifnya sekiranya didapati pertambahan yang mendadak pengimportan produk ini akan mengakibatkan kerugian yang besar bagi pengeluaran-pengeluar tempatan. Ini termasuk, pekilang-pekilang ataupun produk pembuatan. Sekian, terima kasih.

3. Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah] minta Perdana Menteri Perusahaan Perladangan Dan Komoditi menyatakan:-

- (a) langkah-langkah yang akan dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mendidik dan memantau pengurusan kewangan pekebun-pekebun kecil getah di seluruh negara bagi memastikan mereka benar-benar mendapat manfaat hasil daripada kenaikan harga getah yang tinggi;
- (b) adakah Kerajaan berhasrat untuk menambah pengeluaran dan memperluaskan lagi penanaman getah di seluruh negara .

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kuala Kedah, kerajaan sememangnya sedang mengenai pekebun-pekebun kecil didik untuk menguruskan kewangan mereka. Untuk tujuan ini, pekebun kecil sentiasa diingatkan untuk berjimat-cermat serta menabung lebihan pendapatan yang diperolehi untuk kegunaan di masa hadapan. Dalam masa yang sama, mereka yang menyertai projek kampung teknologi getah, ataupun BROKAM, digalakkan untuk menubuhkan tabung ataupun *revolving fund* dengan izin bagi menggantikan peralatan sistem torehan kekerapan rendah iaitu *Low Intensity Tapping System* atau LITS dengan izin yang rosak atau telah tamat hayat penggunaannya tanpa perlu memohon bantuan yang berterusan daripada kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Kampung Teknologi Getah atau PROKAM ialah satu projek untuk menambahkan hasil pendapatan pekebun kecil melalui amalan integrasi tanaman getah dengan tanaman lain seperti buah-buahan dan herba ataupun ternakan serta penggunaan alat LITS bagi menambahkan pengeluaran susu getah di samping mengurangkan hari bekerja. Di samping itu, mereka juga diberi bimbingan untuk menguruskan kebun mereka secara berkumpulan supaya akhirnya boleh berdikari tanpa bantuan kerajaan. Model seumpama ini juga akan terus diperkembangkan kepada pekebun kecil yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sama ada kerajaan berhasrat untuk menambah keluasan dan pengeluaran getah, untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kajian keluasan tanaman getah sekarang yang seluas 1.25 juta hektar adalah memadai. Kerajaan tidak berhasrat untuk menambah keluasan tanaman getah kecuali sebagai ladang hutan untuk *rubber wood*, dengan izin, tetapi komited untuk mempertingkatkan pengeluaran melalui peningkatan produktiviti dan kecekapan pengurusan.

Kerajaan mempunyai program tanam semula secara berterusan dengan sasaran untuk menanam semula getah ke getah seluas 20, 000 hektar setahun. Tujuan tanam semula ini adalah bagi menggantikan pokok-pokok tua dan kurang produktif dengan klon *latex* balak, iaitu Latex Timber Clone (LTC), dengan izin, agar pengeluaran getah dapat ditingkatkan dalam jangka panjang. Di samping itu, kita juga menggalakkan penyatuan pengurusan tanah supaya ianya boleh diurus dengan lebih cekap tanpa melibatkan pertukaran hak milik.

Bagi meningkatkan pengeluaran dan sekali gus pendapatan pekebun kecil, kerajaan sentiasa menggalakkan pekebun kecil untuk menggunakan bahan penggalak susu getah seperti Mortex agar produktiviti pokok dapat ditingkatkan. Ini adalah tambahan kepada amalan pertanian yang baik, iaitu *good agricultural practice*, dengan izin, yang sentiasa diberi penekanan oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Kedah.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Selain daripada petani dan nelayan, kita tahu bahawa ramai di kalangan pekebun-pekebun kecil getah ini adalah dari kalangan mereka yang berada dalam lingkaran kemiskinan tegar. Apabila harga getah naik, sudah tentunya mereka akan keluar daripada garis kemiskinan ini. Jadi, mungkin fenomena ini adalah satu fenomena yang sementara sahaja.

Jadi, soalan saya ialah apakah unjuran kementerian berkenaan dengan harga getah yang tinggi sekarang ini iaitu berapa lama ia boleh bertahan? Dan, apakah perancangan kementerian dan mekanisme yang akan kementerian laksanakan bagi memastikan harga getah ini tetap tinggi untuk membantu pekebun-pekebun kecil ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. S. Vijayarantnam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Kementerian sedar bahawa harga getah dunia tidak boleh memastikan bahawa harga tinggi ini dikekalkan tetapi harga getah pada masa ini nampaknya ada satu, dua faktor yang memastikannya. Satu adalah harga petroleum yang tinggi dan oleh kerana harga petroleum tinggi keperluan untuk getah asli naik, oleh kerana getah sintetik atau getah tiruan sangat mahal.

Berkenaan dengan pendapatan pekebun-pekebun kecil, kita sedar bahawa kita sentiasa prihatin kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil. Oleh kerana itu, pegawai-pegawai dari kementerian sentiasa turun padang dan berjumpa mereka dengan tujuan mengatasi apa-apa masalah termasuk masalah kewangan yang dihadapi olehnya. Tuan Yang di-Pertua, untuk jangka masa panjang, kita nasihat kepada mereka supaya melabur duit pendapatannya di dalam skim-skim yang disediakan oleh kerajaan seperti Amanah Saham dan sebagainya. Oleh kerana turun naiknya sesuatu komoditi di luar kawalan kita. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik. Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kawasan saya kawasan getah. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, memang sekarang ini harga getah naik, pekebun getah pun sudah mula tertarik dengan getah, orang pun sudah mula kecurian, dengan kereta datang mencuri oleh kerana harga getah ada pasaran. Cuma saya hendak tanya kepada pihak Yang Berhormat di bawah kementerian ini iaitu Lembaga Getah Malaysia sama ada teknologi baru yang boleh dipindahkan kepada pekebun-pekebun kecil selain daripada nasihat Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tadi bagaimana untuk mereka melabur dan sebagainya tetapi tentang teknologi baru yang boleh menggalakkan kepada pekebun-pekebun kecil. Umpamanya, mungkin memberi nasihat.

Sekarang ini, Yang Berhormat menyatakan sudah cukup tanam getah ke getah tetapi tanah terbiar seperti tanah sawah yang mungkin untuk menggalakkan lebih ramai lagi keperluan masa depan untuk ditanam dengan getah. Agak malang kerana apabila harga getah naik, kawasan-kawasan getah sudah tidak ada lagi untuk diusahakan oleh pekebun. Jadi, mungkin ada satu teknologi baru yang boleh dipindahkan kepada pekebun supaya pelaburan yang lebih luas boleh dilakukan oleh pekebun-pekebun kecil. Apakah nasihat yang boleh diberikan oleh kementerian dalam mengatasi masalah ini. terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayarantnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Larut di atas soalan tadi. Seperti mana yang dikatakan tadi, di antara teknik baru yang dipromosikan kepada pekebun kecil ialah LITS atau sistem torehan kekerapan rendah dengan menggunakan benda perangsang atau *stimulus*, dengan izin, iaitu Mortex di mana ia lebih susu *latex* keluar dari tiap-tiap pokok. Tetap pilihan jika hendak gunakan tanah lain atau tanaman-tanaman lain seperti buah-buahan dan herba, itu terpulang kepada pekebun sendiri, kita boleh nasihat sahaja tetapi jika mereka mahu ikut, itu pilihan mereka. Terima kasih.

4. Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat] minta Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kementerian mempunyai rancangan atau bercadang atau menghadapi masalah untuk menyeragamkan undang-undang kecil Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan, pihak berkuasa tempatan diberi kuasa untuk membuat, meminda dan membatalkan sebarang undang-undang kecil bagi tujuan kesejahteraan rakyat. Oleh yang demikian, PBT mempunyai kuasa untuk menentukan pindaan ke atas mana-mana undang-undang kecil yang diguna pakai bagi disesuaikan dengan keadaan dan keperluan semasa untuk tujuan memelihara aspek-aspek kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan penduduk.

Selaras dengan peruntukan seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan, undang-undang kecil yang digubal oleh PBT perlu disahkan oleh kerajaan Negeri. Usaha untuk menyeragamkan undang-undang kecil PBT telah pun dilaksanakan oleh kementerian melalui Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan. Pada tahun 1987 dan 1990 Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan telah meluluskan sejumlah 19 undang-undang kecil bagi semenanjung Malaysia untuk diguna pakai oleh PBT. Walaupun demikian, negeri Sabah dan Sarawak mengguna pakai undang-undang PBT yang berbeza. Dan dari ini kebanyakan PBT telah mewartakan undang-undang kecil seragam tersebut.

Di antara masalah yang dihadapi oleh kita dalam menyeragamkan undang-undang kecil tersebut ialah masih lagi terdapat PBT yang belum mewartakan undang-undang kecil seragam yang telah pun diluluskan oleh MNKT (Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan). Di samping itu, terdapat juga PBT yang telah meminda undang-undang kecil tersebut untuk disesuaikan dengan keadaan setempat. Terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih kepada jawapan daripada Setiausaha Parlimen. Berdasarkan kepada akta yang disebut tadi membenarkan sesebuah kerajaan tempatan untuk menentukan ataupun menyediakan undang-undang kecil sendiri demi kepentingan dan juga kemudahan awam di bawah tempat selenggaraan dan ini menyebabkan undang-undang tadi berbeza-beza dan berubah-ubah sebagaimana yang berlaku di Batu Pahat terutamanya yang berkaitan dengan tempat pelupusan sampah.

Jadi soalan tambahan saya, di manakah pengawalan secara menyeluruh bagi memastikan semua kerajaan tempatan dapat mengawal terutamanya merebak dari segi gejala-gejala yang negatif. Kita dapati bahawa sekarang ini sesetengah kerajaan tempatan membenarkan slot-slot mesin terdapat di dalam kawasan mereka sendiri termasuk juga dengan *cyber cafe* yang juga merupakan satu isu ataupun satu perkara yang menyebabkan merebak gejala yang negatif.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang telah kita menjawab beberapa kali di Dewan ini masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Persekutuan di dalam melaksanakan dan mengawal beberapa undang-undang di peringkat PBT ialah daripada segi perlembagaan.

Dari segi perlembagaan, kuasa pihak berkuasa tempatan di bawah kerajaan negeri dan satu daripada tanggungjawab Kerajaan Persekutuan ialah untuk memastikan dasar-dasar dan undang-undang yang dikeluarkan ialah sesuai supaya pemerintahan negeri ikut pada undang-undang dan dasar yang telah ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan dan inilah tugas Majlis Negara Kerajaan Tempatan dan tugas ini telah diberi bahawa Perkara 95 A di perlembagaan kita.

Walaupun demikian, tugas ini ialah cuma untuk menggubal dasar dan menggubal undang-undang tetapi tidak memberi kuasa untuk mengambil apa-apa tindakan ke atas PBT dan untuk menjawab soalan-soalan tertentu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan beberapa isu mengenai lesen atau persetujuan yang telah diberi oleh PBT yang telah mendatangkan gejala-gejala negatif kepada pihak berkuasa tempatan.

Memang perkara ini dikawal oleh dasar Kerajaan Persekutuan contohnya *cyber cafe* pada minggu lalu kita telah menjawab soalan berkenaan ini di mana Kerajaan Persekutuan telah memberi undang-undang kecil dan garis panduan tentang apa yang sepatutnya dilakukan di *cyber cafe* dan apa yang tidak boleh dilakukan oleh *cyber cafe*. Garis panduan itu memang terperinci dan telah menyebut apa tujuan yang sebenar *cyber cafe*.

Walaupun demikian, ada *cyber cafe* yang telah melanggar syarat-syarat yang ditetapkan di dalam garis panduan itu yang menyebabkan tempat-tempat itu disalahgunakan. Tanggungjawab PBT ialah untuk mengambil tindakan ke atas perkara ini. Dari segi itu kita menasihati supaya perkara ini dilaksanakan dan memberi nasihat kepada mereka di tiga peringkat melalui mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan di peringkat kementerian memberi nasihat di peringkat Majlis Negara Kerajaan Tempatan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan yang akan disertai oleh menteri-menteri besar atau wakil-wakil menteri-menteri besar di semua negeri dan di situ perkara-perkara ini diberitahu kepada mereka supaya mereka boleh mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada jawapan Setiausaha Parlimen mengenai Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan. Mengikut beliau dasar dan polisinya adalah hasrat Kerajaan Persekutuan untuk menyeragamkan dan meminta kerajaan negeri mematuhi cadangan-cadangan yang telah dibuat. Setahu saya hanya satu kerajaan negeri sahaja yang tidak diperintah oleh Barisan Nasional iaitu Kelantan. Jadi apakah kerajaan negeri Barisan Nasional lain juga enggan mematuhi dasar persekutuan dari parti yang sama.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Kota Bharu masalah itu bukan masalah yang begitu besar seperti yang diberitahu oleh Yang Berhormat. Kebanyakan kerajaan negeri menerima undang-undang dan dasar-dasar yang dikeluarkan. Tapi biasanya masalah yang dihadapi bukan daripada dasar atau daripada mengikut atauewartakan undang-undang tetapi daripada segi melaksanakannya dan menguatkuasakannya dan kuasa Kerajaan Persekutuan di dalam memantau pelaksanaannya. Di sini pihak Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa untuk membuat pemantauan secara langsung. Kita mesti membuat pemantauan ini melalui kerajaan negeri dan kadang-kadang ada kelemahan di dalam aspek itu. Terima kasih.

5. Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah IKS daripada masyarakat India yang mendapat pinjaman Bank SME. Apakah kejayaan khidmat nasihat SMIDEC di kalangan masyarakat ini dan jelaskan mekanisme pemantauan di peringkat akar umbi.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ng Lip Yong]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang juga dikemukakan oleh Yang Berhormat yang sama iaitu Yang Berhormat bagi Cameron Highlands untuk dijawab pada 4 Mei 2006 kerana kedua-dua soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, program-program yang dilaksanakan oleh SMIDEC (*Small and Medium Industry Development Corporation*), MTDC dan juga SME Bank adalah terbuka untuk semua syarikat milik rakyat Malaysia atau individu yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, SME Bank hanya mula beroperasi pada bulan Oktober 2005 dan dengan demikian adalah terlalu awal untuk menyatakan maklumat terperinci mengenai penerima pelbagai geran lain di bawah SME Bank. Walau bagaimanapun, SME Bank telah meluluskan sejumlah RM325,500 kepada 11

syarikat milikan kaum India di bawah Skim Pinjaman Khas Pengusaha Tembikar Kaum India Malaysia atau SPED India.

Bagi tempoh permulaan hingga 31hb Januari 2006, SMIDEC telah meluluskan 11,970 permohonan dengan bernilai sebanyak RM435.99 juta di bawah skim geran dan pinjaman mudah. Daripada jumlah ini, sebanyak RM303.7 juta diluluskan untuk bumiputera dan sebanyak RM232.2 juta untuk bukan bumiputera.

Bilangan penerima kaum India adalah sebanyak 26 buah syarikat dengan kelulusan geran sebanyak RM558,987. Bagi geran pengkomersialan di bawah MTDC, sejumlah 31 syarikat telah diluluskan geran sejumlah RM35.7 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM25.8 juta telah diluluskan untuk bumiputera dan sebanyak RM9.9 juta untuk bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2006, peruntukan geran atau bantuan bagi semua program di bawah SMIDEC ialah RM59.1 juta. Manakala peruntukan dana pengkomersialan MTDC ialah RM15 juta. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan geran dan bantuan yang diluluskan di bawah SMIDEC adalah RM463 juta dan peruntukan dana pengkomersialan di bawah MTDC adalah RM115 juta. Pengagihan peruntukan ini tidak dibuat berasaskan kaum.

Mengenai kejayaan khidmat nasihat SMIDEC, pelbagai program promosi diadakan bagi mewujudkan kesedaran tentang program pembangunan dan skim bantuan kewangan untuk EKS. Sepanjang tahun 2005, program-program konvensyen, bengkel-bengkel, seminar dan taklimat yang dianjurkan mahupun disertai oleh SMIDEC telah dihadiri oleh 33,474 peserta.

Dalam tahun 2005 juga, sejumlah 251,079 pelawat telah melayari laman web SMIDEC bagi mendapatkan maklumat tentang skim bantuan kewangan. SMIDEC juga telah melaksanakan beberapa aktiviti kursus untuk ahli-ahli perniagaan kaum India iaitu:

- (i) taklimat kepada Usahawan Wanita India anjuran MIC pada tahun 2004;
- (ii) temu duga untuk Program Usahawan ASTRO di stesen ASTRO Vaanavil pada bulan Mei 2005;
- (iii) taklimat kepada ahli-ahli Kuala Lumpur dan *Selangor Indian Chamber of Commerce dan Industry* atau KLSICCI berjumlah 250 peserta pada bulan Julai 2005; dan
- (iv) *MITI Facilities dan National Loan Seminar 2005*, dengan izin anjuran *Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce and Industry*, MAICCI pada bulan Ogos 2005.

Mengenai kesahihan penerima geran, kajian teliti dibuat di atas setiap permohonan yang diterima dan bukti-bukti yang dinyatakan dalam borang permohonan disemak dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Agensi-agensi yang berkaitan sebelum perakuan dibuat. Jika syarikat didapati, mengemukakan maklumat palsu, geran yang diluluskan akan ditarik balik. Pemantauan ke atas penerima geran juga dibuat untuk memastikan matlamat pembelian geran itu tercapai. Sehingga 31hb Disember 2005, SMIDEC telah menarik balik sejumlah 1,236 kelulusan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM23.7 juta kerana projek-projek tidak dilaksanakan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan soalan tambahan saya. Kerajaan Malaysia mengakui bahawa ekuiti India sebanyak 3% yang diilhamkan pada tahun 2000 telah gagal dicapai dan malah turun 1.2%, 0.3% ya. Dalam konsep ini kita dah lalui empat peringkat pembangunan yang kita telah misi kan iaitu daripada Dasar Ekonomi Baru ke Dasar Pembangunan Negara kepada Dasar Wawasan Negara, sekarang kita misi RMK-9.

Dalam konteks ini, saya rasa ada dua teras yang penting yang telah dikandungkan dalam RMK-9 iaitu ekonomi dalam rantaian nilai yang sepatutnya akan ditingkatkan. Dan sektor pembuatan dan perkhidmatan akan diperkasakan dengan teras ketiga yang mengatakan menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi.

Masalah masyarakat India adalah ketidaksamaan di kalangan masyarakat itu sendiri, dari segi intra itu sendiri. Kalau 3% milik Ananda Krishnan dan juga Encik Kasi dan Encik Mohan Swami tidak melambangkan kekayaan masyarakat India di peringkat akar umbi. Maka saya minta penjelasan bahawa adakah mekanisme pemantauan di peringkat akar umbi untuk mengagihkan kekayaan itu secara saksama kepada semua masyarakat, di peringkat masyarakat India sendiri dilakukan oleh pihak Kementerian Yang Berhormat. Minta penjelasan.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Sebenarnya Kementerian kita atau SMIDEC tidak mengira kaum apabila kita memberi bantuan atau geran. Dan kalau kita tengok bilangan projek yang telah diluluskan, sebanyak 9,087 projek yang diluluskan untuk bukan bumiputera. Ini berjumlah RM232.2 juta dan kalau kita ikut apa yang telah diberi kita tidak beri banyak kepada satu atau dua syarikat atau projek. Kita cuba mengagihkan dengan cara saksama. Dan saya rasa bila kita meluluskan atau mengkaji satu permohonan, kita akan mengambil kira apakah pengeluaran kilang itu, adakah peluang untuk syarikat itu berjaya dan sebagainya.

Kita tak ambil kira tentang kaum. Ini saya rasa adalah satu pandangan yang kita mesti *out of the blocks* lah. Jangan kita selalu kata berapa *percent* untuk kaum ini, kaum itu. Tetapi kalau mereka yang perlu, kalau kaum India, syarikat yang dimiliki oleh kaum India, selama mereka adalah warganegara Malaysia kita mesti bagi bantuan. Saya rasa ini adalah...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Itu dasar.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya tamatkan sesi soal jawab pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PATEN (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Paten 1983 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal pengguna; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2005) 2006

Bacaan Kali Yang Kedua

11.10 pagi

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2005 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua Tahun 2005 ini dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan, iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2005 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2005 yang dibentangkan adalah berjumlah RM10,861.7 juta, iaitu sebanyak RM708.8 juta adalah untuk tambahan perbelanjaan tanggungan dan sebanyak RM10,152.9 juta adalah untuk membiayai tambahan perbelanjaan bekalan, dan sebanyak RM432.4 juta daripada jumlah tersebut telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka.

Bagi perbelanjaan tanggungan tambahan terbesar adalah sebanyak RM708 juta iaitu untuk Maksud T.14 - Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran bagi membiayai tambahan bayaran pencen, elaun bersara dan ganjaran kepada pesara sehingga tahun 2005. Lain-lain tambahan perbelanjaan tanggungan adalah untuk maksud T.1 - Peruntukan Diraja Yang di-Pertuan Agong sebagai RM0.2 juta, Maksud T.7 - Suruhanjaya Pilihan Raya sebanyak RM0.1 juta, Maksud T.9 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebanyak RM0.5 juta dan peruntukan tanda RM10 untuk Maksud T.13 - Perbelanjaan Kerana Hutang Negara.

Anggaran tambahan perbelanjaan bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM10,152.9 juta, iaitu sebanyak RM8,560.5 juta adalah pindahan lebih daripada akaun hasil disatukan 2005 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindahan ini dicaj sebagai sebahagian daripada perbelanjaan di bawah Maksud B.12 iaitu peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun dan sebanyak RM1,592.4 juta adalah bagi menampung tambahan perbelanjaan bekalan bagi kementerian-kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar tambahan perbelanjaan bekalan yang diperlukan oleh kementerian-kementerian iaitu sebanyak RM1,117.4 juta adalah menampung bayaran imbuhan tahunan 2005.

Kementerian yang terlibat adalah Kementerian Pertahanan sebanyak RM407.4 juta, Kementerian Pelajaran sebanyak RM347.3 juta, Kementerian Kesihatan sebanyak RM200.6 juta, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sebanyak RM161.8 juta dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan sebanyak RM0.3 juta.

Lain-lain tambahan perbelanjaan bekalan yang diperlukan oleh kementerian-kementerian adalah seperti berikut:

- Sebanyak RM274.3 juta untuk Maksud B.60 - Kementerian Pertahanan iaitu sebanyak RM190 juta bagi membiayai tambahan perbelanjaan Program Latihan Khidmat Negara dan sebanyak RM84.3 juta bagi membiayai tambahan perbelanjaan Angkatan Tentera Malaysia.
- Sebanyak RM77.5 juta untuk Maksud B.13 - Kementerian Luar Negeri iaitu sebanyak RM60 juta bagi membiayai tambahan perbelanjaan pejabat-pejabat perwakilan Malaysia di luar negara berikutan perubahan kadar pertukaran mata wang asing dan kenaikan kos perkhidmatan-perkhidmatan serta sebanyak RM17.5 juta untuk penganjuran persidangan kemuncak ASEAN Kesebelas.
- Sebanyak RM66.3 juta untuk Maksud B.7 - Jabatan Perkhidmatan Awam bagi menampung bayaran istimewa penerima pencen kali keempat kepada pesara dan penerima pencen termasuk pesara Angkatan Tentera Malaysia.
- Sebanyak RM26.3 juta untuk Maksud B.22 - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi membiayai bayaran gaji dan elaun anggota yang dilantik secara kontrak.
- Sebanyak RM12.8 juta untuk Maksud B.48 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu sebanyak RM5.4 juta bagi membiayai kenaikan kadar catuan bagi pelajar, kanak-kanak kurang upaya di bawah Program Pemulihan dalam Komuniti, dan sebanyak RM7.4 juta bagi

- membiayai kenaikan kadar bantuan bulanan kepada penerima-penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Sebanyak RM8.3 juta untuk Maksud B.1 - Parlimen bagi membiayai kenaikan dan pelarasan kenaikan elaun-elaun Ahli Parlimen.
- Sebanyak RM5 juta untuk Maksud B.47 - Kementerian Penerangan bagi membiayai pemberian kepada Pertubuhan Berita Nasional, Bernama; dan
- Sebanyak RM4.5 juta untuk Maksud B.3 - Jabatan Audit bagi membiayai kos penyewaan dan perpindahan ke bangunan baru serta kos pengurusan Akademi Audit Negara.

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua Tahun 2005 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2006 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2A Tahun 2006.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2005

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2005.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2005 yang dipohon adalah berjumlah RM2,906.7 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM643 juta telah didahulukan daripada peruntukan Simpanan Luar Jangka.

Selain dari itu anggaran tambahan ini juga mengandungi permohonan peruntukan tanda (token) RM10 iaitu bagi Maksud P.6 - Jabatan Perdana Menteri, P.10 - Perbendaharaan dan P.29 - Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Peruntukan tanda ini adalah bagi membolehkan pindaan peruntukan dibuat daripada butiran projek yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran tambahan diperlukan bagi membiayai projek-projek pembangunan bagi maksud-maksud berikut:

- Sebanyak RM2,263.7 juta untuk Maksud P.10 - Perbendaharaan bagi membiayai penyusunan semula pengangkutan awam di Lembah Klang, Putra dan Star. Peningkatan modal berbayar Cyberview Sdn. Bhd. dan Bank Simpanan Nasional.
- Sebanyak RM272 juta untuk Maksud P.41 - Kementerian Pelajaran bagi membiayai pelaksanaan Projek Sistem Pengkomputeran Sekolah, pembinaan sekolah menengah, sekolah menengah teknik dan sekolah rendah serta pampasan perolehan tanah bagi projek-projek kementerian.
- Sebanyak RM250 juta untuk Maksud P.49 - Kementerian Pengajian Tinggi bagi membiayai Projek Institusi-institusi Pengajian Tinggi.
- Sebanyak RM96 juta untuk Maksud P.23 - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi membiayai Projek Tebatan Banjir, pengawalan hakisan pantai, pembaikan ban-ban yang runtuh, pembaikan muara dan mengorek muara-muara sungai.
- Sebanyak RM13 juta untuk Maksud P.20 - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi bagi membiayai secara pinjaman, Skim Pinjaman Mudah Tanaman Semula Kelapa Sawit bagi pekebun kecil; dan
- Sebanyak RM12 juta untuk Maksud P.28 - Kementerian Pengangkutan bagi membiayai secara pinjaman Projek Pembangunan Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah.

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua Tahun 2005 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan (Bil.2) Tahun 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 2006 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3A Tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua Tahun 2005 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.2) 2005

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, memberi ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak dua bilion sembilan ratus enam juta tujuh ratus dua puluh dua ribu dua ratus tiga puluh ringgit (RM2,906,722,230) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2005, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 2006 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut”, diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2005 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

11.20 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Tahun 2005 yang kedua, yang berjumlah 13.7 bilion ringgit iaitu 10.9 bilion ringgit untuk perbelanjaan operasi dan 2.9 bilion ringgit untuk perbekalan pembangunan yang mana ia akan menjadikan Bajet 2005 berjumlah 144 bilion atau 109.5 bilion ringgit untuk operasi dan 34.5 bilion ringgit untuk pembangunan. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Tahun 2005 merupakan yang pertama untuk mendapatkan undi sokong dan daripada Parlimen selepas Rancangan Malaysia Kesembilan diluluskan pada hari Khamis yang lepas dan kita harus bermula untuk menerima pakej lima teras utama dalam misi Nasional dalam mempertimbangkan setiap permohonan bajet atau perbekalan tambahan.

Lima teras utama ialah untuk meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara, meningkatkan keupayaan pengetahuan kreativiti dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama, menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif, meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup, mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu laporan bernama baru-baru ini menjadikan satu peringatan yang sedih terhadap pandangan yang serius terhadap kedudukan kita yang tidak menentu dalam persaingan antarabangsa di mana kita kalah dalam beberapa petunjuk kepada negara-negara jiran kita sama ada ia FDI, kedudukan universiti, kesediaan e-kerajaan, indeks persepsi rasuah, kebebasan media malahan dalam bidang-bidang yang mana kita seharusnya dapat mengekalkan kedudukan terulung kita. Laporan yang bertajuk dengan izin, *Malaysia needs to do more to retain age in islamic banking* oleh Bernama pada 29 April, telah memberi amaran bahawa walau pun Malaysia merupakan *hab* pembangkang Islam kedua terbesar di dunia selepas Bahrin, Malaysia mungkin akan kehilangan kedudukan ini kepada Singapura.

Jika ia tidak cergas dan mula memujuk atau menawarkan lebih banyak galakan untuk menarik lebih banyak peserta. Para penganalisa industri berkata kekurangan insentif baru dan satu tahap daya agresif boleh meletakkan Malaysia di belakang jirannya di seberang Tambak Johor itu dalam perlumbaan untuk agihan lebih besar pasar kewangan Islam yang dianggarkan USD300 bilion yang sedang berkembang 15 peratus setahun dengan memberi amaran bahawa dengan mendidik bahawa Singapura meletakkan dirinya sebagai *hab* baru bagi kewangan Islam dengan mengambil kesempatan ke atas kedudukannya sebagai pusat kewangan utama Asia dan atas kekuatannya dalam bidang-bidang seperti pengurusan aset insurans "IRITI" atau pelaburan hal tanah dan pembiayaan projek.

Apabila Rancangan Malaysia Kesembilan telah diluluskan, maka biarlah Parlimen menguji setiap cara yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan di Parlimen pada 31 hari bulan Mac dan saya memetik kita tidak ada masa untuk dibazirkan, hanya terdapat 15 tahun di antara sekarang dan tahun 2020. Kesemua 15 tahun ini mestilah dijadikan tahun yang paling produktif, tahun yang terbaik untuk kita supaya kita dapat mencapai wawasan kita pada tahun 2020.

Sebagai satu permulaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus memikirkan satu atau menyusun semula mana-mana Menteri Kabinet yang tidak komited penuh terhadap objektif untuk mewujudkan institusi kelas pertama di Malaysia atau mereka yang tidak berkeyakinan bahawa rakyat Malaysia dapat mencapai mentaliti kelas pertama. Beliau harus bermula dengan Yang Berhormat Menteri Penerangan yang mengejutkan negara dengan memberi tahu di Parlimen pada hari Khamis yang lepas bahawa rakyat Malaysia belum bersedia dengan siaran langsung persidangan Parlimen kerana mereka belum sampai ke tahap penuntun BBC di United Kingdom yang mempunyai siaran langsung untuk persidangan *House Of Commons*.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri Penerangan United Kingdom sudah terdapat satu saluran khas untuk penyiaran sidang Parlimen iaitu BBC Parlimen yang mula memberi siaran langsung tidak berhenti dan tidak disunting mula tahun 1992. Kanada pula merupakan negara Komanwel pertama yang mengadakan siaran langsung persidangan Parlimen mulai tahun 1977.

Adakah Yang Berhormat Menteri mengingatkan kita ini seorang mangsa penjajahan mental barat sehingga beliau sanggup menyatakan bahawa Malaysia kekal merupakan sebuah negara dunia ketiga di mana rakyatnya selalunya kalah kepada barat. Apakah harapannya untuk kita mencapai mentaliti kelas pertama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan misi Nasional apabila Yang Berhormat Menteri menerangkan kita pula begitu tunjuk "*contempt*" terhadap mentaliti rakyat Malaysia, apabila kita adalah 30 tahun ketinggalan di belakang Kanada, 14 tahun di belakang United Kingdom dan dari segi siaran langsung Parlimen dan masih, masih tak siap sedia. Adakah beliau betul-betul berkhidmat untuk Perdana Menteri yang menginginkan mentaliti kelas pertama ataupun beliau masih lagi berkhidmat untuk bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir, yang telah menyifatkan Malaysia dalam *New Straits Times* hari ini sebagai negara *half-past-six, half-past-six*. Siapakah Yang Berhormat Menteri Penerangan berkhidmat MP sekarang atau bekas Perdana Menteri. *The New Straits Times today*, hari ini melaporkan Tun Dr. Mahathir, yang menyamakan Malaysia sebagai sebuah negara "*half-past-six country with no guts*" dalam

menggadaikan maruah negara kepada Singapura, apabila kerajaan menghentikan projek pembinaan jambatan separuh bengkok yang memakan belanja RM1.1 bilion.

Memang sebuah negara yang *half-past-six* tidak layak memerlukan siaran langsung persidangan Parlimen kepada rakyatnya seperti di United Kingdom. Jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah serius terhadap mewujudkan mentaliti kelas pertama, maka biarlah kita mula bekerja serta-merta untuk mewujudkan institusi kelas pertama. Sama ada ianya Parlimen, kehakiman, kabinet, perkhidmatan awam, universiti-universiti, pasukan polis, *mass media*, SPR, PBR, Suhakam, NGO-NGO dan sebagainya.

Adakah kita mempunyai sebuah Parlimen kelas pertama. Untuk memainkan peranan sepenuh sebagai dewan perundangan dan politik yang tertinggi di negara ini. Walaupun seorang Menteri Hal Ehwal Parlimen telah dilantik sejurus selepas pilihan raya umum 2004 tetapi, selain daripada beberapa "*BB steps*" yakni penubuhan tiga Jawatankuasa Pilihan, Khas Parlimen dan Pelantikan seorang Ahli Parlimen Pembangkang untuk memegang Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC).

Tugas-tugas utama dalam pembaharuan dan pemodenan Parlimen masih belum bermula Perdana Menteri mestilah mengambil langkah-langkah yang berani untuk bersetuju melaksanakan pembaharuan-pembaharuan Parlimen yang mempunyai kesan berpanjangan demi menghapuskan imej Parlimen sebagai *rubber stamp executive*.

Kita harus bekerja ke arah satu sistem jawatankuasa pilihan penuh di mana setiap kementerian itu akan dibayangi oleh satu jawatankuasa pilihan. Sebagai permulaan enam buah jawatankuasa pilihan Parlimen yang khusus perlu ditubuhkan iaitu:

- Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan
- Pendidikan (termasuk Pengajian Tinggi)
- Hal Ehwal Luar Negeri
- FTA
- Hak Asasi Manusia
- Teknologi Maklumat

Adakah kita mempunyai universiti-universiti kelas pertama? Dalam lima hari yang lepas saya telah menerima beberapa pertanyaan untuk mendapatkan salinan Laporan Pengajian Tinggi Zahid yang telah dibentangkan di Parlimen pada hari Khamis yang lepas. Tetapi saya menghampakan mereka kerana tiada sebarang salinan sama ada *soft copy* atau *hard copy* untuk rujukan kepentingan *stakeholders* di masyarakat kita.

Laporan Pengajian Tinggi Zahid telah membuat beberapa cadangan terhadap kualiti audit institusi pengajian tinggi di dalam negara. Begitu juga dengan penggunaan penuh teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT di dalam bidang pengajian tinggi. Walaupun begitu adalah jelas bahawa apa yang sama penting ialah rombakan besar terhadap universiti-universiti Malaysia untuk memastikan kecemerlangan kualiti dan meritokrasi mestilah dijadikan *hallmark* yang baru jikalau mereka ingin mendapat pengiktirafan sedunia dan negara ini diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan di akademi antarabangsa, maka pada masa yang sama adalah perlu untuk menjalankan rombakan besar terhadap Kementerian Pengajian Tinggi untuk menerapkan mentaliti kelas pertama ke dalam minda birokrat-birokrat yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah gariskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Adalah jelas bahawa kita belum lagi mempunyai birokrasi Kementerian Pengajian Tinggi kelas pertama. Jika tidak bagaimana pula kita hendak menjelaskan kegagalan untuk melaksanakan pengurusan ilmu pengetahuan yang paling asas dalam memastikan Laporan Pengajian Tinggi Zahid ini senang diperolehi dan diakses oleh semua rakyat Malaysia yang berminat sama ada ahli-ahli akademik, siswa-siswi dan anggota-anggota masyarakat madani.

Apabila Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi memberi maklum balas terhadap *blog* saya pada minggu lepas, beliau menyatakan bahawa Laporan Pengajian

Tinggi Zahid ini akan diumumkan kepada orang ramai secepat yang mungkin untuk memberi laluan kepada rundingan awam (*public consultation*). Bagaimana pula kita hendak mengadakan *public consultation* jikalau hanya Ahli-ahli Parlimen sahaja yang diberi salinannya, manakala orang ramai tidak dapat akses laporan itu kecuali meminjam daripada Ahli-ahli Parlimen. Bukankah pegawai-pegawai Kementerian Pengajian Tinggi yang bertanggungjawab sedar bahawa Laporan Pengajian Tinggi Zahid ini perlu mudah diakses oleh orang awam demi memberi peluang untuk satu rundingan awam yang bermakna. Jika jawapannya adalah negatif, maka sudah sampai masanya untuk seluruh birokrat Kementerian Pengajian Tinggi digantikan dengan mereka yang dapat memikir ke hadapan dan memahami maksud mentaliti kelas pertama.

Mengapakah tiada sesiapa pun di dalam Kementerian Pengajian Tinggi dapat memikir bahawa cara yang paling mudah dan cepat untuk menjadikan Laporan Pengajian Tinggi Zahid ini dapat diakses oleh pemegang-pemegang kepentingan (*stakeholders*) ialah dengan menetapkan seluruh laporan ini ke dalam internet seperti cara-cara yang dipraktikkan oleh negara-negara kelas pertama yang maju. Selepas 10 tahun mempromosikan Koridor Raya Multimedia untuk Malaysia melakukan *quantum leap* ke arah masyarakat maklumat dan ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan, adalah tidak munasabah untuk sebuah kementerian yang begitu penting seperti Kementerian Pengajian Tinggi untuk ketinggalan di belakang atau mempunyai birokrat-birokrat yang tidak mempunyai perancangan yang paling asas terhadap aplikasi ICT untuk menyebarkan maklumat, ataupun pegawai-pegawai Kementerian Pengajian Tinggi sedang berlawan di belakang - *fighting a rear guard action* untuk membantah keputusan Yang Berhormat Menteri kerana membentangi Laporan Pengajian Tinggi Zahid di Parlimen.

Yang Berhormat Menteri harus mengeluarkan arahan serta-merta kepada birokrat-birokrat di kementeriannya untuk meletakkan Laporan Pengajian Tinggi Zahid ini dalam laman *web* kementerian sebelum hari esok. Sebenarnya biarkan ini dijadikan satu ujian terhadap kebakaran dan kesediaan ICT birokrat-birokrat Kementerian Pengajian Tinggi. Yang Berhormat Menteri yang saya tahu, pada masa sekarang tidak ada dalam negara kerana beliau bertolak pada malam hari Sabtu untuk bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menghadiri satu lawatan dua hari ke Jamaica hari ini. Biar pun begitu, dalam era komunikasi, *instant* - di mana maklumat dapat disalurkan secepat kilat, beliau harus dapat menyampaikan arahan beliau ini kepada birokrat-birokrat di dalam kementeriannya seolah-olah beliau masih berada di dalam negara. *It's a borderless world*.

Sebanyak 29 daripada 138 cadangan Laporan Pengajian Tinggi Zahid menyatakan terhadap keperluan wajib sekurang-kurangnya 15 artikel diterbitkan dalam *Internationally referee Journal* untuk melantik ke jawatan profesor sama ada di dalam IPTA atau IPTS. Ini sudah lama tertangguh dan jikalau praktis antarabangsa terbaik ini dapat dilaksanakan dalam pelantikan kepimpinan universiti, naib-naib canselor dan timbalan-timbalan naib canselor, dekan-dekan, timbalan-timbalan dekan dan ketua-ketua jabatan dan pengarah-pengarah sudah tentulah universiti-universiti di negara kita akan diiktiraf di peringkat antarabangsa mengenai kecemerlangan dan kebaikan.

Tetapi nampaknya kita tidak dan sebab itu kita kehilangan seorang sarjana yang terbaik sekali iaitu Profesor Jomo yang terpaksa meninggalkan Universiti Malaya untuk menyertai United Nation sebagai pemangku Setiausaha Agung di bawah Kofi Annan oleh sebab pengalaman *frust* dengan pengalaman diskriminasi beliau di mana kecemerlangan beliau tidak diiktiraf oleh pihak-pihak universiti yang tertentu. Seorang yang diakui sebagai seorang ekonomis dan sarjana di peringkat antarabangsa beliau tidak pernah mendapat apa-apa pelantikan yang kanan sama ada sebagai dekan fakulti ataupun ketua jabatan sungguhpun ramai mahasiswa yang bersama beliau sudah dilantik untuk menduduki jawatan yang lebih tinggi daripada beliau.

Pada awal tahun 90-an beliau mengalami *embarrassment* apabila beliau mengalami satu *demotion*. Sungguhpun selepas beberapa tahun kedudukan beliau sebagai seorang profesor, beliau *demoted* dan *reverted* sebagai *Associate Professor* di Fakulti Ekonomi dan *last straw* mungkin tiga, empat tahun dahulu apabila permohonan beliau sebagai *senior professor* daripada gred C ke gred B di tolak, sungguhpun *reference* beliau adalah tiga orang *Nobel Laureate* termasuk Amartya Sen dan Joseph Stiglitz. Saya percaya tidak pernah ada berlaku permohonan *academia* tempatan yang disokong oleh bukan sahaja dengan tiga orang *Nobel Laureate*, malah dengan seorang

Nobel Laureate pun tidak ada, tetapi permohonan beliau ditolak. Bagaimana kita kata bahawa kita menghargai kualiti dan kecemerlangan?

Kalau prosedur pilihan yang diguna pakai di Eropah dan di United State ada digunakan, khasnya mengenai perlunya rencana dalam *International Referee Journal* dipakai, dan kalau kita mahu pakai kita perlu tahu bahawa ada empat peringkat *publication* ini (*four tiers*) - bukan apa-apa rencana dalam Berita Harian, Utusan Malaysia atau New Straits Times dan The Star boleh digunakan sebagai *referee article*, kalau ini digunakan mungkin 80 peratus daripada profesor-profesor yang kita akan sekarang di universiti-universiti, IPTA tidak layak menduduki jawatan.

Saya ingat bahawa pada minggu lalu bekas akademik, Dr Syed Husin Ali yang berkata bahawa profesor-profesor kita dan juga *vice-chancellor* kita separuh masak (*half baked*) - bukan saya yang kata. Mereka *half baked*. Bukankah ini sangat satu *humiliation* bahawa dia di pandang oleh *peer* sebagai *half baked*.

Dan kalau kita mengikuti *benchmark* bahawa perlulah 15 artikel sarjana dipublish dalam jurnal-jurnal antarabangsa mungkin pun Naib Canselor yang baru Universiti Malaya yang baru Datuk Rafiah Salim pun tidak qualify. Tetapi adakah beliau rela untuk memberikan keutamaan kepada keserjanaan, kepada ketulusan dan antara lain memperkenalkan satu peraturan di mana semua CV-CV (*Curriculum Vitae*), semua akademik-akademik boleh didapati dengan senang atas internet, supaya kita tahu apa latar belakang keserjanaan setiap akademik-akademik. Dan bukan ada orang yang ada doktor-doktor yang tidak tahu sumber dari mana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab Yang Berhormat kalau boleh cubalah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya usaha begitu cepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan saya pun ada dimaklumkan bahawa selain daripada Prof. Khoo Kay Kim, jawatankuasa cari untuk kedudukan *Vice Chancellor* Universiti Malaya, ialah orang yang akhirnya memilih Datuk Rafiah sebagai VC UM, ialah orang yang ada *publication* dengan setaraf antarabangsa. Dan kalau kita mahu *search committee* yang sebenar-benarnya pun ada diakui dan diiktiraf oleh akademik-akademik sama ada tempatan atau luar negara kita perlulah melantik anggota-anggota yang ada akademik *standing*. Bukan kita tidak ada calon-calon untuk pelantikan ini semacam Prof. Wong Gungwu, bekas UM dan satu masa Naib Canselor Hong Kong semacam Prof. Ungku Aziz, bekas VC UM, semacam Dr. Syed Hussein Al-Attas, bekas VC UM, Dr. Dato' Mohd Sham Mohd Sani pun bekas VC UKM, Dr. Kamal Salleh *former* DVC USM, Dato' Shahrom Ahmad *former* VC Brunei, Dato' Dr. Zawawi Ismail *former* VC UNIMAS, Dr. Prof. Zaki, Director UNU, Tokyo, Dr. Non Sari Razi Ahmad satu masa Ahli Parlimen di sini, Dr. K.S. Jomo, Dr. Prof. Mokhtar Tamin bekas *Dean* FEA.

Kita cukup orang dan selepas pelantikan Datuk Rafiah sebagai VC UM, Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa beliau ada kepercayaan bahawa wanita yang pertama menduduki jawatan ini boleh berjaya untuk mengembalikan kedudukan UM sebagai universiti pertama dalam negara kita. Adakah ini menjadi satu soalan bahawa UM ialah universiti pertama di negara kita? *It is not a question* tetapi kedudukan universiti pertama dalam Malaysia bukan bererti ialah *first class* atau *world class*, itulah masalah. Atau adakah dalam Kementerian Pengajian Tinggi sudah ada timbul kekeliruan sama ada Universiti Malaya boleh bertahan sebagai *the first university* di negara kita. Adakah kita ada universiti-universiti *first class* di Malaysia? Kalau kita ada... adakah UM universiti *first class*? Kalau Universiti Malaya *first class* tentulah tidak akan timbul masalah *Asia Europe Institute* (AEI). *Asia Europe Institute* di dalam Universiti Malaya menghadapi risiko akan dipinda kepada Singapura.

Oleh kerana *European Union* yang menjadi antaranya *sponsor* kepada AEI tidak berpuas hati dengan prestasi, dengan rekod AEI (*Asia Europe Institute*). *Asia Europe Institute* ini adalah antara projek-projek yang di Malaysia ada buat komitmen untuk lancarkan satu program Asia Europe dalam bidang pengajian tinggi di bawah

ASEM atau *Asia Europe Meeting process*. Dan saya harap bahawa kita boleh dapat mungkin dalam jawatankuasa yang belum di peringkat pengajian tinggi. Kita mahu tahu sama ada kita boleh membenarkan AEI ditukar oleh *European Union* oleh kerana tidak puas dengan prestasi kecemerlangan Universiti Malaya kepada Singapura. Ataupun akhirnya kalau kita masih ada AEI ialah tanpa kerjasama dengan *European Union*, kalau begitu pun tidak bererti.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membuat tindakan satu aspek yang mungkin dia tidak berhasrat untuk buat begitu apabila pada hari Rabu dia kata bahawa 15 GLC yang terbesar boleh menjimatkan RM10 bilion daripada perkhidmatan dan pembelian setahun ialah merupakan 20%. 20% kalau berjimat, kalau tidak ada pembaziran yang menyatakan bahawa *leakage* atau ketirisan sama ada dalam penggunaan wang, *rent seeking*, kebocoran, korupsi, satu masalah yang begitu besar sehingga 20%. Sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa kalau boleh GLC-GLC boleh menjimatkan 20% bererti jimat RM10 bilion.

Rancangan Malaysia Kesembilan kita memperuntukkan RM220 bilion. Kalau 20% ialah bererti RM44 bilion akan hilang dalam ketirisan. Adakah kita ada *first class*? Adakah kita ada *first class institutional* dan *implementation capacity*? Baru-baru ini saya dapati mengenai satu kontrak. Harga asal ialah RM10 juta tetapi akhirnya oleh kerana berapa lapisan *rent seeking* harga akhirnya sampai dalam tangan kerajaan ialah RM100 juta. *Original cost price* RM10 juta akhirnya bidding ditawarkan oleh kerajaan oleh kerana beberapa lapisan *rent seekers* RM100 juta. Ini bererti ketirisan, *leakage* berapa peratus? Mungkin 80%? 10% harga asal bagilah 100% keuntungan, bererti 80% *leakage*. Bagaimana ini boleh diberhentikan? Adakah kita ada keupayaan? Sungguhpun kita kata mahu *cut down cost* ini boleh ditengok daripada beberapa projek baru-baru ini.

East Coast Highway yang dua tiga hari sahaja memanjangkan *East Coast Highway* kepada 11 kilometer daripada 174 kilometer panjangkan 11 kilometer, harga naik daripada RM1.7 bilion kepada RM2.1 bilion bererti bahawa 11 kilometer yang baru RM340 juta per kilometer unit kos tambah 300%. Masa itu Yang Berhormat Menteri Kerja Raya kata bahawa kenaikan kos material 30% *bitumen* dia kata, tetapi kalau kenaikan harga material-material 30% kenapa kenaikan kos untuk 11 kilometer itu unit per kilometer tambah 300%. Bukankah ini...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, okey.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Ipoh Timor. Saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Ipoh Timor berkenaan dengan kenaikan harga yang begitu banyak sehingga kemungkinan sampai 100% kepada kontraktor tersebut. Apakah Yang Berhormat terfikir perkara-perkara seperti ini berlaku kerana pihak UMNO sendiri ada mempunyai sesuatu perkiraan dengan kontraktor atau pemaju tersebut yang selama ini pun telah menjadi buah mulut kepada masyarakat bagaimana UMNO boleh hidup kalau tidak ada dengan cara seperti ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya mungkin Yang Berhormat betullah tetapi saya tidak ada angka-angka itu. Sebab itu saya tanya adakah kita ada keupayaan pelaksanaan dan pemantauan yang *first class*? Atau kita ada sahaja slogan *nearing first class*? Bukan sahaja kes ini, kes Double Track Sentul-Batu Caves RM420 juta tiga tahun dahulu oleh kerana *suspense*, sekarang mahu hidupkan 650%, naik dekat 60%.

Apa sebabnya apabila saya tanya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, kata dia tidak tahu. Inilah hal Kementerian Kewangan. Dan saya harap oleh kerana Timbalan Menteri Kewangan ada di sini, dia boleh memberi satu penjelasan kenapa? Kenapa ada kenaikan kalau saya tidak silap 7 kilometer itu dari Sentul ke Batu Caves, 60 peratus daripada RM420 juta kepada RM650 juta dan siapa diberi kontrak itu?

Adakah ini menunjuk bahawa masalah, sama ada *transparency* dan integriti. *Crooked half bridge* kenapa tanpa tender diberikan kepada Gerbang Perdana, RM250 juta dan ini nampaknya *award* tender dahulu dan kaji, *submit design* kemudian. Oleh kerana *design* belum di *submit*. *Design* belum siap dan diberi masa minggu ini untuk dikemukakan dan satu proses pengkajian perlu diadakan. Tetapi kontrak sudah diberi, RM250 juta. Siapa muktamadkan, siapa putuskan *prelude* RM250 juta? Ini semua nampaknya tidak lurus, tidak mengikut *transparency*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat gulung supaya peluang juga boleh diberikan pada yang lain..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, ya saya akan... dan *sports complex* kita mendirikan 490 juta *gate sport* kompleks *infrastructure*, untuk apa? Dan Yang Berhormat Menteri tidak mahu jawab, dia kata dalam rancangan *planning state* dan sebenarnya sehari selepas itu pegawai tinggi kementerian sudah pergi London untuk *handing over ceremony* dan mungkin oleh sebab sudah menjadi *public issue*, *handing over ceremony* ini sudah ditundakan.

Malaysia Today RM6 juta, *Sport Ministry* diberikan kepada *Malaysia Today* untuk apa? Sampai sekarang tidak ada. Dengan ini semua menunjukkan bahawa bagaimana kita boleh memastikan bahawa ketirisan tidak sampai 20 peratus, 30 peratus berpuluh-puluh bilion-bilion ringgit dan lebih mustahaknya lebih seriusnya ialah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa tidak ada diskriminasi kepada sesiapa, apa kaum di negara kita.

Tetapi inilah, semalam saya ada di Sarawak saya tengok *Borneo Post* di mana seorang Bumiputera sungguhpun bukan Islam apabila memohon RM5 juta daripada bank untuk *enterprise* beliau, ditolak. Atas apa alasan? Ooh, atas alasan bahawa beliau bukan Bumiputera. Dia seorang Bidayuh. Seorang Bidayuh. Bukankah Bidayuh orang Bumiputera di Sarawak? Dan ini bukan satu pengalaman orang Iban di Sarawak yang tunggal. Selalu Iban-Iban di Sarawak menghadapi diskriminasi semacam ini...

Seorang Ahli: Kadazan pun sama..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dan Kadazan di Sabah. Kenapa? Adakah lagi diskriminasi? Ini semua perlu diperbetulkan. Dan oleh kerana inilah kalau kita mahu satu masyarakat yang adil. Tuan Yang di-Pertua, walaupun berbagai langkah-langkah yang lemah termasuk kenaikan kadar faedah diambil oleh Bank Negara untuk mengatasi masalah inflasi, namun indeks harga pengguna (CPI) telah meningkat setiap bulan. Selain daripada kawalan harga dan subsidi, tiada bukti jelas bahawa strategi yang tegas dan berterusan diambil untuk menangani punca masalah yang utama.

Dengan indeks harga pengguna yang diputar belit serta mengakibatkan kepuasan hati di kalangan ramai, jikalau diambil pada dasar seperti meningkatkan kadar faedah, mengawal harga barangan dan perkhidmatan serta subsidi, adalah kurang dan tidak mencukupi untuk menangani masalah inflasi yang membimbangkan. Kadar faedah yang meningkat menjejaskan suasana pelaburan. Kawalan harga mengakibatkan barangan jualan terkumpul dan menggiatkan lagi aktiviti-aktiviti penutupan.

Pemberian subsidi pula diputar belitkan, sumber-sumber tidak digunakan secara cekap dan berkesan. Apatah lagi defisit kewangan negara akan bertambah serius lagi. Terdapat jurang-jurang dasar yang serius di mana tiada kelonggaran peraturan-peraturan untuk meningkatkan kecekapan. Kos untuk menjalankan perniagaan adalah rendah, tiada jaringan keselamatan untuk melindungi golongan yang berpendapatan tetap seperti orang yang telah bersara, menjejaskan lagi ketidaksamaan pendapatan yang jelas, tidak munasabah lalu menyebabkan semakin ramai individu menghadapi masalah kemiskinan.

Terdapat juga pertembungan di antara dasar-dasar kerajaan seperti dasar-dasar pembelian yang dibahagikan kepada tender tersekat dan tender tertakluk kepada perundingan akan meningkatkan lagi kos serta dasar kewangan yang semakin berkembang seperti defisit yang tidak mapan akan meningkatkan bekalan wang ke dalam pasaran dan seterusnya tekanan inflasi akan meningkat lagi.

Kerajaan tiada perancangan kontinjen untuk menghadapi kelembapan ekonomi sedunia ekoran daripada kenaikan harga minyak yang mungkin akan mencecah USD100 setong atau pun perlindungan pertambahan ke atas ekonomi

negara-negara maju yang akan menjejaskan negara-negara yang berpendapatan sederhana seperti Malaysia.

Perlunya satu perancangan kontigensi yang menyeluruh untuk Malaysia yang berkisar pada satu, kelonggaran peraturan-peraturan untuk membaiki suasana perniagaan, meningkatkan lagi persaingan *access* yang lebih mudah untuk menjalankan perniagaan, menanggukkan projek-projek mega untuk mengurangkan tekanan perluasan dan mengelakkan defisit kewangan daripada terus meningkat, memperkenalkan tawaran bersifat persaingan untuk semua projek kerajaan, dan juga syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau GLC.

Indeks *pension* adalah selari dengan kadar inflasi, melaksanakan gaji minima untuk pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah demi melindungi mereka daripada jatuh ke bawah garisan kemiskinan, menggunakan kajian yang menyeluruh untuk menilai impak kenaikan harga minyak yang menghasilkan pakej kaedah-kaedah yang bersesuaian, inflasi adalah ancaman terbesar untuk menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Di mana lebih ramai rakyat Malaysia akan menjadi miskin jikalau program-program jaringan keselamatan gagal untuk membekalkan perlindungan. Kerajaan perlu mengkaji semula program-program pembasmian kemiskinan yang masih dijalankan dengan kadar segera. Kemiskinan bukan sahaja isu penting untuk penghuni di kampung malah sama penting untuk golongan penghuni di bandar. Inflasi akan mendatangkan impak ke atas asas-asas ekonomi seperti pelaburan, kedudukan, kewangan dan sebagainya.

Kenyataan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kedua semasa perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan adalah begitu memberangsangkan. Pengakuan beliau bahawa terdapat keperluan untuk mendapat input daripada sektor perniagaan dan masyarakat Madani adalah dialu-alukan. Biarpun begitu, janji tetap perlu dikotakan. Antara langkah-langkah yang diperlukan ialah :

- (i) Memulakan satu penilaian semula dasar perdagangan. Pada masa sekarang, terdapat beberapa kontradiksi pendirian yang diambil semasa rundingan WTO di Doha berbeza dengan pendirian yang di ambil semasa rundingan FTA dengan Australia, New Zealand, Jepun dan sebagainya kini berlaku pada Asean FTA juga. Oleh yang itu adalah diperlukan untuk mengadakan satu rangka kerja dasar perdagangan menyeluruh yang konsisten, koheren dan telus. Perlu diadakan taklimat terbuka untuk memberi peluang kepada semua sektor untuk memaklumkan pandangan mereka yang menjurus jalan kepada ini dan sebuah kertas putih untuk pertimbangan parlimen, kertas putih ini haruslah menyatakan rangka kerja untuk FTA pada masa depan.
- (ii) Mengumumkan FTA yang baru yang dimeterai dengan Jepun bersama-sama dengan pengiraan untung rugi. Pengumuman isi-isi kandungan FTA adalah amat penting untuk memastikan sektor swasta mengetahui peluang-peluang baru, sekiranya ada dan mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk mengekalkan daya saingan di bidang yang mana konsesi yang diberi kepada Jepun akan menjejaskan lindung lambakan.
- (iii) FTA dengan Amerika Syarikat persediaan yang lebih baik yang melibatkan input-input daripada sektor swasta melalui perancangan terbuka adalah diperlukan. Kita tidak harus dipaksa mengikut jadual waktu *fast track* yang ditetapkan oleh Amerika Syarikat. Persediaan-persediaan mesti melibatkan perkiraan-perkiraan untung rugi. Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah memberitahu Dewan ini bahawa kesemua ini telah dilakukan. Jikalau sedemikian maka harus kesemua ini diumumkan dan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Melalui laporan-laporan media, Amerika Syarikat telah membuat perkiraan-perkiraan untung ruginya dan telah mengumumkannya kepada

orang ramai bahawa Amerika Syarikat akan memperoleh pendapatan bernilai USD22 bilion setahun.

Adakah pendapatan untuk Amerika Syarikat ini merupakan satu kerugian terhadap Malaysia. Jika tidak apakah pula pendapatan yang dapat Malaysia memperoleh sekiranya ada. Oleh itu masyarakat umum berhak untuk mengetahui untung rugi rundingan FTA ini.

Malaysia juga harus mempelajari pengajaran-pengajaran daripada beberapa buah negara yang lain yang telah memeterai FTA dengan Amerika Syarikat contohnya Mexico dalam konteks NAFTA, negara-negara Amerika Tengah melalui AFTA Australia dengan Amerika Syarikat untuk mengelakkan sebarang *big fold* dan mengenakan rangka kerja ASEAN atau berunding secara dua hala dengan Thailand dan Singapura untuk mencapai satu pendirian bersama terhadap isu-isu yang kritikal seperti dasar harta intelek. Peraturan-peraturan produk-produk pertanian dan pelaburan yang merupakan keperluan-keperluan utama Amerika Syarikat dalam banyak FTA isu-isu kritikal yang lain meliputi mekanisme-mekanisme, penyelesaian, perahsiaan yang melibatkan peranan yang dimainkan oleh mahkamah di negara-negara rakan kongsi serta skop ok *senescens*.

Kita harus mengetahui bahawa rundingan-rundingan FTA di antara Thailand dan Amerika Syarikat telah tergantung kerana timbulnya perselisihan terhadap isu-isu kritikal yang melibatkan harta intelek. Adakah Malaysia akan tunduk kepada Amerika Syarikat dalam isu-isu ini mencetus perbalahan dengan rakan-rakan ASEAN yang lain? Yang Berhormat Menteri mesti membuat satu kenyataan menteri kepada Dewan ini berkenaan dengan status terkini rundingan FTA dengan Australia dan New Zealand adalah benar bahawa rundingan Malaysia New Zealand adalah gagal.

Akhirnya, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah memberi jawapan yang sama dan tidak kepada Dewan yang mulia ini apabila saya bertanya tentang peranan yang dimainkan oleh Kedutaan Besar Malaysia dalam menyalurkan USD1.2 juta kepada Jack Abromov yang mana sekarang telah dibicara dan dihukum oleh mahkamah Amerika Syarikat. Jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri langsung tidak boleh diterima. Berikut merupakan isu-isu utama yang masih belum dijawab;

- (i) jikalau wang rakyat tidak digunakan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat menteri mengapa kedutaan kita perlu *build*?
- (ii) mengapakah kedutaan telah kita terlibat dalam *money laundering* untuk kepentingan sendiri?
- (iii) adakah Duta Besar kita bertindak bersendirian daripada Wisma Putra atau beliau bertindak mengikut kuasa yang lain. Sebenarnya dalam mana-mana kes ini telah berlakunya penyalahgunaan kuasa dan pelanggaran peraturan oleh kakitangan awam;
- (iv) tindakan-tindakan Tan Sri Razali adalah tidak wajar sebagai seorang Duta Besar. Beliau bertindak seolah-olah seperti seorang pelobi asing yang melanggar undang-undang Amerika Syarikat. Mungkin akan didakwa dalam siasatan jenayah berkaitan 'Frank Abromov' dan wakil Tom Delay bekas pemimpin Majoriti *Republican* Di *Congress* Amerika Syarikat, imej Malaysia akan terjejas teruk jikalau ini berlaku.

Dewan ini berhak untuk mendapat satu kenyataan penuh daripada Yang Berhormat menteri terhadap pendirian yang diambil oleh Menteri Luar Negeri berkenaan dengan peristiwa yang *out rages* dan *scandals* ini dan akhir walaupun penggal Tan Sri Razali sebagai Duta Besar di Amerika Syarikat telah tamat, tetapi tiada sebarang kenyataan umum dibuat oleh Wisma Putra sehubungan ini.

Yang Berhormat Menteri masih belum menjawab di Dewan ini dan beliau harus menerangkan bahawa adakah benar bahawa Tan Sri Razali biarpun telah lama bersara tetapi masih akan dilantik untuk menjawat jawatan tinggi dalam perkhidmatan luar negeri. Di mana beliau sekarang masih berada di Amerika Utara. Yang Berhormat Menteri harus menyatakan kepada Dewan ini status dan peranan sebenar Tan Sri

Razali, apakah peranan-peranannya pada masa hadapan dan di manakah beliau akan ditempatkan.

Saya menyeru Yang Berhormat Menteri supaya memberi penjelasan-penjelasan yang penuh kerana skandal ini akan mendatangkan implikasi-implikasi yang mempunyai kesan berpanjangan terhadap imej antarabangsa Malaysia. Ketidakpatuhan kepada peraturan telah berlaku, kemungkinan *corrupcy* juga tekah berlaku dan Wisma Putra mungkin akan menghadapi kehilangan *credibility*. Adakah BPR telah dipanggil untuk menyiasat *scandal lobby* USD 1.2 juta di *Washington* ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin.

12.04 tgh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya turut hendak membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2005, 2006 ini kerana benda ini Tuan Yang di-Pertua amat penting. Kalau kita hendak soal perbelanjaan ini kita perlukan wang, kita perlukan hasil di antara agensi yang penting untuk mengutip hasil negara ialah Kastam Diraja Malaysia dan yang mendukung kita pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita lihat pada tahun 2005 dari bulan Januari sehingga bulan April, Kastam Diraja Malaysia dapat mengutip hasil RM8 bilion dan pada tahun 2006 kita lihat dari bulan Januari sehingga bulan April, setakat akhir bulan April kita dapati Kastam Diraja Malaysia hanya dapat mengutip RM6 bilion.

Kalau bulan 4 tahun sudah sehingga bulan RM4.8 bilion mengapa tahun ini boleh jadi RM6 bilion? Dan oleh kerana pada hari ini mungkin Ketua Pengarah Kastam ini adalah Ketua Pengarah Kastam yang baru dan kita lihat akhir-akhir ini Ketua Pengarah Kastam ini Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada Menteri Kewangan. Dari rumah ke pejabat dua *motor cab* digunakan. Kastam gerak cepat, yang pencegah pakai BNW satu hadapan datu belakang. Timbalan Menteri pun tidak dapat macam ini punya.... oleh yang demikian saya hendak minta supaya Kementerian Pengangkutan untuk melihat, adakah digazetkan, membolehkan Ketua Pengarah Kastam ini sampai dua kereta BNW yang gerak cepat ini eskot dia dari rumah ke pejabat?

Apatah lagi dia pergi melawat pelabuhan-pelabuhan dengan rombongan-rombongan pemberita begitu ramai mengalahkan menteri, kadang-kadang mengalahkan Perdana Menteri. Ini saya hendak minta supaya Kementerian Kewangan melihat. Lebih-lebih lagi *statement* yang dikeluarkan pada hari ini .. dia dapat muka surat hadapan..seratus pegawai kastam akan ditukar. Kalau jabatan ini hendak tukarkan pegawai apa guna buat *press statement*, tukar sahajalah.

Dengan adanya *press statement* ini kemungkinan besar moral, *integrity* dengan izin kakitangan-kakitangan kastam ini akan menurun membuatkan mereka ini tidak dapat bekerja. Kemudian ada lagi *statement*, melarang pegawai kastam berkawan dengan orang kaya. *Statement-statement* macam ini saya kira akan melemahkan lagi pihak kastam, kakitangan kastam dan kita lihat pada hari ini *statement-statement* yang dikeluarkan, mengatakan bahawa banyak di antara lesen-lesen pengimport akan dibatalkan dan saya penuh yakin dan percaya lesen-lesen import yang akan dibatalkan akan melibatkan beberapa orang pengimport-pengimport Bumiputera yang sedang belajar dan pada hari ini kita lihat apa yang berlaku di pelabuhan? Apa berlaku di air port? Oleh kerana Ketua Pengarah Kastam ini bekas pegawai pencegah, maka dia tumpukan sahaja pada kerja-kerja pencegahan - program yang diadakan baru-baru ini Program Pemutihan dan Benteng.

Kerajaan berbelanja jutaan ringgit untuk membangunkan sistem komputer di pihak kastam tetapi hari ini sistem komputer di pintu-pintu masuk tidak digunakan dengan projek yang dibuat oleh Kastam – dengan Program Pemutihan dan Benteng ini. Semua dibuat dengan cara manual akhirnya pada hari ini kalau kita lihat di pelabuhan Klang, di KLIA, di MAS Kargo banyak barang berkontena-kontena tidak dapat dikeluarkan.

Yang ini akan menjejaskan pendapatan hasil kerajaan dan juga ekonomi negara kerana pada hari ini banyak barang yang diimport dari luar negara terbengkalai di pelabuhan-pelabuhan kerana sistem yang digunakan baru-baru ini balik ke manual. Sepatutnya

kita maju ke hadapan dengan sistem pengkomputeran tetapi sekarang ini balik kepada manual. Saya pun tidak faham.

Hari ini kita bercakap tentang KPI (*Key Performance Index*). Pada saya di Kastam ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak ikutkan dalam segi ketirisan hasil, KPInya senang. Pendek kata apabila musim perayaan, baik Tahun Baru Cina, baik Deepavali, baik Hari Raya, bila tidak ada mercun, tidak ada bunga api kerana sudah diharamkan, itulah KPI kepada Kastam. Tetapi kita lihat masa hari perayaan, kita lihat bunga api dan mercun berleluasa. Dan apatah lagi tentang rokok-rokok yang diseludup.

Kita tengok hari ini di Chow Kit, rokok-rokok seludup dijual berleluasa. Inilah KPI Kastam. Kalau betul hendak mencegah, cegahlah betul-betul. Tetapi kita lihat hari ini bukan sahaja rokok-rokok yang diseludup, tetapi kita pun sudah naik pening kepala kerana beberapa jenama rokok yang kita tidak pernah jumpa, Tuan Yang di-Pertua, hari ini dalam pasaran. Walhal kerajaan pada hari ini hendak mengawal orang-orang hisap rokok macam saya ini dengan menaikkan cukai, Tuan Yang di-Pertua, sampai RM7 satu bungkus, masih dibeli lagi.

Tetapi yang hairannya, bagaimana perusahaan-perusahaan rokok yang baru ini timbul macam cendawan. Siapa yang bagi lesen ini? Dalam masa yang sama hendak menghalang ataupun hendak menggalakkan orang daripada jangan hisap rokok, kita menaikkan cukai tetapi kalau hari ini Yang Berhormat semua pergi di pasaran, di Chow Kit dan di kampung-kampung, rokok Texas, rokok apa lagi yang tidak pernah dengar namanya, hari ini berada di pasaran.

Saya hendak minta kerajaan dan Kastam, kalau benar hendak cegah soal-soal ini, kita cegahlah betul-betul supaya negara jangan hilang hasil untuk kita sama-sama membangunkan negara ini. Dari segi ini saya minta supaya kerajaan kaji balik, kalau dahulu pihak Kastam buat pencegahan, kerajaan ada memberi hadiah ataupun *reward*. Memberi *reward* kepada kakitangan pencegah yang menjalankan kerja-kerja pencegahan ini apabila dia dapat tangkap perkara-perkara yang cuba diseludupkan, kerajaan akan nilai dan akan memberi pegawai itu *reward* ataupun hadiah kerana mereka bekerja mencegah.

Tetapi akhir-akhir ini kerajaan telah tarik balik *reward* ini membuatkan sekarang pegawai-pegawai pencegah kurang rajin untuk membuat kerja-kerja mencegah ini kerana tidak ada apa-apa. Walhal apabila kerajaan memberi kerja-kerja pencegahan ini *reward*, kerajaan hanya belanja lebih kurang RM6 juta ke RM7 juta satu tahun, tetapi mereka dapat menyelamatkan hasil negara lebih daripada RM100 juta.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya hendak tanya sedikitlah pasal tawaran hadiah ini bagi mereka yang memberi maklumat amat baik. Sekurang-kurangnya kita keterbukaan. Tetapi masalahnya ialah mereka yang memberi maklumat ini apakah kedudukan mereka ini tidak akan tergugat, satu, itu kalau orang luar. Apakah Yang Berhormat melihat tidak begitu rancaknya maklumat yang diberikan kepada pihak yang berkenaan untuk membanteras penyeludupan ini, kemungkinan kalau ada orang dalam sendiri yang bertindak sebagai memberi maklumat. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Yang saya perkatakan tadi, mereka ini bekerjasama dengan pemberi maklumat dan kerajaan akan memberi *reward*, hadiah sekiranya mereka berjaya menghalang penyeludupan dan terpulanglah kepada pegawai itu, perjanjian dia dengan *informer* dia hendak bagi berapa, kerana setakat hari ini kerajaan tidak bagi apa-apa kepada pegawai itu, hanya dengan kenaikan RM350 satu bulan. RM350 satu bulan, Yang Berhormat bagi Larut, hendak belanja *informer* pun tidak cukup. Apatah lagi belanja *hand phone* dan sebagainya, tidak cukup.

Tetapi kalau kerajaan bagi *reward*, mereka akan bekerja bersungguh-sungguh dan saya tahu ada di antara pegawai kastam yang pencegah ini sanggup membeli sendiri bot laju...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sebentar...sanggup membeli sendiri bot laju untuk mengawal perairan negara daripada diserang oleh penyeludup-penyeludup dan dengan bot laju mereka ini mereka dapat mengejar penyeludup-penyeludup dan dapat tangkap dan akhirnya mereka dapat *reward*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Tentang soal Kastam ini kita tahu bahawa kita melihat kadang-kadang masalah yang mereka hadapi sebagaimana Yang Berhormat sebut. Tetapi baru-baru ini Ketua Pengarah Kastam ada menyebut tentang kakitangannya, untuk melihat supaya kakitangannya lebih dedikasi, tidak boleh berkawan dengan orang yang berada, orang yang hidup dalam kemewahan, mereka tidak boleh berdamping. Apakah ini satu justifikasi?

Saya melihat soal berlakunya tentang rasuah dan sebagainya ini bukan hanya bila mereka terdedah kepada berkawan dan sebagainya, tetapi ialah tentang ketelusan mereka bekerja sebagai amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka iaitu dalam *delivery system* yang sering kali kita bercakap ketika kita sama-sama membentangkan perbincangan soal Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Apakah justifikasi apabila seseorang ketua jabatan sendiri menegah kakitangannya supaya jangan berdamping dengan mana-mana orang yang kaya raya untuk mengelak sebarang tohmahan dan pandangan serong kepada mereka yang berkenaan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Itu sebab saya kata tadi, *statements* yang dikeluarkan supaya mencegah pegawai kastam daripada berkawan dengan orang kaya telah mengakibatkan pegawai-pegawai ini hilang fokus untuk bekerja dan moralnya amat rendah oleh sebab *statements* sebegini. Walhal perkara ini boleh dibuat sekiranya ketua pengarah kalau melihat kakitangan dia yang membuat kerja berkawan dengan orang kaya, panggil sahaja dalam bilik dan nasihat, selesai!

Tetapi kalau perkara ini dibuat *statement* keluar dalam surat khabar dan kenyataan itu pula muka hadapan surat khabar, maka moral pegawai-pegawai kastam jatuh, sehinggalah dia hendak berkawan dengan kita, dia akan tanya esok, "Engkau ini kaya atau tidak?" Kerana ketua pengarah dia tidak membenarkan dia berkawan dengan orang kaya.

Satu lagi saya hendak mempertikaikan ini, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pelaksanaan ICTR, dengan izin, Integriti, Core-Business Teknologi dan Rakyat yang dilancarkan oleh Jabatan Kastam. Cakap memang cantik. Dalam konteks integriti yang disebut, kita pun hendak tanya integriti apa. Bagaimana Kastam melupuskan barang-barang dia yang dilarikan cukai? Adakah dibuat dengan sistem tender ataupun pelupusan diberi kepada orang-orang tertentu?

Setakat hari ini yang kita tahu ada di antara kereta-kereta mewah yang ditangkap daripada peniaga-peniaga kereta oleh kerana kesalahan tidak ada AP ataupun APs yang palsu...

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya, sekejap. Hanya diberi kepada rakan-rakan dia, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Rakan-rakan dia, pegawai-pegawai kanan, KSU-KSU, saya kira kalau kita, Ahli Parlimen, Tuan Yang di-Pertua, mungkin termasuk Tuan Yang di-Pertua, belum tahu dapat lagi walaupun telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Sila sahabat saya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hebat sahabat saya dari Jasin ini, seorang Ahli Parlimen yang begitu peka. Tetapi boleh tidak balik sebentar pasal waktu dia menyentuh ini saya berada di luar Dewan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Apa pasal di luar Dewan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mengapa Yang Berhormat ada di luar Dewan? *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Parlimen membenarkan, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Speaker membenarkan, Ahli Parlimen boleh keluar sebentar kerana urusan-urusan tertentu dan kadangkala orang kawasan hendak jumpa, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jasin, soal rokok ini sahaja.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada hisap?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya penghisap dan saya berbangga kerana saya menjadi pembayar cukai yang tertinggi. Macam Tuan Yang di-Pertua tak payah cukai dan saya rasa sumbangan untuk negara berkurangan.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya jaga kesihatan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya pun jaga kesihatan Tuan Yang di-Pertua. Tetapi menyumbang untuk negara. Boleh tak Jasin terangkan agak-agak mengikut pengalaman Jasin atau agaknya Menteri yang berkenaan boleh menjawab kalau Jasin tidak terdaya untuk menjawab Berapa sebenarnya cukai rokok yang dipungut oleh kerajaan, itu satu. Berapa pula agaknya cukai rokok yang dilarikan, ini soal penguatkuasaan dan sebagainya, itu satu. Kemudian ada tak perangkaan, berapa sebenarnya kilang rokok yang berlesen dan berapa pula kilang rokok yang tidak berlesen iaitu kilang haram. Dan saya hendak tanya kementerian mana yang mengeluarkan lesen ni. Jadi ada empat soalan semuanya. Berapa cukai yang dipungut yang sebenarnya, berapa cukai yang hilang, berapa kilang rokok yang halal, yang berlesen dan berapa kilang rokok yang tidak berlesen dan yang kelima kementerian mana sebenarnya yang mengeluarkan lesen. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila Yang Berhormat bagi Jasin jawab.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan menjawab dan saya jadikan soalan yang dikemukakan oleh Sri Gading ini sebahagian daripada ucapan saya untuk membolehkan Menteri menjawab. Hanya saya hendak tambah satu lagi Yang Berhormat Sri Gading yang ini yang rokok tadi selain mengeluarkan lesen...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya bukan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Dia kata tadi Menteri yang berkenaan yang menjawab. Saya bukan Menteri untuk disoal.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia anggap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Hendak tambah satu lagi iaitu siapa yang memeriksa dan meluluskan lesen tadi yang menyiasat bahawa rokok yang dikeluarkan oleh kilang-kilang haram ini tentang *nicotine contentnya* dan apa kimia yang digunakan termasuk kilang curut yang telah dibuat oleh Sik yang membawa kita hari-hari sekotak-sekotak curut ni. Sekarang Sik sudah buat curut, Yang Berhormat bagi Jerai yang pakai *bow* ni pun Tuan Yang di-Pertua dia hendak buat kilang curut juga. Sila Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Jasin. Saya berbalik kepada soal penguatkuasaan Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat surat khabar *New Straits Times* hari ini kita nampak ada tangkapan oleh unit penguatkuasaan daripada pihak Kementerian Hal Ehwal Pengguna terhadap DVD dan DVC haram ini. Tetapi kalau kita baca *between the line* tangkapan-tangkapan itu tertumpu kepada pasar malam. Jadi ini bererti dalam rekod ada tangkapan dan ada kerja yang dilakukan. Tetapi kalau kita pergi ke gedung-gedung besar tak payah jauh pergi ke Sungei Wang sekarang ini bertimbun lot-lot kedai yang menjual DVD dan VCD haram. Saya pernah bertanya kepada salah seorang penjual di Sungei Wang, tanya mengapa penguat kuasa Hal Ehwal Pengguna ini tidak masuk di Sungei Wang. Saya diberitahu bahawa dia kata dia sudah "*kawtim*" dengan Unit Penguatkuasaan yang menjaga bahagian Sungei Wang ini. Saya tanya berapa sebulan. Dia kata satu lot kedai bayar RM3,000 sebulan.

Banyak kedai di sana. Maka mekanismenya bagaimana, saya tanya. Dia kata setiap ada *rate* mereka akan tahu dan kedai tidak akan beroperasi. Jasin, kita tidak boleh dikaburi dengan data, statistik, tangkapan oleh HEP ini kerana banyak yang tidak ditangkap, banyak yang ada "*kawtim*" yang dilakukan, itu kena *check* dan masukkan ke dalam ucapan, Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Beluran tetapi fokus saya pada kastam. Apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Beluran ini Kementerian Penerangan dan Pengguna. Tetapi walau bagaimanapun, kerajaan kehilangan hasil yang apa yang kita perkatakan. Sila sahabat saya Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kalau di Hong Kong mempunyai satu unit khas perisikan dalam bidang penyeludupan seperti yang dimaksudkan oleh Jasin seperti penyeludupan rokok, penyeludupan kereta haram kereta curi, penyeludupan baja dan sebagainya. Dan ini baru disentuh soal rokok. Penyeludupan-penyeludupan yang lain yang dilakukan tidak akan Kastam tidak boleh tahu ataupun mereka sengaja tidak mahu tahu sebab ada rundingan luaran dengan para penyeludup. Ini bukan menuduh tetapi ini menjadi bicara-bicara orang awam.

Jadi apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan bahawa mesti ada skuad khas iaitu bukan bergantung kepada penguat kuasa semata-mata tetapi unit ini mempunyai informasi yang begitu besar, rangkaian yang besar di mana mereka mampu merisik, mereka mampu menerima informasi, mereka mampu berkomunikasi campur dengan seperti menyamar diri sebagai penyeludup dan sebagainya. Seperti baru-baru ini dilakukan oleh Ketua Polis Kuala Lumpur. Dia menjadi Mat Rempit untuk menangkap Mat Rempit. Ini tidak berlaku. Di Hong Kong skuad sebegini ada dan mereka boleh menguatkuasakan dan boleh menangkap para penyeludup dan negara itu mendapat hasil yang banyak. Minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Jasin. Saya tidak menghisap rokok. Saya membayar cukai melalui saluran-saluran yang lain kepada kerajaan. Saya harap orang yang hisap boleh terus merokok tidak ada masalah. Tetapi yang penting orang yang belum menghisap rokok tu jangan hisap rokok kerana kita berkehendakkan supaya orang yang lebih hebat daripada yang sekarang. Soalan saya yang ada kaitan Satu masa saya ingat Jasin pernah mencadangkan supaya diwujudkan *secret service* sebagai satu nilai tambah dalam mencegah penyeludupan. Apakah pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih. Yang sebenarnya apa yang dikemukakan oleh sahabat saya dari Kinabatangan dan dari Sabak Bernam, yang sebenarnya di Kastam sekarang sudah ada Unit Gerak Cepat ni yang juga pergi cara macam mata-mata gelap (*detective*) menyamar dan sebagainya. Ada yang menyamar sebagai nelayan. Tetapi sekarang ini insentif untuk mereka tidak ada. Pokoknya insentif kepada mereka tidak ada kerana *reward* kalau mereka dapat mencegah penyeludupan dahulu ada, sekarang telah ditarik balik oleh kerajaan. Yang mana saya mengatakan yang dahulu kerajaan bagi *reward* satu tahun, baru enam tujuh juta tetapi dapat menyelamatkan hasil seratus juta.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, soal insentif ini soal kedua. Yang penting sebab kita tidak mahu menjadikan pasukan unit pencegah penyeludupan ini memikirkan soal kewangan iaitu apabila ada tangkapan, mereka akan pergi sebab ada ganjaran. Kalau tidak ada ganjaran mereka tengok sahaja. Kita mahu didik kan mereka supaya menjadi sebagai pegawai yang berguna, berbakti kepada negara dan dengan itu kerajaan akan menilai akan bakti mereka. Sekurang-kurangnya boleh dinaikkan pangkat ke jawatan Pengarah. Kalau ada *depend on* hadiah saya tidak bersetuju dengan Jasin sebab di situlah kelemahan kita. Mereka tidak akan bekerjasama bersungguh-sungguh sebab bekerja kuat pun tidak dapat apa-apa. Itu dalam pemikiran mereka.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Jerai minta laluan. Terima kasih Jasin.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hari ini berlainan sikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hidup kena berubah. Kadang-kadang sekali sekala berubah sedikit.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nampak lebih muda lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pasal itulah saya cuba hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana kata saya muda. Adakah Yang Berhormat dari Jasin bersimpati juga dengan pasukan Kastam kerana kadang-kadang mereka tidak cukup alat-alat untuk mereka. Logistik mereka itu tidak *up to date*. Di tempat-tempat di mana mereka bergerak itu tidak ada *scanning machine yang up to date*. Jadi kita tahulah kadang-kadang di pelabuhan itu kontena yang masuk itu begitu banyak sekali Jadi memang sukar bagi mereka untuk mengesan penyeludupan yang berlaku dan sudah tentulah kadang-kadang sedikit sebanyak tidak amanah pegawai-pegawai tersebut tetapi kita tidak boleh merangkumi kesemuanya.

Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kerajaan sungguhpun Kastam dia mengutip banyak duit tetapi duit itu dia serahkan kepada kementerian iaitu kepada kerajaan dan Kastam pula kena mohon kepada kerajaan untuk membeli sesuatu. Begitu jugalah dengan agensi-agensi lain ataupun kementerian-kementerian lain.

Bolehkah Yang Berhormat mencadangkan supaya pihak kerajaan demi untuk menambah kutipan cukai, kerajaan memberi tambahan peruntukan kepada Kastam untuk membeli kelengkapan-kelengkapan untuk mengesan penyeludupan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya setuju kerana pada hari ini kakitangan Kastam yang menjalankan tugas di pintu-pintu masuk ini tidak mempunyai kelengkapan yang cukup. Dalam segi uniform, dari segi kenderaan hari ini boleh kata beres kerana kebanyakan daripada kenderaan kastam adalah kenderaan-kenderaan yang dirampas digunakan balik oleh kastam sendiri, jadi baguslah itu kerana masalah logistik selesai.

Tetapi peralatan-peralatan yang canggih macam *scanner* dan sebagainya kita lihat pada hari ini masih berkurangan dan lebih mendukacitakan pada hari ini kita selalu bercakap daripada pagi tadi WTO kerana kita hendakkan menghormati pengimport cukup dengan kita menerima ikrar yang dikemukakan pengimport. Tetapi malangnya pada hari ini Jabatan Kastam sudah pergi ke belakang, tidak lagi menggunakan komputer tetapi menggunakan cara manual untuk pelepasan barang-barang yang menyebabkan banyak di antara barang-barang di pelabuhan dan juga di lapangan terbang....

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bintulu bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sila Yang Berhormat bagi Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Memang tadi kita sudah banyak menyoal tentang *secret service*, peralatan itu semua. Tetapi Yang Berhormat bagi Jasin adakah bersetuju dengan saya atau tidak, ini masalahnya bukan peralatan sahaja, bukan *secret service* kurang ataupun *information* tiada, tetapi masalah sekarang ada, bukan kastam sahaja tetapi semua lain-lain penguat kuasa di atas jabatan atau agensi-agensi lain.

Kalau apa-apa *information* sudah jabatan atau agensi sudah dapat minta ambil tindakan tetapi pihak penguat kuasa belum turun padang, satu dunia orang sudah tahu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ayoo, ayoo, apa ini. [Dewan riuh] Tidak tahulah cara ini *atas 'kautim'* kah atau pun mana-mana punya, semua orang tahu. Apa cadangan dan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jasin?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kalau cadangan saya Yang Berhormat bagi Bintulu, itulah sebabnya semasa awal Rancangan Malaysia Kesembilan saya mencadangkan kerajaan supaya menubuhkan *Secret Service*. Orang-orang macam itu yang menjadi pengkhianat negara kita kena kalau boleh itu sebab saya katakan *lisence to kill out*, *Secret Service* ada lesen *to kill* dengan izin. Selesaikan sahaja tetapi masalahnya sekarang takut *Secret Service* pula kena *'kautim'*

Tuan Yang di-Pertua. Ini yang berlaku dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya berharaplah masalah-masalah yang kita timbulkan daripada Dewan Rakyat pada hari ini dan juga yang lepas-lepas tidak payah kita cakap lagi bak kata perpatih "*enough is enough*" lah. *Enough is enough* dan kita minta dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat pun saya fikir cukuplah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *enough is enough*. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita berharap supaya kakitangan dapat bersama-sama dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita supaya dapat membangunkan negara dan kerenah-kerenah yang kita hadapi ini lebih-lebih lagi daripada Jabatan Kastam ini supaya diperbaiki mudah-mudahan hasil negara yang kita perlukan untuk membangunkan negara dapat kita adakan dengan secukupnya. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ramai lagi ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya terpaksa hadkan masa iaitu setiap Ahli diberi masa selama 15 minit. Yang Berhormat bagi Serdang sila.

12.35 tgh.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang dibentangkan pada pagi ini.

Misi dan Visi Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri memang jelas dan nyata untuk membantu orang ramai yang menghadapi masalah dengan jentera pentadbiran awam untuk merawat aduan yang berasas dan memanfaatkan sebagai input untuk agensi-agensi kerajaan bagi mempertingkatkan kualiti dan akauntabiliti perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Biro Pengaduan Awam juga menjalankan tugas sebagai penghubung di antara rakyat dengan kerajaan yang meliputi aduan-aduan berkaitan dengan ketidakcekapan dalam urusan pentadbiran dan ketidakpuasan perkhidmatan orang ramai terhadap sesetengah kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Pada masa ini Biro Pengaduan Awam hanya menjalankan tugas dan penerangan yang berdasarkan Pekeliling dan Arahan Pentadbiran yang dikeluarkan sebagai badan penyelarar dan memantau keberkesanan jabatan, dan agensi kerajaan dalam memberi perkhidmatan kepada orang ramai.

Sekatan tertentu yang menghalang biro ini lebih mudah dan cepat untuk menyelesaikan kes-kes aduan orang ramai memang nyata ia berpunca daripada kelemahan dan kekurangan ketegasan undang-undang, peraturan dan kuasa yang diamanahkan kepada biro ini. Saya difahamkan bahawa kebanyakan aduan yang diterima oleh Biro Pengaduan Awam sebenarnya melibatkan orang ramai yang kecewa selepas aduan kepada pihak yang berkaitan tidak dilayan atau tidak ditangani. Dengan ini, mereka terpaksa mengadukan masalah-masalah mereka kepada Biro Pengaduan Awam yang dianggap biro ini di bawah Jabatan Perdana Menteri akan mengatasinya dengan berkesan.

Pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memperkasakan tugas dan peranan Biro Pengaduan Awam dengan menyusun semula Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Institusi Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Institusi Integriti Malaysia (IIM) akan membantu Biro Pengaduan Awam semasa lawatan beliau ke Biro semasa 17 Oktober 2005. Ini dianggap wajar dan tepat.

Suatu pembaharuan dan perubahan perlu dilakukan dengan cadangan menubuhkan sebuah lembaga khas di bawah Biro Pengaduan Awam bagi

menasihatkan hala tuju untuk memastikan Biro ini berfungsi lebih berkesan perlu disegerakan dengan memberi kuasa undang-undang dan peraturan untuk membolehkan biro ini menyasiat secara terus dan tidak perlu menulis surat untuk mendapatkan maklum balas atas aduan daripada pihak yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan berusaha dengan sesungguhnya untuk mengadakan membangunkan sektor perindustrian yang cekap, berdaya saing, mengeluarkan produk-produk dan peralatan berkualiti yang mempunyai nilai bagi pasaran antarabangsa memang jelas.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari betapa pentingnya peranan *enterprise* kecil dan sederhana (EKS) sebagai tulang belakang dalam pembangunan perindustrian di negara di mana perbadanan pembangunan industri kecil dan sederhana sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan IKS di Malaysia ini. Perbadanan ini juga yang memainkan untuk menyelaraskan pembangunan IKS ke arah haluan pembangunan perindustrian negara.

Agensi itu juga memikul tanggungjawab dan tugas membangunkan IKS untuk menjadikan sebuah sektor yang cekap. Pelan induk perindustrian kedua, IMP 2, yang telah mengenal pasti IKS sebagai teras untuk memperkukuhkan industri utama ini. SMIDEB telah merangka pelan pembangunan industri kecil dan sederhana pada tahun 2001 hingga 2005 yang bertujuan mempersiapkan IKS untuk menghadapi cabaran masa ke semasa. Tetapi apa jadinya selepas pelan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana ini sepanjang masa ini. Bolehkah pihak yang berkenaan untuk memberi penjelasan berkaitan dengan perkembangannya ke atas itu?

Tuan Yang di-Pertua, penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas yang sempurna di kawasan perindustrian untuk meyakinkan dan menarik pelabur tempatan dan asing untuk melabur lebih penuh percaya. Tetapi juga terdapat infrastruktur dan kemudahan asas di sesetengah kawasan perindustrian dalam keadaan terbiar tanpa bantuan kewangan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dengan beberapa tahun lamanya termasuklah lima kawasan perindustrian kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, kawasan industri Balakong dan kawasan industri Balakong Jaya, yang mana yang dimajukan oleh individu di mana kawasan ini dijadikan kawasan besar untuk mengeluarkan produk-produk untuk pasaran. Tetapi kawasan yang diluluskan di mana kemudahan asas infrastruktur termasuklah jalan dan longkang tidak ada. Mereka pengusaha-pengusaha atau pun pengeluar di kawasan ini memang menghadapi masalah. Tetapi sehingga kini tidak ada tanda bantuan kewangan daripada kerajaan sama ada kerajaan pusat ataupun kerajaan negeri untuk mengadakan kemudahan jalan-jalan, parit-parit untuk memberi kemudahan mengeluarkan produk-produk daripada kilangnya. Kilang ini bukan kecil, kilang ini ada juga sampai tahap pasaran antarabangsa di mana juga ada di senarai dalam pasaran-pasaran saham. Inilah salah satu masalah yang dihadapi. Apa sebab berlaku demikian, walaupun kerajaan telah bersetuju untuk mewujudkan kawasan perindustrian yang begitu baik untuk menjana ekonomi negara kita. Salah satu kawasannya ialah kawasan yang saya hadapi. Maka saya minta, inilah satu masalah hendak diatasi.

Kawasan kedua, kawasan industri Kajang Utama. Di mana IKS sedang menghadapi masalah untuk menghantar barang-barang keluar akibat pembinaan lebuhraya Kajang. Di mana sekat keluar mereka daripada kawasan ini. Saya tidak tahu apa sebab pembinaan lebuhraya yang begitu penting ini boleh menyekat ke atas aktiviti-aktiviti ekonomi di IKS Kajang Utama. Terpaksa aktiviti-aktiviti di IKS Kajang Utama hadapi masalah besar dan tengah-tengah telah berhenti kerja. Ini akan jadikan satu negatif kepada menggalakkan perkembangan perindustrian di kawasan kita. Jadi pelabur-pelabur telah meminta pihaknya untuk membina satu *underpass* sebagai laluan kepada kawasan-kawasan IKS untuk jalankan aktiviti-aktiviti mereka. Tetapi sampai kini masih belum dapat apa-apa.

Kawasan ketiga, kawasan industri Jalan Reko. Kawasan ini telah wujud lama, tetapi sistem perparitan tidak sempurna. Setiap kali hujan banjir, bukan sahaja jadikan harta benda rosak, malahan aktiviti-aktiviti kilang di kawasan tersebut tidak lagi boleh di jalankan kerana dilanda banjir setinggi 3 kaki. Pelabur-pelabur di kawasan industri Jalan Reko memang menghadapi masalah. Apa sebab? Tidak ada langkah tindakan di ambil untuk atasinya. Supaya memberi satu perangsang kepada pelabur-pelabur untuk melabur di kawasan kita supaya dapat menjana ekonomi.

Keempat, kawasan industri Desa Serdang. Ini kawasan semua daerah Hulu Langat. Sudah 10 tahun telah diwujudkan, langsung tidak ada kerja-kerja penyelenggaraan untuk jalan dan longkang. Penuhlah semua lubang-lubang di situ. Macam mana untuk jadikan kawasan perindustrian begitu baik sedangkan rosak tanpa penyelenggaraan. Tidak ada peruntukan...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: ...tidak ada bantuan untuk mengatasinya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...Yang Berhormat, Pasir Mas.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Jadi itulah keluhan daripada pelabur-pelabur. Yang akhirnya, yang penting sekali kawasan industri Seri Kembangan. Pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya, meluluskan mengadakan pasar malam di dalam kawasan industri di mana seminggu dua kali. Di mana jalan-jalan di hadapan kilang dijadikan tapak pasar malam. Setiap kali pasar malam diadakan pada pukul 2 petang, penuhlah gerai-gerai itu. Jalan itu jadi sekatan, nak keluar pun tak boleh, masuk pun tak boleh. Jadi pelabur-pelabur 100 ekar ini? Mintalah pihak berkuasa tempatan aturkan...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Pasir Mas, Pasir Mas.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: ...aturkan semula kawasan pasar malam keluar. Tetapi sudah lima tahun. Pelabur sudah minta, MITI hantar. Minta jasa MITI campur tangan dan minta pihak kerajaan negeri campur tangan. Tetapi sampai hari ini, ini jadi sekatan kegiatan ekonomi IKS di Seri Kembangan. Apa sebab jadi demikian? Apa sebab kawasan-kawasan industri yang telah digalakkan dan di sokong kerajaan, tetapi kemudahan asas dan infrastrukturnya demikian teruk. Tidak ada yang memberi dorongan, untuk memberi galakan atau perangsang kepada pelabur-pelabur asing dan tempatan. Inilah minta pihak yang berkenaan untuk ambil tindakan.

Yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah mengumumkan dalam surat khabar, saya petikkan, *Education Minister Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein says, "His ministry will keep up glance to active and committed school alumni under ninth plan"*.

Ertinya, Yang Berhormat Menteri akan bagi tabung kepada persatuan bekas-bekas murid untuk membantu sekolah. Saya tidak mempertikaikan, tetapi apa salahnya, apa sebabnya PIBG diabaikan. PIBG yang ditubuhkan di bawah akta pendidikan 1956. Peraturan-peraturan pendidikan PIBG sub peraturan 7(2). Ertinya PIBG yang ditubuhkan di bawah akta pendidikan yang dengan tujuan dan matlamat yang begitu nyata yang telah diberi kepada setiap sekolah. Supaya sekolah boleh tubuhkan PIBG untuk jalankan aktiviti untuk membantu sekolah. Peranan yang dimainkan oleh PIBG begitu penting. Saya tidak katakan persatuan bekas-bekas murid atau alumni itu tidak penting, tetapi kalau bandingkan PIBG yang di bawah akta ini atau pendidikan ini lebih penting daripada yang lain. Fungsi yang dijalankan untuk memberi kerjasama untuk bagi erat dengan sekolah. Tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: ...tetapi apa sebabnya pihak Kementerian Pelajaran tidak mempertimbangkan untuk memberi tabung seperti mana yang dikatakan kepada persatuan bekas-bekas murid atau alumni. Dengan demikian itu, inilah satu masalah. Kalau ikuti tujuan, fungsi dan peranan yang dimainkan oleh PIBG yang lebih mendesak, yang lebih rapat dengan sekolah. Yang rapat dengan anak-anak kita, dengan guru-guru. Dengan adanya bantuan daripada pihak Kementerian Pelajaran, akan lebih melipatkan lagi usaha untuk menjamin perkembangan sekolah.

Maka itu saya harap semasa Kementerian Pelajaran menimbang untuk memberi tabung alumni atau Persatuan Bekas Murid juga hendaklah menimbang memberi keutamaan supaya tabung daripada Kementerian Pelajaran boleh disalurkan kepada PIBG untuk menjalankan aktiviti-aktiviti atau sebarang kegiatan yang boleh membantu kelemahan sekolah untuk mengeratkan lagi hubungan antara guru-guru,

untuk mengeratkan murid-murid dan juga boleh membantu untuk pembangunan sekolah.

Oleh yang demikian saya harap Kementerian Pelajaran perlu menimbangkan di mana PIBG begitu penting di bawah Akta Pendidikan yang telah diiktirafkan dan juga memainkan peranan penting pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan, hendak berucapkah?

12.51 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut membahas dalam P.49 – Kementerian Pendidikan Tinggi.

Pertama sekali saya ingin merakamkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia sebab sedang mengusahakan untuk mewujudkan beberapa IPTA seperti di Kelantan dan di Terengganu. Hasrat untuk mewujudkan universiti-universiti ini ialah untuk menyediakan satu keadaan pendidikan yang kondusif yang bertaraf dunia.

Persoalan yang saya ingin bangkitkan iaitu kementerian dan kerajaan kena menjuruskan ke satu fokus yang lebih global, contohnya nama universiti ini seperti di Kelantan iaitu Universiti Darul Naim, kalau tidak silap dan di Terengganu, Universiti Darul Takzim. Namanya pun sudah berbentuk *regional*, Tuan Yang di-Pertua, tidak berbentuk global. Jadi, bagaimanakah kita hendak mengisi negara kita dalam satu industri pendidikan yang boleh menarik perhatian pelajar-pelajar luar sedangkan dari segi nama kita sudah bersifat kenegerian.

Seharusnya universiti-universiti bersifat kenegerian ini tidak perlu wujud sebab ini dilaksanakan di Amerika iaitu di mana terdapat universiti di namakan atas nama negeri tetapi dibiayai oleh kerajaan negeri. Sementara IPTA yang didirikan di negara kita ini diberi belanja peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan. Bermakna Kementerian Pendidikan, tidak tahu ada wakilnya di sini atau tidak, saya nampak tidak ada. Dia punya Setiausaha Parlimen ada.

Saya harap melalui Setiausaha Parlimen kementerian ini kena mengkaji bagaimana untuk memperlihatkan, bagaimana Malaysia...

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan, sebenarnya di Sabah pun ada Universiti Malaysia Sabah, di Sarawak, Universiti Malaysia Sarawak. Adakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kementerian bahawa Universiti Darul Iman dan Darul Naim ini diubah menjadi Universiti Malaysia Darul Iman dan Universiti Malaysia Darul Aman.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekurang-kurangnya mesti ada nama Malaysia, kalau pun tidak mahu digunakan nama lain, sekurang-kurangnya mesti ada nama Malaysia. Ini sebab Malaysia adalah merupakan satu negara yang diketahui oleh umum untuk menarik daya tarikan lebih banyak pelajar-pelajar luar untuk mengikuti pengajian tinggi di negara kita, maka kerajaan dan kementerian ini kena fokus. Nama pun sebetulnya boleh menarik perhatian orang ataupun tidak.

Walaupun nampak *simple* tetapi sekurang-kurangnya kita kena melambangkan negara kita jangan bersifat berunsur kenegerian sehingga mungkin boleh menimbulkan persoalan di kalangan pelajar tempatan mahupun pelajar yang datang dari luar negara. Ini pada saya merupakan satu kemestian yang harus ditumpukan oleh kementerian ini ke arah menjuruskan bagaimana industri pendidikan kita seperti di Indonesia, ia menjadikan Kota Jogja itu sendiri sebagai satu pusat pendidikan cemerlang.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Cuma tadi disebutkan tentang penubuhan universiti. Ini ada trend pula hari ini di mana pemilihan naib canselor, pemilihan pegawai-pegawai ataupun pensyarah-pensyarah yang akan bertugas di universiti-universiti itu hendaklah daripada negeri-negeri yang tertentu. Apakah Yang Berhormat bersetuju dalam hal ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak bersetuju dalam cadangan ini. Ini ada di dalam *content* ataupun cadangan ucapan saya berhubung dengan pelantikan-pelantikan VC ini. Jadi, sebelum saya menjawab akan saya hujahkan tentang pelantikan-pelantikan VC kerana ia menjadi bualan orang ramai tetapi saya memang tidak bersetuju. Ini kerana pada saya pendidikan tidak semestinya berunsurkan kenegerian juga, cukuplah politik kita ini kadang-kadang berunsur kenegerian.

Tuan Yang di-Pertua, ini penting sebab bagaimana kita hendak menarik seperti yang saya katakan tadi, di Indonesia, pusat pendidikan cemerlang iaitu di Kota Jogja, iaitu terdapat lebih kurang, kalau saya tidak silap iaitu terdapat lebih kurang 270 ribu pelajar-pelajar luar yang berhijrah ke Kota Jogja untuk mengikuti pendidikan tinggi di bandar tersebut. Di negara kita, saya tidak boleh kira. Cuma UIA mungkin ada pelajar luar, yang lain boleh dikira dengan ibu jari kita di satu-satu fakulti berapa pelajar luar yang datang.

Permasalahan lagi yang kita hadapi iaitu kerajaan terlalu memfokuskan, mewujudkan satu universiti yang menelan belanja berbilion-bilion ringgit. Contohnya di Sabah, kita ada Universiti Malaysia Sabah, fakulti yang kita lihat iaitu Fakulti Perhutanan antara lain, kenapa tidak Fakulti Perhutanan itu dibuka *out campus*nya di daerah lain seperti di Sandakan, yang terkenal dengan pengeluaran hasil mahsul hutannya. Kenapa perlu ditumpukan di Kota Kinabalu?

Dengan cara sebegini, saya dapat melihat bahawa kita akan dapat menjuruskan ilmu pendidikan tinggi itu secara saksama iaitu daerah-daerah lain juga mendapat hasil pendidikan dengan adanya kampus luaran. Kenapa perlu ditumpukan dalam satu bangunan, tidak di *diversified* di antara daerah-daerah dalam negeri tersebut. Misalnya Fakulti Sains di daerah lain, Fakulti Kedokteran di daerah lain, Fakulti Sains Sosial di daerah lain dan barulah dapat mewujudkan satu suasana pendidikan yang boleh menjana minda kesemua pihak.

Tetapi kita punya konsep saya lihat cuma fokus kepada satu bangunan, tidak ada *out campus*, yang cuba diilhamkan atau ditetapkan. Dan, ini rasa saya perlu juga difikirkan oleh pihak kerajaan dan kementerian ke arah bagaimana memperkasa seperti yang diuar-uarkan oleh Menteri kita, oleh kepimpinan kita, memperkasa ilmu pendidikan alam Malaysia. Bagaimana alam Malaysia itu yang kita hendak realisasikan? Satu persoalan lagi, iaitu baru-baru ini terdapat lebih kurang 1,447 yang mendapat keputusan A1, dan mereka ini kesemuanya...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tiga Ahli Yang Berhormat bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tengah-tengah dahululah.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Okay, saya ingin balik kepada isu kampus yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya melihat bahawa banyak universiti tempatan, IPTA kita sekarang ini lebih fokus kepada *physical achievement*. Kampus itu sendiri begitu mahal, begitu indah dibuat, berjuta, berbilion ringgit digunakan untuk mewujudkan kampus. Mengapa tidak duit daripada kecantikan kampus itu, kita guna untuk buat *software* untuk pendidikan kampus, kualiti universiti itu dipertingkatkan? Mengapa tidak itu ditumpukan oleh kerajaan? Adakah Yang Berhormat bagi Kinabatangan melihat ini satu keperluan?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tangga Batu, boleh?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekali.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sekali, sekali. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Kinabatangan sungguh berminat tentang kemajuan pendidikan di institusi pengajian tinggi. Yang Berhormat perasan atau tidak Yang Berhormat pun sekarang sedang mengaji, menuntut *Master Degree*, kesediaan siswa serta siswi kita hari ini untuk cabaran pasaran adalah kerana sistem pendidikan di dalam institusi pengajian tinggi itu perlu dilihat semula.

Dahulu kita ada tutorial, sekarang ini seorang pensyarah cuma mengajar satu minggu dua kredit *hours* sahaja iaitu lebih kurang dalam lima jam. Dan, pensyarah ini pula tertumpu kepada aktiviti lain seperti perniagaan, juru runding dan sebagainya. Oleh kerana pensyarah ini tidak menumpukan pengajarannya pada siswa dan siswi ini sebab itulah kualiti graduan kita menurun dan tidak layak pun untuk menerima tawaran-tawaran pekerjaan di pasaran. Apa pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup, boleh jawab sekali gus nanti. Sambung petang ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kinabatangan sila sambung ucapan.

2.31 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyambung...

Tuan Yang di-Pertua: Ada lima minit lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...perbahasan saya...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order*. Saya ingin menyebut Perkara 41(f). Pagi tadi Tuan Yang di-Pertua ada membuat peraturan *ruling* bahawa *tie* panjang dan *tie* pendek pun digunakan di dalam Dewan ini...

Tuan Yang di-Pertua: Ya

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan pada ketika ini mengenakan *tie* kurus ataupun secara spesifiknya *country tie*. Adakah ini juga termasuk dalam *ruling country* pagi tadi? Saya ingin keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apabila Tuan Yang di-Pertua membuat *ruling* saya percaya apa saja bentuk pokoknya bernama *tie* boleh digunakan dan ini pun *tie* juga, *country tie*. Jadi saya minta keadilanlah sejauh mana *ruling* ini boleh diguna pakai oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini tidak sesuai.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua *bow* pun tidak sesuai kalau ada upacara rasmi di istana Agung *bow* tidak dibenarkan masuk dan Dewan ini, wakil Agong di sini tapi dibenarkan juga, yang tidak pakai *tie* pun boleh. Jadi kena buat satu keputusan yang kalau boleh kita adakan perbahasan pakaian mana yang lebih sesuai...

Tuan Yang di-Pertua: Tak perlu ada perbahasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ..untuk diguna pakai. Sebab *ruling* berbeza-beza Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak perlu perbahasan. Ini terpulang kepada keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua lain kali orang datang bergantung sama Tuan Yang di-Pertua punya peraturan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, betul.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...kita punya buku peraturan ini seolah-olah tidak diguna pakai.

Tuan Yang di-Pertua: Guna pakai. Baca lepas ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...ini pun *tie* juga Tuan Yang di-Pertua. Dia *country tie*.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak sesuai. Tapi untuk kali ini bolehlah ya, lepas ini tidak boleh lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Bukankah perkara ini kita patut selesai mungkin perbincangan di luar bukan gunakan masa yang begitu berharga untuk perbincangan. Buang masalah. Tidak ada *impression* yang baik kepada...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tadi Ketua Pembangkang kata hendak keluar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ahli Dewan yang mulia ini, *laughing stock*lah, tak gunalah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kinabatangan hendak sambung? Dan masa yang ada...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua adakah Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Dan masa yang ada sudah guna untuk bincang akan dipotong.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Lima minit

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Saya hendak balik kepada keputusan Tuan Yang di-Pertua pagi ini, ianya sesuai. Adakah Tuan Yang di-Pertua ingin *impress*kan keputusan pagi tadi?

Tuan Yang di-Pertua: Ia oleh kerana ia sudah dipakai boleh terus dipakai pada hari ini, lain kali tidak boleh lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Beluran tadi iaitu menyatakan bahawa kerajaan ataupun Kementerian Pendidikan Pelajaran Tinggi banyak menfokus kepada *physical development* dengan izin, iaitu kurang melihat bagaimana *software* itu, pengisian itu diadakan untuk memastikan bahawa negara kita ini menjadi sebagai satu pusat pendidikan cemerlang. Untuk menuju ke arah pusat pendidikan cemerlang, menteri kena cemerlang, KSU kementerian kena cemerlang, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimennya kena cemerlang, *Vice Chancellor* pun kena cemerlang Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...cemerlang ke arah berani mengubah suatu struktur. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sering menyatakan terdapat peraturan yang terdapat dalam negara kita sudah lapuk tapi masih diamal, masih diguna pakai.....

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingin bertanya.....

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuaran. Penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Emm...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Ini bercerita tentang kecemerlangan di Institusi Pengajian Tinggi. Pada hari Khamis yang lalu, pihak kementerian telah meletakkan di meja kita, satu laporan yang dipanggil laporan Zahid iaitu satu laporan daripada jawatankuasa mengkaji, menyemak dan membuat perakuan tentang hala tuju Pendidikan Tinggi Malaysia.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan, adakah Yang Berhormat sudah sempat menjenguk-jenguk laporan ini dan Yang Berhormat bersetuju dengan laporan yang di mana tema laporan ini ialah langkah-langkah ke arah kecemerlangan institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia.

Sebab dari mula perbincangan Yang Berhormat, Yang Berhormat telah menceritakan bagaimana mencemerlangkan, jadi apakah Yang Berhormat bersetuju dengan laporan ini? Yang diceritakan di sini dan adakah Yang Berhormat bersetuju supaya laporan ini [Ketawa] adalah memenuhi kehendak seperti mana Yang Berhormat cakapkan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Dikatakan memenuhi tidak Tuan Yang di-Pertua sebab banyak ruang-ruang yang mahu kita cadangkan tidak dimasukkan dalam cadangan-cadangan itu, cadangan bagi sebelah pihak. Justeru itu juga kenapa kementerian perlu mendengar laporan ataupun pandangan dari pihak-pihak yang lain sebab kita menguar-uarkan bahawa ingin mewujudkan suasana pendidikan tinggi kepada pelajar-pelajar luar negara. Ia salah satu prasyaratnya bukan hanya bangunan itu, lokasinya besar, kawasan kampus universiti kita besar, bukan itu yang diperlukan, sebab di Eropah, tidak seperti di negara kita, bangunan universiti berbilion-bilion besar peruntukannya, peruntukan perbelanjaan konvo dia pun besar. Tetapi inti pati pendidikan, pengajaran itu sendiri yang menepati tahap sasaran antarabangsa dan inilah kalau boleh perlu ditekankan seperti saya sentuh tadi iaitu terdapat lebih kurang 1,447 iaitu pelajar-pelajar cemerlang yang mendapat A1 dan mereka ini kebanyakannya menjurus ke arah kedoktoran, perubatan, farmasi dan sebagainya.

Malangnya, cuma sedikit sahaja di antara mereka ini dapat diberi tempat di pusat, di fakulti-fakulti ke arah jurusan ini, dan di peringkat awal lagi ada unsur-unsur yang cuba menakut-nakutkan pelajar ini dan mereka didedahkan dengan mayat dengan kengerian dan sebagainya, dan ada yang menarik diri sebab mereka ini pelajar-pelajar baru seharusnya Kementerian ataupun mereka yang diberi amanah untuk melihat ke arah fakulti yang sebegini memberi dorongan sebab mereka inilah harta negara, mereka inilah modal insan yang perlu kita terap kalau kita boleh diterapkan mereka kepada fakulti-fakulti...

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...yang mereka inginkan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mahu Habiskan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Lepas ini tamat Yang Berhormat bagi Kinabatangan

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Jadi saya tertarik dengan mengatakan pelajar-pelajar yang cemerlang tadi masuk ke fakulti-fakulti perubatan, farmasi dan sebagainya.

Jadi di sini saya nak memohon penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kinabatangan, adakah mereka yang cemerlang dari segi akademik sahaja yang boleh masuk ke fakulti ini? Ada atau tidak pertimbangan-pertimbangan lain seperti *attitude* mereka terhadap bidang perubatan dan farmasi. Semangat sosial servis dan lain-lain yang juga perlu diambil kira. Kerana apa yang saya difahamkan, doktor-doktor yang dulu-dulu, yang menjadi pakar dan handal sekarang ini pun tidak mempunyai keputusan yang sangat cemerlang dalam pendidikan, dalam akademik. Tetapi mereka mempunyai *attitude* dan juga semangat sosial servis yang baik, menyebabkan mereka menjadi seorang doktor yang cemerlang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya terima kasih Yang Berhormat, cadangan Yang Berhormat akan saya masukkan dalam ucapan saya Tuan Yang di-Pertua. Sebagai penggulungan, Tuan Yang di-Pertua, kalau bolehlah kerajaan tidak harus menjadikan kos ataupun kewangan sebagai penghalang untuk mewujudkan satu suasana pendidikan yang boleh mencemerlangkan negara kita. Kalau boleh kerajaan kena mewujudkan satu universiti perubatan iaitu tidak memerlukan satu bangunan yang besar, yang berbilion-bilion tetapi difokuskan *software* dia di peringkat daerah dan negeri-negeri, *out campus* misalnya dan ini akan mempermudah kementerian ini melaksanakan amanah dan tanggungjawab.

Dan yang terakhir Tuan Yang di-Pertua iaitu P.10, di mana kalau saya tidak sampaikan, kakitangan dan pegawai kerajaan merasa mereka tidak dihargai sebab syarikat besar contohnya korporat, apabila ada pendapatan, dia membeli kereta mewah, maka dikecualikan daripada cukai. Tetapi malangnya pegawai dan kakitangan kerajaan apabila mereka membeli rumah, kereta, tidak ada pengecualian cukai kepada mereka. Dan mereka rasa terharu sebab kenapa syarikat-syarikat besar ini diberi pengecualian cukai sedangkan mereka juga membeli kereta, tidaklah bermakna kereta RM100 ribu, mereka meminta RM10 ribu, RM20 ribu cukai. Memadailah dengan mungkin RM5 ribu hingga RM6 ribu cukai dikecualikan bagi pendapatan mereka. Dengan demikian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jerai.

2.42 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya nak mengalu-alukan pemimpin masyarakat kawasan Parlimen saya Tuan Yang di-Pertua, orang yang telah banyak berjasa.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangun untuk membahas Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua Tahun 2005. Saya ingin bercakap berkenaan dengan Kementerian Pendidikan, iaitu saya meminta kerajaan supaya mengkaji balik *design* sekolah-sekolah yang ada hari ini Tuan Yang di-Pertua.

Sekarang ini kita nampak, sekolah-sekolah tak sama Tuan Yang di-Pertua. Dulu kalau sekolah rendah, kita dah tahu *design* dia, sekolah menengah, kolej, dia ada reka bentuk dia. Tetapi hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat perbelanjaan berlebihan kerana ada sekolah menengah, *design* dia status lebih kurang macam kolej. Ada juga sekolah rendah *design* dia macam sekolah menengah. Jadi pihak kementerian kena mengambil kajian tentang *design* bangunan-bangunan. Kita sama ratakan, bermaknanya kalau sekolah menengah, *design* dia satu reka bentuk dan ini akan menjimatkan kos, dan kita akan tahu kos sebenarnya sekaki berapa untuk sekolah menengah. Begitu juga sekolah rendah dan juga kolej-kolej ataupun universiti-universiti. Ini akan menjimatkan lagi perbelanjaan kerajaan kerana dulu banyak *design and build* ataupun kita *design*, kita reka bentuk, dan kita bina.

Ini menyebabkan kadang-kadang kos berlebihan dan ini merugikan kerana banyak sekolah lagi memerlukan bantuan. Banyak sekolah-sekolah di luar bandar memerlukan peruntukan untuk diperbaharui, diperkemaskinikan, diisikan dengan *science lab* dan sebagainya. Tetapi kadang-kadang disebabkan oleh kita berbelanja tidak mengikut aturan dan juga peraturan, kadang-kadang kita kerana hendak menolong seseorang, maka kita biarkan sistem *design and build* ini dijalankan dan ini merugikan pihak kerajaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya Sri Gading, Sri Gading baru semalam, kelmarin dalam TV Tuan Yang di-Pertua, pasal P. Ramlee.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Jerai. Saya tertarik dengan ungkapan Jerai tadi, "perbelanjaan kita yang seolah-olah macam tak ada peraturan". Itu kalau kefahaman sayalah, kalau salah, saya minta maaf. Cuma saya ingin bertanya kepada Jerai atau agaknya boleh Jerai ambil ucapan saya ini sebahagian daripada ucapan Jerai untuk dikemukakan kepada pihak kementerian.

Perbelanjaan mengurus ini RM10 bilion - tambahan ini, RM10 bilion ini bukan sedikit. Yang saya pelik, yang saya hairan, ini mengurus ini maknanya berkaitan dengan gaji, berkaitan dengan pembelian-pembelian, berkaitan dengan pengurusan. Kenapa tidak boleh dibuatkan *estimate* yang benar-benar, yang tepat? RM10 bilion ini bukan perkara yang kecil, pelik saya boleh ditambah sampai RM10 bilion. Kalau agaknya RM200 juta-RM300 juta lari daripada peruntukan asal, saya boleh terima juga. Tapi apabila sampai RM10 bilion tambahan, saya tak tahu macam mana sebenarnya perancangan perbelanjaan yang dibuat dalam mengurus. Mengurus ini benda yang telah kita ada di atas meja kita, ini gaji, ini nak beli peralatan, ini nak beli kertas,

maknanya benda yang boleh dirancang. Yang peliknya, pembangunan cuma RM2 bilion, RM2,000 juta pembangunan ini terus kepada rakyat, pengurusan ini adalah pihak pengurusan.

Jadi saya tertarik apa yang dikatakan oleh Kota Belud, tiap-tiap RM4, RM1 sahaja pergi ke pembangunan, RM3 kepada pengurusan. Tapi macam ini boleh jadi RM6 pergi pengurusan, RM1 pergi pembangunan. Kalau pembangunan ditambah, saya terima kerana dia terus kepada rakyat. Tapi pengurusan ini maknanya habis di pihak yang mengurus, jadi saya tak faham, mungkin tak tahu macam mana orang yang memegang perbelanjaan ini boleh tambahan ini RM10 bilion. Huh, bukan satu angka yang sedikit. Saya minta pandangan sahabat saya dari Jerai yang bijaksana. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kalau soalan itu agak mengganggu sedikitlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak mengganggu, cuma mengacau sikit. *[Ketawa]*

Beginilah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pun dah kata dah, "belanja dengan berhemah dan berjimat cermat". Kalau dari sudut perniagaan, kalau macam ini dikira gulung tikar dah, maknanya dia punya *return* tidak ada, ROI dia tidak ada, ini Kuala Terengganu, dia dengan ROI dia Tuan Yang di-Pertua, *return on investment* ataupun pulangan daripada pelaburan. Tetapi mungkin dalam negara yang sedang membangun, kita memerlukan banyak tenaga kerja kerajaan. Kita banyak memerlukan logistik-logistik, benda-benda kelengkapan untuk kita membangunkan negara kita ini.

Di samping itu juga Tuan Yang di-Pertua, ada juga ketirisan, bermakna Tuan Yang di-Pertua kalaulah di ibu kota, di kementerian, kelulusannya katalah RM1 tetapi yang sampai kepada rakyat, yang marhaen di kampung ini mungkin 50 sen ataupun itu tertinggalah, kadang-kadang 3 kupang sahaja yang sampai.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sri Gading lagi Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perbelanjaan ini perbelanjaan tahun 2005, maknanya wang ini sudah *al-ghaib*, memang dah pakailah. Apa kata kalau Ahli Parlimen marah, tak terima, tak nak terima peruntukan ini, tidak mahu meluluskan ini, apa akan jadi kepada perbelanjaan itu? Tidakkah perbelanjaan itu jadi perbelanjaan yang haram? Soal dah belanjalah, dah belanja baru minta kelulusan. Kita nak betulkan supaya perkara-perkara macam ini RM10 bilion Tuan Yang di-Pertua, RM10 bilion ini banyak duitnya Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tambah sikit Jerai?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Nanti dulu Kinabatangan. Saya punya *floor* sekarang, Jerai memberi saya. Kinabatangan sudahlah tak pakai *tie*, tak pakai *bow*. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dua-dua ini kepala angin Tuan Yang di-Pertua, tak bagi pun susah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jangan tolak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, misalan saya kata takkan mungkin kita tolak.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat bagi Jerai boleh sekali jawab sekali. Pertama Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan selamat datang kepada pemimpin-pemimpin masyarakat daripada Jerai yang di bawah pimpinan Yang Berhormat daripada Jerai. Mereka ini Tuan Yang di-Pertua banyak berjasa kepada negara, menyumbang bakti mereka kepada negara kita dan Jerai sebetulnya saya pun memang *concern*, kenapa pihak kementerian, seharusnya perancangan untuk pengurusan ini dirancang awal-awal kenapa dia dalam program pembangunan jalan, masuk lagi peruntukan yang banyak berbilion-bilion untuk pengurusan tidak sampai kepada rakyat untuk orang-orang tertentu.

Apakah Jerai mencadangkan kepada kerajaan supaya tidak berlaku seumpama ini, seharusnya perancangan contohnya Rancangan Malaysia Kesembilan ini dirancang pengurusan dia berapa dan tidak perlu ditambah lagi, minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang bersetuju dengan pandangan kedua-dua Yang Berhormat saya ini rakan saya ini dan kita berharap kita cuba jangan banyak pembaziran, jangan kita banyakkkan kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua macam saya biasa dok berucap, kadang-kadang dalam satu majlis perasmian meletakkan batu asas kepada satu projek yang belum ada lagi pun kita sudah belanja beribu-ribu ringgit. Bila siap bangunan itu perasmian dia pula beribu-ribu ringgit. Kemudian kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua dalam satu-satu majlis itu dengan asapnya keluar perasmian itu, dengan asap keluar dengan tembakan kemudian keluar kertas-kertas, kertas-kertas itu tidak boleh pakai Tuan Yang di-Pertua dan itu kos.

Jadi kalau kita cuba selamatkan benda ini, buat ala kadar, belanja berhema Insy Allah duit kerajaan duit rakyat ini dapat kita selamatkan untuk membangunkan negara kita ini. Tetapi dari segi kalau kita buat *review* macam Rancangan Malaysia Kesembilan dia akan ada *mid term review*, itu kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini memang boleh dibuat untuk memastikan apa yang kita luluskan di peringkat awalan itu mungkin tidak kesampaian dan perlu tambahan. Contohnya kalau kita buat bangunan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Cepat sedikit selepas ini gulung.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Jerai, mungkin Jerai setuju dengan saya. Betul saya setuju kalau kita tengok dengan keadaan tentang pembaziran, majlis perasmian kita ambil contoh. Kita panggil Islam Hadhari, kita baca doa, selepas baca doa kita berucap dan kalau perlu ada orang-orang jemputan itu sekali dengan orang-orang yang dijemput mungkin orang miskin, kita bagi hidangan sebagai tanda kesyukuran kita. Tidak perlulah dengan cenderahati yang besar-besar ini. Seolah-olah bila bagi cenderahati yang besar-besar ini orang itu dapat nama. Sebenarnya kalau pergi ke liang lahad pun soalan itu tidak timbul, dia cuma tanya siapa tuhan kamu? Allah.

Jadi apakah Yang Berhormat setuju supaya kita ubah minda ini di kalangan pengurusan ini, majlis-majlis perasmian waima daripada peringkat tinggi sampailah ke bawah, kita ringkaskan. Kita berucap perasmian, baca doa itu memang mustahak, tidak perlu lagilah yang macam Yang Berhormat sebutkan tadi macam-macam hendak diatur ini sudah mengambil masa kadang-kadang terpaksa ambil cuti dan sebagainya kakitangan kerajaan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya betul Tuan Yang di-Pertua saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua kerana pembaziran ini Allah Taala marah. Orang yang membazir ini dia sahabat kepada syaitan. Jadi Tuan Yang di-Pertua ala kadar sudah, lagi satu Tuan Yang di-Pertua kalau kita buat forum-forum antarabangsa, cukup-cukup kadang-kadang pembaziran itu keterlaluan kita lihat. Sedangkan di perkampungan ini pun mereka memerlukan bantuan, peruntukan untuk kita membangunkan kawasan-kawasan luar bandar kita. Jadi saya berharaplah pihak kementerian kewangan supaya mengeluarkan arahan kepada semua kementerian-kementerian, ketua-ketua jabatan kurangkan kos perbelanjaan.

Jadi kalau kita hendak bagi depa satu sijil kepujian tentang perkhidmatan Tuan Yang di-Pertua, pastikan ketua jabatan itu diberi sijil kepujian apabila kos di *reduce* kos dikurangkan dan projek berjalan dengan baik. Bermaknanya dia *perform*, dia menjalankan tugas dengan baik. Kita tidak mahu pembaziran Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang makan berlambak-lambak habis, kita buat di hotel satu kepala Tuan Yang di-Pertua makan RM50, RM60. Kadang-kadang separuh tidak datang, hotel sudah caj kita beribu-ribu habis. Duit itu kita boleh buat rumah PPRT di kampung yang belum ada, kita boleh pasang paip untuk kampung, kita boleh pasang api untuk orang kampung dan sebagainya.

Jadi inilah saya harap sangat-sangat. Kita tidak apa kalau demi untuk pembangunan negara itu tidak masalah, duit ini pulang kepada rakyat kerana rakyat yang membentuk kerajaan pada hari ini. Tetapi yang kita marah ialah pembaziran yang keterlaluan, yang tidak sepatutnya berlaku di negara kita ini. Jadi kita kena jimat-cermat. Kementerian Kewangan saya puji kerana cuba mengawal negara kita daripada perbelanjaan deposit, cuba hendak mengurangkan deposit ini. ini adalah satu petanda

yang baik. Di samping itu kita menjalankan pembangunan negara kita. Jadi bermaknanya kalau semua kementerian mengurangkan kos yang tidak mendatangkan manfaat dan berfaedah, maka duit ini insya-Allah daripada kos pengurusan akan menjadi kos pembangunan.

Jadi maknanya kos pembangunan akan lebih daripada kos pengurusan dan begitu juga Tuan Yang di-Pertua, orang yang naik kapal terbang ini, pegawai-pegawai tidak apa boleh naik tetapi apa salahnya kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua kita naik penerbangan *first class* berpuluh ribu ringgit. *Business class* perbezaan *first class* dengan *business class* itu Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang sampai berpuluh ribu ringgit. Apa lagi perbezaan dengan ekonomi tidak apalah menjaga maruah pegawai itu bolehlah duduk *business class*, kalau duduk ekonomi pun kalau orang tengok apa ini pegawai kerajaan Malaysia lekeh, kita tidak mahu juga. Tetapi sampai *first class* ini Tuan Yang di-Pertua berpuluh-puluh ribu ringgit, kemudian hotel yang di duduk itu pula enam bintang, Tuan Yang di-Pertua. Tidak apalah Perdana Menteri, Menteri ini kita kena jaga status dia.

Tuan Yang di-Pertua: Baik masa cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua saya hendak pesan ini kalau tidak orang kampung marah Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja. Ahli Parlimen Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Tuan Yang di-Pertua, itu pun MAS bagi 25% diskaun bolehlah gagah naik kalau tidak, tak adalah Tuan Yang di-Pertua. Lagi satu Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan Pengajian Tinggi Tuan Yang di-Pertua. saya hendak minta kepada kerajaan tolong Tuan Yang di-Pertua, orang luar bandar ini Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang dia pun bukan *score* tinggi sangat peperiksaan disebabkan oleh kekurangan guru dalam Bahasa Inggeris, guru dalam Matematik dan guru dalam Sains dan kadang-kadang sekolah itu tidak mempunyai kelengkapan yang cukup. Kalau orang kampung belah Yan dia boleh *score* "B" dalam Bahasa Inggeris Tuan Yang di-Pertua, ini kira *distinction* lah kalau di luar bandar.

Jadi bagilah mereka peluang, bagi mereka peluang masuk ke universiti, jangan kita buat keputusan atas kerana dia tidak *score English*, dia tidak *score* Bahasa Inggeris dia tidak layak itu dan tak layak ini sedangkan guru tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang guru Sejarah mengajar Bahasa Inggeris, kadang-kadang guru Bahasa Malaysia mengajar Bahasa Inggeris. Jadi ini menyebabkan pelajar-pelajar di luar bandar tidak mempunyai tempat untuk memasuki di universiti-universiti. Dan last sekali Tuan Yang di-Pertua yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucap terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua, ini pelajar-pelajar Pasir Salak Tuan Yang di-Pertua, kawasan Tuan Yang di-Pertua juga, ini dia. Budak-budak ini kita dok bela untuk depa Tuan Yang di-Pertua hendak bagi mereka senang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila tamatkan ucapan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Saya perkenal ini perkenal anak buah Tuan Yang di-Pertua ini. *Okey last* sekali Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan alam sekitar Tuan Yang di-Pertua. Hari ini kita keluar banyak *landfill* yang kita dok kambus barang-barang, sisa-sisa makanan dan sebagainya. Saya nampak Tuan Yang di-Pertua, *landfill system* dan juga *incinerator* yang digunakan ini tidak menyelesaikan masalah. Jadi saya minta Kementerian Sains, Sumber Asli dan Alam Sekitar ini mengkaji, *minimizekan* kita *recycle* balik benda-benda itu Tuan Yang di-Pertua, *minimizekan*, benda-benda buangan kerana *landfill* Tuan Yang di-Pertua bila kita tanam benda itu dia akan jadi bahan kimia dan sebagainya tertanam dan dia akan bersama dengan bumi dan sebab itulah benda ini Tuan Yang di-Pertua dia mengalir masuk ke dalam sungai dan sebagainya.

Jadi saya minta kerajaan supaya mengkaji balik dan cari sistem baru dan saya ada sistem ini Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya daripada Arau ada sistem ini. Ini dalam lap topnya pun ada Tuan Yang di-Pertua, dia dok bagi saya. Jadi saya minta kalau boleh kementerian mari jumpalah Arau, tanya macam mana hendak buang sampah supaya sampah ini tidak mencemar alam. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Larut.

3.08 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh dalam tambahan peruntukan pengurusan ini di bawah P06 JPM, P10 Kewangan dan B22 Kementerian Kemajuan Wilayah dan Luar Bandar. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita cakap soal *delivery system* baru-baru ini saya berjumpa dengan seorang Pegawai Daerah Tuan Yang di-Pertua. Dia sendiri menggelengkan kepala. Apabila kita bercakap soal bagaimana hendak memantapkan lagi *delivery system* dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Seorang Pegawai Daerah Tuan Yang di-Pertua menduduki dalam 145 jawatankuasa, sebanyak 145 buah jawatankuasa peringkat negeri dan daerah, ini yang dicakup ini Pegawai Daerah Tuan Yang di-Pertua, bagaimana beliau boleh cukup tangan nak menumpukan pelaksanaan projek, dia terpaksa duduk. Ini yang diberitahu kepada saya. Saya tanya kenapa 145 Jawatankuasa, ia pengakuan. Ini bukan main-main.

Seorang Pegawai Daerah menyatakan kepada saya dia kena duduk 145 Jawatankuasa Tuan Yang di-Pertua, di peringkat negeri daerah dan pusat. Oleh kerana apa, oleh kerana dia tidak ada penolong-penolong Pegawai Daerah yang belum dilantik, kelewatan.

Sebab itulah kita minta supaya JPA Jabatan Perkhidmatan Awam melihat perkara ini, amat mustahak kekosongan perlu diisi. Kita hari ini bercakap soal pengangguran di kalangan siswazah menganggur ia yang boleh dilantik bagi membantu mempercepatkan proses terutama proses tanah ya, terutama proses tanah. Saya memang terkejut apabila Pegawai Daerah tersebut berkata sebanyak yang jawatankuasa yang dia terpaksa duduk, tak masuk akal, tetapi itulah dia...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, ini kalau betul ini satu penyakit musibah yang besar yang melanda organisasi di dalam pentadbiran di dalam negara kita. Bayangkan bagaimana satu orang mengendali 145 mesyuarat. Saya rasa, apakah Yang Berhormat setuju bahawa mungkin terdapat *Napoleon* kecil di JPA ini yang melengah-lengahkan pelantikan dan ini mudaratkan kerajaan dan rakyat. Apa Yang Berhormat ada cadangan supaya JPA ini dirombak. Iaitu pemegang-pemegang amanah dia mahu direvolusikan minda mereka supaya mereka prihatin bagaimana kerajaan inginkan selaku pembuat dasar kita telah membuat dasar dan kita telah mengetengahkan kepada mereka tetapi mereka masih lalai menjalankan tugas.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Kinabatangan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri setelah mempersoalkan tentang soal *small Napoleon* dengan izin, ia tentang orang yang mungkin mabuk kuasa, dia mungkin terasa terkejut duduk dalam jawatan tersebut, mungkin, dia terasa bahawa seolah-olah dia yang berkuasa dalam menentukan segala-galanya. Ini amat membimbangkan Tuan Yang di-Pertua, membimbangkan dan boleh menjadi parah dan barah.

Jadi, saya setuju pandangan Kinabatangan dan saya sendiri telah mengatakan bahawa sudah tiba masanya segala lapuk dengan perintah yang lapuk ini *General Order* mungkin dengan izin, perlu dirombak dan diubahsuaikan mengikut perubahan zaman. Kita nak menuju ke pada negara maju menjelang tahun 2020. Sila Jerai, nanti tak bagai, nanti mungkin apa nama Jerai kata saya tak adil penyokong-penyokong nanti akan mempersoalkan. Sila Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat daripada Larut. Satu orang Tuan Yang di-Pertua, tuhan bagai satu otak dua tangan, tubuh yang cukup lengkap, dia nak fikir banyak pun dia tak sempat Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya juga supaya syarikat-syarikat milik kerajaan GLC-GLC, kadang-kadang kita tengok Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi dia orang tu sahajalah sampai Anak Syarikat pun dia pak bapak syarikat pun dia. Jadi, waktu bila dia nak boleh baca minit mesyuarat, waktu bila dia nak boleh tengok, *cash flow* waktu

bila nak boleh baca akaun sedangkan syarikat dipegang satu seorang tu pegang anak-anak syarikat cukup banyak.

Jadi, apakah cadangan Yang Berhormat supaya Yang Berhormat kerajaan memikirkan supaya kita *distribute*, kerana kadang-kadang banyak orang yang ada akal yang pandai Tuan Yang di-Pertua, bukan seseorang tu, saja pandai. Kalau dia mati macam mana, kita bagi dia pegang terlampau banyak syarikat apa-apa jadi pada dia, orang lain tak boleh ambil ke. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat supaya kerajaan mengagihkan dalam jabatan kerajaan begitu juga dalam GLC dan syarikat-syarikat milik kerajaan supaya bagi sama rata. Pegawai-pegawai banyak bagi pegawai-pegawai duduk, letaklah orang politik seorang dua, wakil-wakil pun duduk apa salahnya bukan kita nak bagi kacau apa, kita nak tengok benda itu berjaya. Macam mana pandangan Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Setuju Jerai. Memang saya setuju, macam Jerai yang dilantik sebagai Lembaga Pengarah Tabung Haji sebagai satu contoh mungkin boleh membantu membawa sedikit sebanyak perubahan daripada sudut politik Tuan Yang di-Pertua, perlu. Saya macam Yang Berhormat katakan tadi, CO, GLC tadi.

Kita tahu sejak akhir-akhir ini dia orang bekerja keras sampai dekat pejabat sampai tengah malam pun Tuan Yang di-Pertua, sampai 12.00, pukul 1.00 pagi. Kononnya mereka ini menumpukan kepada kerja-kerja dan tanggungjawab mereka. Kita tak tahu apakah benar-benar mereka menjalankan tanggungjawab mereka, siapakah yang memantau mereka ini. Jadi, saya amat setujulah supaya ada perseimbangan di antara kalangan penggubal dasar dan juga di kalangan pentadbir awam atau mereka yang dipilih.

Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melantik di kalangan CO ini di dalam syarikat-syarikat besar GLC orang luar, ini akan menimbulkan rasa kecil hati di kalangan mereka yang bekerja di dalam dan akhirnya boleh menyebabkan semangat mereka lentur untuk terus menumpukan kepada perkhidmatan mereka.

Jadi, perkara ini perlu dikaji semula apakah yang terbaik yang boleh dilakukan supaya ada perseimbangan. Kadang-kadang penggubal dasar macam orang politik hanya diberi sebagai Pengerusi sesebuah syarikat tapi tidak eksekutif, tidak ada makna. Setakat Pengerusi yang non-eksekutif dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sedangkan kuasa terletak kepada Ketua Eksekutif berkenaan. Negeri-negeri ini menimbulkan masalah dan saya berharap jugalah supaya dapat dilihat peranan pihak Lembaga Pengarah sesebuah syarikat sama ada milik kerajaan ataupun yang ada kaitan dengan kerajaan dengan pihak pengurusan supaya ada perseimbangan dan juga sasaran yang sama dengan dalam menyelesaikan segala tanggungjawab...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Jasin.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya nak sentuh kepada Kementerian Kewangan tentang tender, sikit saja Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pelaksana projek-projek jalan. Kita akui bahawa kerajaan telah mengeluarkan peruntukkan yang begitu untuk melaksanakan jalan-jalan, jalan-jalan yang masih berbengkang-bengkok macam di kawasan saya ini terima kasih lah pada pihak Kementerian Kewangan yang dalam peringkat pelaksanaan untuk menaikkan taraf jalan-jalan yang ada. Cuma saya nak cakap soal lebuhraya Tuan Yang di-Pertua, saya pun tak faham kenapa lebuhraya yang ada tol ini yang sepatutnya memberi satu perkhidmatan yang terbaik tetapi berlaku kesesakan. Patutnya saya datang pada pagi tadi, daripada Ipoh untuk menuju ke Kuala Lumpur mengambil masa dua jam. Tapi, apabila sampai ke tol di Kuala Lumpur *smart tag* yang kita gunakan saya terpaksa menunggu hampir 40 minit kerana kesesakan di atas lebuhraya ini.

Jadi, ini perlulah dilihat kalau kita telah membayar cukai menggunakan lebuhraya ini tak sepatutnyalah berlaku kesesakan di atas lebuhraya kecuali musim perayaan kita akui Tuan Yang di-Pertua, orang nak balik. ya. Tapi setiap bagi bila saya datang daripada Ipoh sebagai contoh menuju ke selatan itulah masalah yang sering kali kita hadapi. Jadi, saya mintalah kepada pihak berkenaan melihat perkara ini kalau kita dah menggunakan taraf tol sudah tentulah perkhidmatan yang terbaik yang perlu diberikan kepada para pengguna.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, RISDA, terlanjut sekarang ini harga getah dah naik. Kita bersyukur pekebun-pekebun kecil bersyukur dan berterima kasih kepada

kerajaan kerana kenaikan harga getah. Maka hari ini pun di mana-mana juga orang bercakap fasal pokok getah. Cuma satu saya nak timbulkan di sini ialah kepada RISDA, dalam tanam semula. Yang Berhormat bagi Sri Gading sebagai Lembaga Pengarah RISDA mungkin boleh mengambil catatan. Tanah-tanah yang di tanam semula Tuan Yang di-Pertua, katakan enam ekar, tidak semua tanah tersebut di tanam semula, tidak meliputi semua akhirnya yang rugi pekebun kecil.

Apabila telah mengeluarkan hasil tanah yang enam ekar tu tadi cuma dua ekar saja yang ditanam pokok getah, yang lain kononnya kos yang begitu tinggi. Ini amat, amat merugikan kepada para pekebun kecil kerana dalam keadaan harga getah yang naik sekarang ini tiba-tiba pokok mereka belum besar selepas itu sudah pokok-pokok getah belum besar, pokok yang di tanam semula tak mengikut *spec* atau pun apa yang telah dijanjikan. Jadi, saya berharap pihak RISDA, supaya melihat masalah ini kalau tidak pekebun-pekebun kecil akan tertipu dengan pelaksanaan projek kerajaan yang sepatutnya membantu untuk meningkatkan para pekebun getah dalam menyahut seruan kerajaan. Akhir sekali...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...hendak mencadang..

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ini pun bekas orang kuat RRI, dulu kena bagi jugalah...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, sahabat saya Larut. Berkenaan dengan tanam semula apa yang saya tahu bahawa dia bergantung kepada getah tua, beberapa ekar getah tua contohnya kalau getah tua ada enam ekar maka kerajaan akan membantu pekebun kecil enam ekar kerana duit tanam semula ini datang daripada ses yang dipotong daripada harga getah. Kalau enam ekar dia dapat enam ekar dan kalau dia tanam dua ekar bantuan akan hanya bagi dua ekar.

Jadi, apakah masalah yang Yang Berhormat bagi Larut katakan tadi iaitu tanam enam ekar tetapi hanya buat dua ekar? Kalau dia buat dua ekar dia akan terima bantuan dua ekar sahaja. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Larut tadi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan hendak jawab sangat. Yang Berhormat bagi Larut ini telah pun dijawab oleh Yang Berhormat bagi Jasin. Yang berbangkit ini fasal kebelakangan ini harga getah naik. Itu sahaja masalahnya. Memang sudah dia tanam dua ekar, bukan soal tidak kerajaan tidak boleh membantu dia. Boleh. Dia tanam dua ekar, bantuan untuk dua ekar. Yang Berhormat bagi Larut ini fasal bola dia pakar, Tuan Yang di-Pertua. Tentang getah...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih lah. Maknanya Yang Berhormat bagi Jasin dan Yang Berhormat bagi Sri Gading ini tidak ada apa-apa penjelasan yang minta daripada saya. Saya hendak menerangkan tadi berlakunya penyelewengan. Bantuan itu sepatutnya adalah apa yang telah digambarkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi. Tapi ia tidak berlaku. Ini tidak berlaku di peringkat pegawai atau kakitangan RISDA untuk membantu pekebun berkenaan. Kononnya katakan tanah tersebut - ini apa yang diadukan kepada saya semalam, Tuan Yang di-Pertua, semasa saya balik ke kawasan. Bila saya tengok perkara ini berlaku saya terus menghubungi pegawai RISDA dan pegawai RISDA mengakui sendiri memang ada berlaku. Maklumlah, pergi sampai ke bawah, penyelewengan tidak dapat hendak dielakkan, masing-masing dengan cara masing-masing. Itu maksud saya.

Saya faham apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin dan Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi, kalau bantuan tiga ekar dia akan dapat tiga ekar - enam ekar, enam ekar. Saya faham. Tetapi masih berlaku tentang pelaksanaan. Mereka ini curi-curi. Maklumlah orang kampung, Tuan Yang di-Pertua, bila hendak menanam semula bukannya mereka faham sangat. Kebanyakan mereka bukan semuanya bersekolah. Maka sebab itulah saya berharap saya berharap supaya RISDA dapat melihat perkara ini supaya ia tidak berlaku.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, tentang tanah-tanah terbiar ini. Kita tahu tanah getah untuk ditanam semula dengan getah. Tetapi pada hari ini banyak tanah-tanah terbiar termasuk tanah-tanah sawah yang tidak boleh dimajukan. Jadi apakah salahnya saya hendak mencadangkan di sini supaya RISDA melihat supaya tanah-tanah yang bukan bertaraf getah juga, kalau boleh dipertimbangkan untuk ditanam semula.

Saya faham, nanti Yang Berhormat bagi Jasin bolehlah bertanya kepada kerajaan. Ini saya hendak bertanya kepada kerajaan untuk menimbangakan. Saya tahulah, Yang Berhormat bagi Jasin ada kepakaran. Tak apalah. Nanti bila tiba waktu Yang Berhormat bagi Jasin bercakap, cakaplah.

Saya hendak mencadangkan supaya tanah yang bukan tanah untuk getah juga kalau boleh, daripada terbiar dapat digunakan juga untuk tanam semula di atas tanah tersebut dengan bantuan RISDA ataupun boleh digunakan mungkin untuk tujuan-tujuan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang hendak saya sampaikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong.

3.15ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang ini untuk menyertai perbahasan mengenai Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2005) dan juga Usul Pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Parlimen diminta untuk menguruskan peruntukan tambahan untuk perbekalan dan pembangunan sebanyak RM13 bilion termasuk satu peruntukan sebanyak RM8.28 juta untuk pengurusan Dewan Parlimen, khususnya untuk menampung kenaikan dan pelarasan kenaikan elaun-elaun Ahli Parlimen sebanyak 10 peratus mengikut pindaan kepada Akta Ahli Parlimen Saraan yang sudah pun dikuatkuasakan pada tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen dan juga perkhidmatan awam diberi peranan yang penting dalam sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan oleh Malaysia. Institusi-institusi ini seharusnya disokong dan didokong oleh rakyat jelata supaya ia dapat memainkan peranannya dengan sebaik-baiknya dan juga untuk mendapat legitimasi kewujudan institusi ini. Tetapi apakah Ahli-ahli Parlimen dan juga Menteri-Menteri yang merupakan ahli-ahli politik yang dipilih oleh rakyat dan juga penjawat dari perkhidmatan awam dipandang sebagai golongan yang paling tidak dipercayai oleh rakyat Malaysia. Siapakah yang dipercayai oleh rakyat Malaysia?

Dalam satu kajian yang dibuat oleh *Business Ethics Institute of Malaysia* terhadap seramai 2,074 responden, satu kajian yang dilakukan untuk mengkaji selidik golongan manakah yang dapat kepercayaan dari rakyat iaitu 15 jenis pekerjaan dipilih termasuk doktor, guru, profesor, paderi, hakim, pembaca berita di TV, wartawan, pegawai-pegawai kesatuan sekerja, polis, orang yang bekerja di perkhidmatan awam, menteri, tokoh-tokoh perniagaan dan juga ahli-ahli politik. Dalam kajian ini, Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli politik didapati berada di tangga yang bawah sekali iaitu golongan yang paling tidak boleh dipercayai kerana mengikut kajian ini mereka didapati tidak jujur dan tidak bercakap benar, manakala menteri, kerajaan dan juga sektor perkhidmatan awam juga didapati berada dalam kedudukan yang bawah iaitu masing-masing di tangga 13 dan tangga 11. Tokoh perniagaan pula di tangga 14. Itu tahap kepercayaan dari persepsi rakyat.

Institut ini melakukan kajian ini untuk mengukur persepsi tahap kepercayaan di kalangan rakyat Malaysia terhadap integriti yang ada di dalam beberapa profesion yang dipilih, yang saya sebutkan tadi. Integriti ini adalah berhubung kait dengan urus tadbir yang baik, ketelusan dan akauntabiliti sama ada wujudnya korupsi dan sebagainya. Penemuan dari kajian ini harus mengejutkan kita kerana ia menunjukkan kadar integriti kita amat rendah dan tindakan drastik perlu diambil segera. Adakah Institut Integriti Nasional yang ditubuhkan atas arahan dan keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri ini sedar tentang hakikat ini dan sama ada institut ini akan mengadakan kajian serupa dengan skop yang lebih besar untuk mencari sebab-sebab mengapa rakyat Malaysia kurang yakin dan percaya kepada ahli-ahli politik, menteri-menteri, kerajaan, tokoh-tokoh korporat dan penjawat perkhidmatan awam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Tanjong. Siapa yang mengkaji satu hal, siapa yang kena kaji satu hal dan siapa yang memberikan penilaian satu hal. Tiga hal, Tuan Yang di-Pertua, kalau kata ahli politik tidak boleh dipercayai, kalau saya bercakap mungkin kerana tindak tanduk parti pembangkang dan politik pembangkang menyebabkan mereka tidak percaya ahli politik. Andaian ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau andaian itu kata Pak Imam orang sudah tidak percayai, apakah boleh kita pakai analisis sebegini? Katakanlah Pak Imam itu Islam, yang membuat penilaian itu bukan Islam...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Okey.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi, saya harap...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Saya sudah faham penjelasan dari Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Tanjong, maknanya kajian-kajian seperti ini tidak mengukur.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Saya akan masukkan cadangan Yang Berhormat bagi Sri Gading...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang mengukur betul, Tuan Yang di-Pertua, ialah pilihan raya, siapa yang dipilih oleh rakyat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:...dalam seruan saya kepada Institut Integriti Nasional untuk melakukan yang saya katakan tadi, dalam ucapan tadi, saya menyuruh institut juga mengadakan satu kajian yang mempunyai skop yang lebih besar. Institut *Business Ethics* ini menggunakan 2,000 responden. Mungkin Institut Integriti Nasional satu badan kerajaan boleh pakai responden sebanyak dua juta!

Bukankah ini akan memberi satu gambaran yang lebih jelas, itu maksud saya. Tidak apalah cadangan dari Sri Gading saya rasa pun sangat memadai dan harap Institut Integriti Nasional dapatlah menimbang apa yang disebutkan.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong. Saya pada umumnya bersetujulah kajian-kajian dibuat oleh pelbagai pihak institut ke, NGO ke untuk mengkaji persepsi masyarakat terhadap institusi kerajaan dan sebagainya. Tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa langkah kerajaan menubuhkan Institut Integriti Nasional dan Pelan Integriti Nasional ini merupakan satu langkah ke hadapan kerajaan untuk membetulkan dan memperbaiki soal integriti dan kebertanggungjawaban semua agensi dan mereka yang terlibat. Sedangkan pihak yang membuat kajian ini baru membuat kajian, kerajaan telah mengambil langkah yang lebih ke depan iaitu menubuhkan Institut Integriti Nasional dan tentulah kita harus memberi peluang kepada institut ini untuk membuat perancangan kerana perubahan sikap tidak boleh mengambil masa yang singkat. Ia memerlukan satu tindakan jangka panjang. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Di pihak ini kami awal-awal lagi mengalu-alukan penubuhan Institut Integriti Nasional. Kita pun mencadangkan tubuhkan *select committee* dan sebagainya. Ini saya rasa usaha yang harus dipikul oleh semua Ahli Parlimen tidak kiralah apa kefahaman politik. Tetapi setakat ini walaupun institut ini sudah pun ditubuhkan untuk satu ketika tetapi nampaknya masih belum menunjukkan keberkesanan yang boleh meyakinkan. Dan saya rasa sebarang usaha baik pun dari institut yang membuat kajian ini ataupun lain-lain NGO dan seluruh rakyat Malaysia, kita menyambut sedikit sebanyak usaha yang mereka berikan kita menyambut baik. Dan janganlah mengetepikan mereka bahawa isu integriti kepunyaan tunggal Institut Integriti Nasional sahaja. Kita mengalu-alukan mana-mana pihak yang ingin buat kajian, membuat cadangan kita alu-alukan.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua apa yang mengejutkan selain dari Dewan Perniagaan Cina yang cuba menyangkal penemuan kajian ini sebab mengatakan tokoh korporat dan perniagaan dalam tangga yang bawah juga mereka menyangkalkan keputusan ini mungkin tidak berapa betul. Tetapi penemuan atas Ahli-ahli politik dan Menteri setakat ini kita tidak nampak mana-mana Menteri ataupun ahli-ahli politik ataupun Jabatan Perkhidmatan Awam keluar atau muncul untuk menyangkal satu enakmen, satu dakwaan yang begitu serius kepada mereka. Apakah kesunyian ini bermakna mereka tidak berani menafikan keputusan kajian sebab ianya kebenaran yang sebenar-benarnya. Perdana Menteri ingin rakyat bercakap kebenaran dan inilah kebenarannya. Rakyat tidak percaya kepada setengah-setengah Ahli Politik termasuk Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Jelasnya Tuan Yang di-Pertua kita masih menghadapi integriti *problem* dalam negara ini. Saya pernah sebut di hadapan Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai integriti bahawa kita menghadapi masalah integriti dan kerajaan pun sedar tentang hakikat ini. Dan apa yang diperlukan selain daripada menubuhkan institut ataupun mengadakan pelan tindakan, yang penting saya rasa adalah keazaman politik, seluruh pucuk pimpinan politik bukan sahaja Perdana Menteri sahaja untuk menangani krisis ini. Kajian ini cuma mengesahkan apa yang sudah menjadi satu penyakit dalam pentadbiran negara ini. Integriti lah yang menentukan sama ada rakyat dan negara ini menjadi negara yang kuat, negara yang berkesan atau tidak. Dengan izin, *great leaders always have break integrity*.

Apa yang kita boleh buat untuk menghadapi masalah integriti ini. Seorang penulis Manggai Balasigaram dalam penulisannya dalam *Sunday Star* berpendapat bahawa kita tidak perlu *legislation*, peraturan, kod etika sebab semua ini sudah ada dengan amat mencukupi. Apa yang diperlukan adalah satu suasana ataupun *environment of a integrity* dan kita perlu role model-role model yang baik dan saya rasa saya boleh setuju dengan pandangan ini. Nampaknya dalam isu integriti ahli-ahli politik, Menteri-Menteri dan Perkhidmatan awam telah gagal sebagai *role model*. Bahkan mereka melalui tingkah laku mereka telah menyumbang kepada kemerosotan integriti dalam negara ini. Dan saya rasa inilah sebab mengapa rakyat kurang percaya kepada mereka.

Kebetulan Tuan Yang di-Pertua akhbar *Sin Chew Daily* juga mengumumkan keputusan satu *electronic opinion pool* mengenai perjalanan Parlimen yang mendapati 75% dari 100 orang *respondent* tidak puas hati dengan prestasi dan peranan Dewan rakyat. Berita kenaikan elaun Ahli Parlimen sebanyak 10% ini walaupun sudah pun kuat kuasa pada tahun yang lepas akan memberi gambaran bahawa Ahli Parlimen selalu mendapat kenaikan elaun tetapi tidak menjaga kepentingan rakyat. Apakah corak hidup ahli-ahli Parlimen dan Menteri memberi gambaran yang tidak baik kepada rakyat biasa. Mereka nampak Ahli Parlimen memberi pelbagai janji tetapi akhirnya tidak dikotakan. Mungkinkah cara pengendalian peruntukan pembangunan kawasan yang dikatakan sudah naik kepada RM2 juta setahun menyebabkan ketirisan dan kebocoran yang menyakit hati rakyat.

Rakyat juga nampak bagaimana keputusan-keputusan yang dibuat oleh Menteri mengenai penawaran kontrak selalu membebankan rakyat. Pagi tadi kita pun mendengar pelbagai kepincangan dalam pasukan penguatkuasaan undang-undang yang menimbulkan persepsi rakyat bahawa penjawat-penjawat dalam perkhidmatan awam tidak boleh dipercayai. Dan Yang Berhormat bagi Jasin menggunakan istilah pengkhianat negara untuk menyifatkan orang-orang ataupun penguat kuasa yang tidak menjaga amanah mereka.

Akhirnya saya berharap isu integriti ini dapat ditangani bukan sahaja dengan tubuhnya Institusi Integriti sahaja tetapi betul-betul menganggap ini satu penyakit yang harus dihapuskan dari bumi Malaysia. Sekian.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

3.28 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tarik perhatian Ahli Dewan berhubung dengan anggaran belanjawan perbelanjaan pembangunan tambahan 2005 iaitu maksud P.41 Kementerian Pelajaran dan juga P.49 Kementerian Pengajian Tinggi. Saya ingin tarik

perhatian dan mengemukakan beberapa persoalan di sini. Yang pertamanya adalah dengan merujuk kepada buku besar ini iaitu Pembangunan Pendidikan 2001 sehingga 2010 iaitu Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan yang menjanjikan satu perubahan radikal dalam sistem pendidikan kita.

Di sini saya tidak lihat perubahan-perubahan yang besar berlaku dalam sistem pendidikan ini. Saya ingin mengemukakan empat perkara iaitu agenda tertanggung. Yang pertamanya sejauh manakah sistem yang dijanjikan yang akan dilaksanakan itu yang pertamanya ialah Sistem P12 maksudnya P itu ialah Prasekolah dan 12 itu adalah 12 tahun persekolahan. Ertinya dengan strategi Sistem P.12 ini akan meringkaskan pembelajaran anak-anak kita di sekolah daripada 13 tahun kepada 12 tahun.

Isu yang kedua yang dijanjikan di bawah pembangunan pendidikan ini adalah sekolah menengah 5 tahun kepada 4 tahun. Ertinya satu potongan satu tahun akan dikurangkan. Dan agenda yang ketiganya ialah PMR ataupun Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah itu akan dihentikan. Dan agenda yang keempatnya adalah saringan akan dibuat untuk kelas sains dan sastera bermula pada Tingkatan Dua. Yang ada sekarang ini adalah bermula daripada Tingkatan Empat.

Persoalan-persoalan, saya adalah sejauh manakah empat agenda utama itu telah diambil tindakan oleh Kementerian Pelajaran khususnya dalam agenda yang telah saya sebut itu. Ini sebenarnya ada kaitannya dengan maksud P41 iaitu di bawah pendidikan prasekolah dan rendah selain daripada itu ialah pendidikan menengah rendah dan juga pendidikan teknik dan vokasional.

Seterusnya saya ingin memberi penekanan kepada pendidikan prasekolah ini. Sebagai *head start program*, dengan izin sebagai permulaan kepada suatu suasana pendidikan formal, saya kira kerajaan harus memberi tumpuan dan peruntukan yang besar. Sebab di sinilah bermulanya asuhan pendidikan, *the process of nursering the mind* itu bermula, dengan izin proses mengasuh dan membina akal minda itu bermula.

Maka dalam konteks ini, satu peruntukan yang besar harus diberikan, malah saya kira semakin besar peruntukan diberi, semakin baik. Malah kalau sekiranya lebih besar lagi peruntukan diberi kepada peringkat rendah ini daripada pendidikan peringkat tinggi adalah lebih afdal.

Seterusnya saya ingin tarik perhatian berhubung dengan pendidikan guru dan maktab perguruan. Sekarang ini terdapat hampir tujuh puluh peratus pensyarah-pensyarah di maktab perguruan adalah terdiri daripada pemegang ijazah kedua, yakni sarjana, sarjana, pendidikan, sarjana dan juga peringkat PhD. Tetapi mereka ini berbanding dengan rakan-rakan yang berada dan berkhidmat di universiti-universiti, pendapatan mereka ataupun dari segi imbuhan yang mereka perolehi tidak setara.

Maka di sini, saya ingin mencadangkan dalam usaha kita memperkasakan pendidikan, perlu kita beri perhatian kepada memperkasakan maktab-maktab perguruan ini sebab ini adalah merupakan guru kepada guru.

Mereka akan memberi latihan kepada guru-guru, maka dalam konteks ini, tindakan harus diseragamkan dalam konteks memberi imbuhan kepada mereka sebab di universiti, pensyarah-pensyarah yang memiliki sarjana kedua, ijazah kedua yakni sarjana dan juga PhD. itu mendapat imbuhan yang lebih tinggi berbanding dengan guru-guru kita yang berada di sekolah dan juga di maktab-maktab perguruan.

Selain daripada itu juga, pensyarah-pensyarah maktab ini harus dipilih daripada kalangan terbaik, daripada kalangan guru kita. Oleh yang demikian, amat wajar kalau sekiranya difikirkan semula dalam bentuk imbuhan dalam konteks mereka merombak dan juga melakukan satu peranjakan dari segi strategi pengajaran, pembelajaran dan juga memperbaiki kaedah mengajar anak-anak ataupun pelajar-pelajar di maktab-maktab perguruan.

Selain daripada itu juga, saya ingin tarik perhatian tentang pembangunan infrastruktur di maktab perguruan ini. Dalam usaha kita mempertingkatkan mutu latihan perguruan, maka dari segi kemudahan infrastruktur dan 'infostruktur' itu harus dipertingkatkan. Malah bahan-bahan rujukan semasa dan terkini harus disediakan untuk penggunaan guru-guru yang dilatih di maktab-maktab perguruan.

Satu perkara yang saya hendak tekankan di sini adalah dari segi Kementerian Pengajian Tinggi dan saya ingin merujuk pula kepada laporan terkini yang di edar di

atas meja kita iaitu Laporan Jawatankuasa Mengkaji Menyemak dan Membuat Perakuan Tentang Perkembangan dan Hala Tuju Pendidikan Tinggi Malaysia di sini.

Sekali lagi dalam catatan dalam buku laporan ini kalau menurut praktanya, dan juga catatan yang ditulis Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi sendiri bahawa agenda yang akan dibuat di bawah laporan ini adalah merupakan sesuatu yang akan melaksanakan satu revolusi pendidikan. Ini adalah merupakan satu istilah yang besar dan masyarakat, seluruh masyarakat sebenarnya akan melihat sejauh manakah revolusi pendidikan itu akan terlaksana di bawah agenda buku kuning ini.

Seperti mana juga yang dijanjikan dalam buku biru ini yang juga menjanjikan satu radikal atau pun perubahan yang bersifat revolusi kepada pendidikan kita. Saya ingin menarik perhatian sekarang ini, dalam buku ini juga dinyatakan bahawa lambakan siswazah-siswazah menganggur semakin bertambah. Saya juga ingin menarik perhatian berhubung dengan guru-guru yang dihasilkan daripada universiti-universiti kita sekarang ini yang tidak mendapat peluang pekerjaan.

Saya ingin mencadangkan Kementerian Pengajian Tinggi khususnya, supaya mengadakan program yang disebut *double degree*. Terutama yang mengikuti program-program perguruan. *Double degree* membawa maksud bahawa mereka mempunyai dua ijazah sekali gus iaitu *Bachelor of Science* misalnya dengan *Bachelor of Teaching*. Erti kalau mereka sekiranya tidak dapat mengajar di sekolah, mereka ada lagi satu ijazah iaitu katakan *Bachelor of Science*, mereka boleh berpeluang untuk mendapatkan kerjaya-kerjaya dan mendapatkan pekerjaan dalam sektor-sektor bukan perguruan ataupun latihan di sekolah-sekolah.

Maka ini akan memberi satu kekuatan kepada calon-calon yang mengikuti program perguruan terutama yang dikendalikan di universiti-universiti. Selain daripada itu, saya ingin menarik perhatian berhubung dengan peruntukan yang harus diberi kepada Kementerian Pengajian Tinggi ini dalam bidang RMDC dengan izin, *Research Development and Commercialization* untuk memastikan universiti-universiti kita memainkan peranan yang lebih aktif, cergas dan berwibawa untuk melahirkan penemuan-penemuan baru, inovasi-inovasi yang baru dalam dunia pendidikan.

Sebab ini akan membawa kepada satu perubahan yang besar. Selain daripada itu juga, saya membaca dalam laporan ini dengan penuh minat iaitu menjanjikan untuk melahirkan seratus ribu PhD, pemegang ijazah PhD dalam tempoh 15 tahun yang disebut dengan konsep *My Brain Fifteen*. *My Brain Fifteen* yang membawa maksud bahawa seratus ribu Phd dalam tempoh 15 tahun.

Ini adalah merupakan satu agenda yang cukup hebat. Memang kalau sekiranya ia berjaya, ia akan membawa satu revolusi kepada pendidikan dan pengajian tinggi yang menjanjikan satu peranjakan yang besar. *Away forward*. Ataupun satu peranjakan bergerak ke depan yang lebih menjanjikan kejayaan-kejayaan supaya kita dapat berdaya saing. Duduk sama rendah dan berdiri lebih tinggi daripada masyarakat-masyarakat lain. Saya kira kedua laporan ini perlu mendapat perhatian terutamanya dalam usaha kita merangkakan agenda-agenda seperti dalam maksud P41 dan P49. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Putatan.

3.37 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk berbahas Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan tahun 2005 dan 2006. Saya ingin menyentuh empat perkara, soal bagi Kementerian Kewangan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Perkara pertama, Tuan Yang di-Pertua, soal kontraktor-kontraktor F yang miliknya bumiputera yang didaftarkan oleh kontraktor-kontraktor yang besar yang bukan dari kaum bumiputera.

Yang ada bersekongkol dengan terlibat pegawai-pegawai kerajaan yang ada terlibat dengan projek-projek yang berkenaan. Jurutera, pentadbir awam dan akauntan kerajaan. Ini bukti dia ada Tuan Yang di-Pertua, ada juga sahabat saya yang terlibat ini tetapi saya tidak ingin menyentuh siapa dia di sini.

Jadi soal yang saya ketengahkan di sini adalah, bagaimana kerajaan untuk memantau pemilik-pemilik dan pengurus-pengurus kontraktor-kontraktor F bumiputera ini yang tidak mengikut apa yang dihasratkan oleh kerajaan untuk membantu kontraktor-kontraktor untuk maju. Jadi ini, yang setahu saya, sebilangan daripada syarikat-syarikat kontraktor-kontraktor F ini yang dimiliki oleh kakitangan kerajaan dan kontraktor-kontraktor F yang bukan bumiputera ini. Dan ada juga yang pemandu mereka dan ada juga yang tukang kebun.

Jadi ini soal yang saya ketengahkan di sini adalah diharapkan kerajaan akan memantau dan menyiasat perkara ini dengan lebih serius supaya sasaran kita tertumpu kepada kontraktor-kontraktor bumiputera yang betul-betul berkecimpung di dalam dunia perniagaan.

Kes-kes di Sabah khususnya... Ya, silakan Yang Berhormat Beluran...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Putatan. Saya setuju agar cadangan Yang Berhormat bagi Putatan untuk kerajaan memantau kontraktor-kontraktor kelas F ini, tetapi dalam proses memantau itu, pihak tertentu itu tidak seharusnya menyusahkan kontraktor-kontraktor yang benar-benar melakukan kerja. Ketika ini saya mendapat banyak rungutan daripada kontraktor kelas F, di mana agensi-agensi yang memantau kontraktor kelas F ini, sekarang ini menyusahkan sebahagian daripada kalangan kontraktor yang *genuine*. Berdasarkan kepada surat, *complain*, berdasarkan kepada teguran secara telefon dan bertulis daripada mana-mana pihak terhadap satu-satu kontraktor, maka kontraktor kelas F itu sekarang ini digantung, disiasat dan dilambatkan *process renewal* PKK mereka, itu yang berlaku sekarang dan saya rasakan bahawa mekanisme harus diambil agar proses penyelidikan ini tidak mengganggu kontraktor-kontraktor yang benar-benar melakukan kerja Tuan Yang di-Pertua, adakah itu menjadi cadangan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih sahabat saya dari Beluran. Saya bersetuju satu mekanisme yang lebih efektif untuk mengenal pasti di mana kontraktor-kontraktor yang *genuine* dan kontraktor-kontraktor yang dipergunakan, diperalatkan oleh segolongan orang yang tidak bertanggungjawab ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Beluran dan saya mohon dimasukkan dalam teks ucapan saya juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi Yang Berhormat?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ada tiga lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Cepat sedikit.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya, perkara kedua Tuan Yang di-Pertua soal kontraktor bumiputera yang diberi projek pada RMK-8, yang melaksanakan projek cerun-cerun jalan di negeri Sabah telah ditamatkan khidmat mereka dan diberi kepada kontraktor yang baru, yang kononnya projek itu tersenarai di dalam RMK-9, tetapi projek itu yang sama juga diberi kepada kontraktor yang baru. Ini saya hairan, kenapa ini harus berlaku. Jadi ini saya mohonlah kepada kementerian yang berkenaan, yang bertanggungjawab yang memberi LI atau LA yang mengeluarkan tawaran ini sebelum RMK-9 ini diumumkan. Ada kes-kes Tuan Yang di-Pertua ini yang berlaku di Sabah. Jadi ini saya sungguh hairan dan satu daripadanya adalah projek *airport* yang terbesar di Kota Kinabalu, yang memerlukan perbelanjaan lebih kurang RM1 bilion dan apa yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada satu upacara perasmian Kongres Ekonomi Bumiputera yang berlaku pada tahun yang lepas di PWTC, yang menyatakan kontrak-kontrak apa sahaja kontrak di Sabah dibagi keutamaan kepada kontraktor-kontraktor yang berasal dari negeri Sabah.

Tetapi malangnya kontraktor yang ditawarkan itu sebelum diumumkan sudah ditawarkan kepada kontraktor di luar dari negeri Sabah, dan ada kenyataan bahawa subkontrak-subkontrak ini diberikan kepada kontraktor-kontraktor yang kecil-kecilan. Jadi apakah satu kepastian bahawa kontraktor yang sudah menangis selama ini, yang tidak mendapat projek semasa RMK-8 begitu lama menangis tidak mendapat projek diberi setakat kontrak-kontrak yang kecil (subkontrak) sebagai potong rumput, membuat parit, menolak tanah-tanah yang perlu ditolak, membersihkan kawasan dan sebagainya. Jadi ini saya kluatir. Kluatir kerana apa yang berlaku sekarang Tuan Yang di-Pertua, di tapak tersebut adalah jentolak-jentolak itu yang didaftarkan yang mulai 'W' dan 'Q' dan bukan jentera yang berdaftar di negeri Sabah dan adalah

anggapan taksiran daripada kontraktor-kontraktor tempatan bahawa subkontrak pun dibagi kepada kontrak-kontrak daripada luar negeri Sabah.

Jadi ini satu persoalan dan ini mendapat teguran daripada rakyat di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, ini mustahak. Saya selalu kena tegur Tuan Yang di-Pertua. Jadi apakah ini berlaku. Jadi soal yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, soal...

Tuan Yang di-Pertua: Yang akhir Yang Berhormat...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini penting Tuan Yang di-Pertua, ini surat daripada menteri sendiri. Ini projek yang sudah siap disenaraikan, projek 2006. Saya tahu projek ini sudah siap dan ini disenaraikan projek baru. Surat daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang bertarikh pada 30hb Mac tahun ini. Jumlah projek yang berkenaan termasuk senarai dalam kawasan Parlimen Putatan berjumlah RM500 ribu. Tetapi setahu saya apabila saya siasat di mana projek ini kerana ini tidak tersenarai daripada projek yang saya kemukakan kepada kementerian tersebut sudah siap pada tahun yang lalu dan tersenarai pada tahun 2006.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini saya minta daripada kementerian yang berkenaan untuk menjelaskan. Mengikut penyiasatan saya daripada pegawai-pegawai yang berkenaan bahawa projek ini adalah projek Jabatan Air Negeri Sabah yang telah dilaksanakan pada tahun 2004 dan sudah siap dan bagaimana pula projek ini tersenarai daripada projek baru? Jadi, saya rasa masih ada masa lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Dua minit lagi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi yang terakhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat jawapan daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada soalan saya yang bukan lisan, soal apa tindakan kerajaan (kementerian) terhadap pencegahan banjir kilat di kawasan Pekan Putatan yang melibatkan pembersihan sungai-sungai kecil. Jawapan dia lain pula Tuan Yang di-Pertua. Dia menyentuh jawapan yang *diversion*, iaitu sungai yang besar. Ini masih lagi berlaku kebanjiran dan dalam RMK-9, ia telah menyatakan sejumlah RM2 juta untuk kelulusan bagi projek RTB Bandar Putatan untuk menjalankan kerja-kerja pembesaran Sungai Putatan ke bahagian hilir.

Ini bukannya soalan yang saya minta, permohonan saya untuk membersihkan sungai-sungai kecil, di mana terdapat rumah-rumah setinggi dibina di atas sungai-sungai kecil itu yang pernah juga dikeluarkan oleh TV3. Yang jadi persoalan rakyat di Putatan ini Tuan Yang di-Pertua, ini soal tengah malam pukul 3 pagi saya terpaksa pergi Tuan Yang di-Pertua, kerana telefon. Jadi tolonglah kementerian melawat kawasan tersebut, apa sebenarnya berlaku di kawasan ini. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

3.48 ptg.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sepuluh minit Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Saya cuba ringkaskan ringkas-ringkasnya mengenai ucapan bagi Anggaran Perbelanjaan Tambahan Kedua 2005.

Berkenaan dengan tanaman semula getah oleh RISDA, saya hendak tambah sedikit di mana masalah-masalah di kawasan pedalaman khususnya, di mana berlakunya kemusnahan daripada binatang-binatang hutan seperti babi. Setelah tanah ini ditanam dua tiga hari, pekebun datang balik semula ke kawasan ladang getah yang ditanam ini dapati pokok-pokok yang ditanam habis dimusnahkan oleh babi tadi. Saya mohon dan menyeru kepada kementerian yang terbabit supaya mengambil perhatian serius terhadap perkara ini, dan meminta pihak RISDA mengambil kira tentang bantuan kepada pagar-pagar elektrik untuk mengelakkan tanaman yang baru ditanam ini, getah yang baru ditanam ini diserang oleh babi hutan.

Berkenaan dengan P.10 – Perbendaharaan. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Syarikat Prasarana Negara Berhad, iaitu di bawah Kementerian

Kewangan yang mana diperuntukkan sebanyak RM1 bilion untuk tambahan bilangan kedua ini. Syarikat Prasarana Negara Berhad ini atau SPNB adalah merupakan satu syarikat yang membantu dari segi modal, dari segi bantuan kewangan kepada pemilik-pemilik ataupun syarikat-syarikat yang mengendalikan pengangkutan awam di dalam negara kita. Apakah Syarikat Prasarana Negara Berhad ini akan terlibat dengan Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam yang akan ditubuhkan nanti. Saya ingin bertanya kepada kementerian dan saya dapati bahawa Syarikat Prasarana Negara Berhad ini memberi kemudahan kepada beberapa syarikat yang mengendalikan LRT di dalam negara kita ini seperti Putra dan juga Monorail.

Selain daripada itu, Rapid KL juga diberi peruntukkan yang besar sebagai pinjaman untuk membangunkan pengangkutan awam ini. Saya hendak tahu berapakah jumlah yang diberikan kepada Putra LRT, kepada Monorail, kepada Rapid KL dan berapakah pinjaman yang telah dibayar balik? Apakah terdapat masalah di dalam pembayaran balik pinjaman-pinjaman yang telah diberikan kepada pengendali-pengendali berkenaan. Jadi, bagi Rapid KL, apakah peruntukkan yang diberikan oleh kerajaan ini, untuk sebagai pinjaman kepada syarikat ini dapat dipulangkan balik mengikut jadual dan apakah kejayaan pihak Rapid KL untuk menyelesaikan sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur ini.

Bagi P.41 – Kementerian Pelajaran. Saya ingin menyentuh dari segi kemudahan-kemudahan di sekolah. Pertama, kemudahan tandas awam di sekolah di mana saya lihat cukup menyedihkan, terutama di kawasan-kawasan yang mempunyai masalah bekalan air. Ini kerana tandas ini tidak diselenggarakan dengan baik bahkan berada dalam keadaan yang kotor, yang mana sudah tentu pengguna ataupun pelajar-pelajar yang menggunakan tandas ini akan merasakan satu perkara, akan merasakan satu benda yang tidak patut untuk mereka gunakan sebagai tandas, sedangkan pelajar-pelajar ini memerlukan satu keselesaan semasa berada di sekolah.

Kita yakin bahawa dengan peruntukan yang besar yang diperolehi daripada Kementerian Pelajaran ini dapatlah kementerian memberi tumpuan khusus untuk membaiki pulih tandas-tandas lama di sekolah ini dan juga memberi satu penyelenggaraan secara berkala kepada tandas-tandas sekolah ini supaya tandas ini berada dalam keadaan yang baik sentiasa dan juga tidak menjadi masalah kepada pelajar-pelajar untuk menggunakan tandas ini. Selain daripada itu bagi bekalan air di sekolah, saya yakin dengan peruntukkan yang besar dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, saya menyeru kepada Kementerian Pelajaran memberi tumpuan khusus kepada penyelenggaraan ataupun bekalan air di sekolah ini sama ada bekalan air secara langsung daripada pembekal yang telah pun ada, ataupun mencari punca-punca lain sekiranya bekalan air tidak ada di kawasan berkenaan seperti air di bawah tanah dan sebagainya. Yang di-Pertua, bagi...

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung, Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Selain daripada itu, saya ingin menyarankan kepada kementerian supaya mengambil berat tentang masalah guru yang mengajar di kawasan-kawasan pendalaman supaya dapat diberi satu insentif kepada mereka ini supaya mereka ini dapat mengajar dengan baik dan sudah pasti satu insentif ini dapat memberi galakan kepada guru-guru yang mengajar di luar bandar. Di Kelantan, saya nampak dari pemerhatian saya, guru-guru sekarang ini sudah rasa satu tekanan daripada pihak tertentu, khususnya kepada pejabat-pejabat pelajaran yang mana mengambil pendekatan yang sudah pasti merunsingkan guru, yang mana...

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: [Bangun]

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Silakan.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Yang Berhormat bagi Tanah Merah tadi mengenai dengan guru pedalaman, terutama sekali bahasa Inggeris yang dihantar tetapi tidak pergi. Jadi, kita seru kepada pihak berkenaan supaya dapat memberi insentif ataupun satu elaan tambahan khusus mengenai dengan guru-guru ini. Kalau tidak nama sahaja dihantar tetapi tuannya entah ke mana. Mungkin memo itu dalam dua minggu hilang dengan begitu sahaja.

Begitu juga dari segi kesihatan. Doktor umpamanya, yang masih tidak ada dan kekurangan, HA sahaja dihantar ke hospital tetapi doktornya tidak ada. Bagaimana

pendapat Yang Berhormat bagi Tanah Merah kalau sekiranya diberi kursus, elaun dan sebagainya supaya perkara ini tidak berlaku lagi di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila tamatkan, ya.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Saya setuju. Guru perlu diperkasakan, jangan kita tekan guru, jangan kita ugut guru. Apa yang berlaku khususnya di kawasan saya, di mana guru kadang-kadang diugut oleh pihak-pihak tertentu untuk ditukarkan ke tempat pedalaman dan sebagainya. Saya minta kementerian menyasat apa yang berlaku di Tanah Merah kerana guru diugut sekiranya tidak menyokong mereka yang tertentu dan mereka ini akan ditukar. Apa yang berlaku pertukaran 12 guru besar dalam masa yang singkat tanpa ada alasan, sedangkan guru besar ini baru berkhidmat di satu-satu tempat, satu-satu sekolah, tiba-tiba dalam tempoh tidak sampai setahun kena tukar ke kawasan lain. Apakah ini percaturan yang betul?

Saya minta kementerian dan juga pejabat pelajaran negeri supaya mengambil tindakan, supaya perkara ini tidak berlaku, supaya kita boleh perkasakan guru ini supaya guru ini menjadi seorang pendidik yang betul-betul tidak dipengaruhi oleh mana-mana, yang dapat memberi didikan yang sempurna kepada anak-anak kita. Jadi, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Beluran.

3.58 ptg.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya ingin menyentuh dua perkara yang ringkas. Pertama, terhadap keputusan Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk melaksanakan *e-filing* secara menyeluruh bermula dari tahun depan. Persoalannya sekarang, adakah jabatan ini telah mengkaji kesediaan rakyat, kesediaan pembayar cukai terhadap sistem *e-filing* ini dan melihat bahawa pendekatan yang diambil oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak menyusahkan rakyat atau pembayar cukai di semua peringkat.

Kita tidak mahu peraturan kerajaan ini kelak akan memberi beban kepada pembayar cukai, kepada masyarakat. Ini kerana kita yakin apa juga keputusan kerajaan, rakyat itu merupakan perkara utama yang harus diambil kira. Kesediaan, keupayaan rakyat untuk melaksanakan, memenuhi kehendak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itu saya ingin penjelasan kajian yang telah dibuat terhadap kesediaan pembayar cukai yang telah dibuat oleh Jabatan Hasil. Begitu juga hari ini kita melihat akhbar, *FOMCA* dan juga *CUEPACS* mempunyai *reservation* terhadap pelaksanaan *e-filing* ini secara menyeluruh mulai dari tahun hadapan. Saya harap kerajaan akan mengambil teguran ini sebagai teguran yang akan dilihat secara terperinci untuk menentukan bahawa pembayar cukai tidak akan dibebankan dengan sistem baru oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua, kita banyak bercakap tentang keperluan untuk jabatan dan kementerian melaksanakan program kerajaan itu secara berkesan tanpa melibatkan pembaziran.

Kalau kita lihat Dewan ini daripada pembentangan daripada Rancangan Malaysia Kesembilan, ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong dan juga pembentangan rancangan Malaysia kesembilan banyak menyentuh tentang keperluan ke arah itu. Tetapi kita lihat masih ada lagi kementerian yang *obsess* dengan data. masih ada kementerian yang tidak melihat terhadap keberkesanan program.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya mengambil contoh Tuan Yang di-Pertua kementerian belia dan sukan program membekalkan alat-alat sukan ke setiap daerah. Saya tidak tahu sama ada kementerian sedar atau tidak sedar alat-alat yang dibekalkan ini tidak setanding kualiti yang diberikan. Bola sepak jenis Unik, bola jaring, bola keranjang jenis Molten, raket

badminton jenis Jubong, *shuttlecock* (bulu tangkis) jenis Jubong. Tuan Yang di-Pertua, kualiti pembekalan ini tidak tinggi kualitinya. Saya bagi kepada belia di kawasan saya raket Jubong ini dengan *shuttlecock* Jubong tidak ada belia yang hendak guna Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada seorang pun hendak guna.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Masalahnya *shuttlecock* itu laju...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Parit.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Kualiti raket itu rendah. Tak tahulah, mungkin Yang Berhormat bagi Parit juga mengalami masalah yang sama.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Ya. Yang Berhormat bagi Beluran, saya juga menghadapi masalah yang sama. Tuan Yang di-Pertua, bola yang diberi itu baru di pam terus pecah dan saya tidak sanggup memberikan bola-bola ini kepada belia-belia kerana Tuan Yang di-Pertua sekiranya kita menyampaikan bola yang tidak berkualiti ini, di pejabat saya di pam terus pecah kalau kita beri kepada mereka pengguna-pengguna, akhirnya imej kerajaan yang jatuh. Jadi, ini saya menyokong Yang Berhormat bagi Beluran. Perkara ini harus ditangani sepenuhnya oleh pihak kementerian.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Mungkin menteri tidak tahu perkara ini. Saya yakin ianya dilakukan oleh pegawai-pegawai yang membeli barang-barang ini untuk dibekalkan ke pejabat-pejabat daerah. Tapi memang betul. Bola bukan pecah tapi ada bola yang tidak boleh masuk angin. Jadi kita main bola tidak ada angin. Tuan Yang di-Pertua juga ada mengalami masalah yang sama. Beberapa Ahli parlimen juga mengalami masalah yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bola tak ada angin macam mana boleh main?

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tak boleh masuk angin. Tuan Yang di-Pertua, inilah kualiti alat-alat sukan yang dibekalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Tidak faham saya. Mereka sepatutnya mahir. *They supposed to be the expert* dengan izin. Tuan Yang di-Pertua marah nanti kalau cakap orang putih. Mereka ini sepatutnya tahu kualiti alat-alat sukan. Tetapi kementerian sendiri membekalkan alat-alat sukan yang tidak berkualiti. Masih ada di pejabat Parlimen saya bola yang tidak boleh masuk angin.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Setuju, setuju.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Bulu tangkis (*shuttlecock*) yang laju yang bukan *standard* biasa, raket yang tidak ada kualiti. Tidak faham saya. Tapi kalau ikut data sekarang ini Kementerian Belia dan Sukan telah membekalkan sekian juta wang untuk peralatan sukan di daerah-daerah. Rekod ada itu. Tetapi kualiti yang diberi tidak boleh.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Jadi saya minta agar kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: ...Kementerian Kewangan lihat balik ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Krai.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin tahu bagaimana pendapat mengenai dengan bola-bola yang diberi baru-baru ini. Adakah itu maksudnya yang bola keranjang, bola sepak...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, betullah itu.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: ...bulu tangkis yang baru dan saya telah beri. Jadi kalau macam itulah nanti apa pula kata peminat-peminat bola sepak. Saya kira ini sudah tentu akan menjatuhkan maruah Parlimen juga. Bagaimana pendapat?

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Bola itulah yang kita maksudkan ini, Yang Berhormat bagi Parit juga maksudkan. Jadi saya minta kerajaan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat tidak berhasrat bertanya kepada kementerian ini berapa jumlah kos yang digunakan perbelanjaan untuk *supply* benda-benda yang tidak ada mutu dan *standard* itu dan siapa pembekalnya sebab yang kita terima benda yang tidak boleh diguna pakai diberi kepada kita. Apakah Yang Berhormat ingin bertanya kepada kementerian ini kenapa terjadi begini. Apakah ini *standard* yang dikehendaki oleh kementerian.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, saya jadikan pertanyaan itu sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Kita minta penjelasan Kementerian Kewangan yang akan menjelaskan hari ini. Biar duit yang kita gunakan untuk membekal ini setaraf dengan kualiti yang dibekalkan kerana saya yakin tujuannya, matlamatnya, objektifnya adalah untuk memberi kemudahan peralatan sukan kepada belia-belia kampung. Itu tujuannya dan saya yakin bahawa program ini tidak bertujuan untuk menguntungkan pihak pembekal dan tidak sama sekali bertujuan untuk menguntungkan pihak pegawai-pegawai kerajaan yang mengendalikan pembelian alat-alat sukan ini.

Oleh kerana itu saya minta agar Kementerian Kewangan, Kementerian Belia dan Sukan, menterinya untuk melihat balik program ini dan membuat pembetulan-pembetulan yang perlu agar kualiti wang kewangan yang digunakan itu setara dengan kualiti peralatan yang dibekalkan. Saya cuma ingin mengemukakan dua perkara ini. Saya mengucapkan terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya kita perlu selesaikan perbahasan pada hari ini. Berapa ramai?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tujuh!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Yang Berhormat, saya jangka pukul lima saya akan minta menteri jawab. Jadi saya akan cuba membenarkan seberapa ramai yang boleh. Yang Berhormat bagi Tuaran sila.

4.09 ptg.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut serta membahaskan akta perbekalan tambahan tahun 2005...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya mintalah semua cuba ringkaskan supaya peluang juga dapat diberikan kepada rakan kita yang lain.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran wang daripada kumpulan wang disatukan sebanyak RM10,152,874,593. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon penjelasan iaitu dalam Rang Undang-undang ini yang dalam kertas biru ini jumlahnya ialah RM10 bilion tetapi dalam kertas yang *pink* ini ada lagi tambahan pembangunan RM2.9 bilion.

Jadi saya ingin mohon penjelasan adakah Rang Undang-undang kita meluluskan ini untuk RM10 bilion ataupun tambahan lagi dengan RM2 bilion ini. Saya tidak berapa faham. Saya mohon penjelasan mana satu yang kita luluskan ini sebab dalam Rang Undang-undang dalam bil cuma RM10 bilion. Ada lagi di sini RM2.9 bilion.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, ialah saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan bagaimanakah kerajaan memberi keutamaan tentang peruntukan kerajaan ini. Bagaimanakah peruntukan ini diagih-agihkan. Sebenarnya kerajaan kita

ini kaya. Kita banyak duit. Kita meluluskan RM10 bilion di sini. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya baru juga sebentar tadi pagi tadi TV3 telah menyiarkan tentang rakyat menjelaskan rintihan mereka tentang bekalan elektrik. Bila lagi bekalan elektrik akan diberi. Saya sudah *compile* segala-gala. Saya sudah hantar kepada Perdana Menteri, saya sudah mendapat balasan daripada Yang Berhormat Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bahawa pada tahun ini kerajaan negeri Sabah telah memohon sebanyak RM146 juta untuk bekalan elektrik luar bandar negeri Sabah tetapi yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan hanya RM47 juta sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya di Tuaran saya masih mempunyai lebih 40 buah kampung yang memerlukan bekalan elektrik. Belum ada elektrik. Kenapakah pihak kerajaan tidak boleh memberi keutamaan? Bagi sahaja! Satu kampung memerlukan lebih kurang RM500,000 dan di kawasan Tuaran saya hanya perlukan RM12 juta sahaja. RM12 juta beres, selesai.

Saya ingin tahu kenapa ini tidak diberikan sebab Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya terdapat 85 buah sekolah rendah dan sebahagian besar daripada 85 buah sekolah rendah ini menggunakan '*genset*' ataupun solar untuk bekalan elektrik di luar bandar di sekolah-sekolah rendah ini. Minggu lepas saya melawat ke beberapa buah sekolah dan saya dapati bahawa kesemua sekolah ini kita sudah bekalkan dengan *genset* ataupun solar. Kita juga ada *schoolnet* tetapi untuk *genset* ini tidak sampai dua tahun habis.

Dan bagi *genset-genset* yang masih ada, yang belum '*hangkang*', belum rosak, tidak beroperasi sebab tidak ada diesel, tidak ada bekalan diesel. Sekolah tidak ada bekalan diesel. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohonlah, saya mohon ini kita bercerita tentang modal insan, apa semua, beri sahaja RM12 juta untuk kawasan Parlimen Tuaran untuk bereskan. Dan seluruh negeri Sabah, apabila pengumuman Rancangan Malaysia Kesembilan tempoh hari, Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Pembangunan Wilayah dengan bangganya menyatakan negeri Sabah besar, Sarawak paling besar.

Memanglah besar sebab masih banyak lagi, beribu-ribu lagi kampung yang belum ada bekalan elektrik. Memanglah besar, tetapi yang saya hairan ialah kerajaan negeri, keutamaan pada tahun ini hanya RM149 juta, tetapi yang diluluskan hanya RM47 juta untuk bekalan elektrik luar bandar. Ini persoalan? Kenapakah kita tidak memberi keutamaan? Kerajaan kita kaya banyak duit, selesaikan yang asas dulu, baru *enjoy* yang lain. Ini bina ya lah, kita marahlah, ada yang marah pasal jambatan tidak jadi pergi *Singapore*. Syukur jugalah tidak jadi sebab duit itu boleh digunakan untuk yang asas ini, masih asas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Krai bangun.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tertariklah tadi dengan ini tapi saya nak saudara bukan sahaja di Sabah, bahkan di semua negeri termasuk Kelantan, Pantai Timur sana yang masih 45 tahun merdeka tetapi masih tidak dapat air dan tidak dapat bekalan elektrik. Jadi kita harap kementerian berkenaan salurlah kepada mereka ini setelah kita mencapai kemerdekaan 40-50 tahun, mereka ingin mendapat elektrik seperti mana yang lain-lain juga. Jadi menyeluruhlah, bukan Sabah sahaja ya.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Ya, kita berjuang untuk semua, makna dia bagi keutamaan, kita selesaikan masalah bekalan elektrik di seluruh kampung di seluruh negara. Sediakan dana berapa, kita boleh bereskan, selesaikan dia dahulu, bekalan air luar bandar.

Saya akan teruskan Tuan Yang di-Pertua dengan terus kepada soal pendidikan. Saya juga ke sekolah tempoh hari dan saya melihat bahawa pembekalan-pembekalan dan peralatan-peralatan di sekolah-sekolah ini tidak terurus, tidak terurus sekolah-sekolah rendah. Persoalan saya di sini ialah, apakah pihak jemaah nazir sudah gagal? Apakah naziran yang dibuat? Sebenarnya yang dilihat oleh nazir ini? Apakah nazir melihat bagaimana peralatan-peralatan yang diberikan itu disimpan? Saya ingin tahu, apakah pihak nazir melihat bagaimana pusat sumber itu ditadbir? Saya masuk ke sekolah, tidak ada pusat sumber, saya cakap di mana buku-buku? Bagaimanakah sekolah ini menjalankan Projek NILAM? Bagaimanakah sekolah ini

menjalankan Projek SEMAI? Di mana buku-buku dia? Dan ada buku, dan ini buku dia, saya tengok buku-buku penuh dengan habuk.

Saya mohonlah pihak nazir ini supaya melawat, memeriksa, saya tidak tahu macam mana tetapi sepatutnya naziran ini, pihak jemaah nazir ini membuat laporan-laporan tertentu. Begitu juga dengan peralatan-peralatan lain seperti *genset*, solar, ataupun apa juga peralatan yang sudah tidak berfungsi, komputer tidak berfungsi. Apakah pihak *schoolnet* masih berfungsi? Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan, pihak kementerian khususnya mengadakan satu sistem penyelenggaraan terhadap peralatan-peralatan yang kita bekalkan ke sekolah-sekolah ini. Kalau dibiarkan peralatan-peralatan yang sudah hantar kita ini, dibiarkan tidak berfungsi berbulan-bulan, buat apa? Sayang pembekalan-pembekalan, peruntukan-peruntukan yang pihak kerajaan berikan kepada sekolah-sekolah ini, jika sekiranya ia tidak diselenggarakan.

Seterusnya saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, juga pasal di sekolah rendah di kawasan luar bandar. Saya amat mengalu-alukan pelaksanaan Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis ataupun KIA 2M yang telah dilaksanakan baru-baru ini. Saya berkesempatan ke sekolah di sana dan membacakan dokumen-dokumen termasuklah dia punya bahan mengajar dan begitu efektif dan berkesan. Saya mengucapkan tahniah pada pihak kementerian dalam hal ini. Dan saya mencadangkan supaya KIA 2M ini diwajibkan di semua sekolah rendah terutama sekali di sekolah-sekolah rendah yang tidak mempunyai pra sekolah. Sebab sebenarnya sekolah-sekolah di luar bandar yang tidak mempunyai pra sekolah ini baru mereka mengenal ABC. Dan tentu sekali pada tahun satu, di situ baru mereka pelajar-pelajar kita mengenali ABC.

Dan pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya KIA 2M ini juga diperluaskan untuk bahasa Inggeris sebab setakat ini KIA 2M ini hanya untuk bahasa Melayu. Dan kita tahu bahawa jika sekiranya pada peringkat awal, para pelajar kita tidak didedahkan dalam bahasa Inggeris ini bermula dengan pembacaan dan penulisannya, tentu sekali apabila dia sampai ke tahap dua, maknanya menghadapi peperiksaan UPSR, mereka akan menghadapi masalah sebab mereka dapat menghayati tetapi mereka tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan mengira.

Dalam hal ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya pembinaan sekolah-sekolah pra sekolah ini di seluruh negara diberi keutamaan. Saya tahu bahawa ramai guru-guru yang telah dilatih untuk *option* para sekolah, banyak sudah yang dilatih tetapi pada hari ini mereka tidak dapat ditempatkan untuk mengajar para sekolah sebab sekolah belum dibina. Dan akhirnya mereka disuruh mengajar *option* lain ataupun mata pelajaran yang lain. Dan apabila disuruh mengajar mata pelajaran yang lain, tentu sekalilah pengajaran mereka itu tidak berkesan. Ini termasuklah dan saya ulangi guru-guru daripada Sabah yang telah dihantar ke negeri Selangor dan ke Johor yang mana *option* mereka adalah para sekolah. Tetapi sampai sini mengajar bahasa Melayu dan ada pula yang mengajar mata-mata pelajaran yang lain. Dan mereka telah memberitahu kepada saya bahawa tolong beritahu kerajaan, jika sekiranya kualiti pengajaran kami, jika sekiranya anak-anak didik kami ini tidak mendapat ilmu yang sepatutnya, tolong jangan salahkan kami, bukan kami, kami tidak minta untuk dihantar ke sini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, sekali lagi saya ingin memohon supaya pihak kerajaan menitik beratkan, mengambil berat tentang pengagihan peruntukan ini dan kita fokuskan untuk menyelesaikan masalah asas dahulu. Barulah Kerajaan Malaysia kita ini mengorak langkah, menuju ke negara maju pada tahun 2020. Tapi jika sekiranya sebahagian besar kampung-kampung di seluruh negara ini belum lagi menikmati bekalan elektrik, bekalan air yang bersih belum lagi diselesaikan, bagaimana kita bercerita tentang lain-lain? Dengan kata demikian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

4.21ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil masa yang sedikit ini untuk menyentuh tentang Jabatan Perdana Menteri yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan dan juga sangat berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat tentang apa yang ditulis dalam majalah *The Economist* yang terbaru dengan izin, "*The Geopolitics of 2026*" yang secara jelas memperlihatkan tentang bagaimana peranan Cina dan India sebagai masa depan kuasa besar dunia terutama dalam bidang ekonomi. Dan demikian juga mereka menyebut secara sinis bagaimana hubungan Malaysia dan Singapura dalam abad-abad yang lalu, dan khususnya tentang bagaimana isu pemberhentian jambatan baru yang dicadangkan oleh kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan jambatan yang dihasratkan oleh Malaysia pada awal 1996 untuk membina jambatan yang menghubungkan Singapura dan Malaysia yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada waktu itu, sudah tentu kita sebagai rakyat Malaysia dan Ahli-ahli Parlimen pada hari ini berpandangan bahawa pembinaan jambatan ini tidaklah semudah untuk membina jambatan Sungai Seget ataupun pembinaan jambatan Sungai Gombak. Ianya memerlukan implikasi undang-undang, pemerhatian yang mendalam dan juga kesan kewangan yang dihadapi oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu ini saya mengambil kesempatan bukan untuk mengungkit kembali ataupun memberikan cadangan sama ada kita perlu menyambung ataupun merundingkan semula jambatan ini.

Tetapi apa yang penting untuk saya berdiri dalam Dewan yang mulia pada petang ini adalah untuk kita mengkaji kesan dan implikasi martabat dan integriti negara yang saya lontarkan pada hari ini pada pandangan saya yang melibatkan tentang bagaimana lemah dan cuainya kerajaan kita di dalam mengurus isu jambatan ini.

Perkara yang pertama yang ingin saya sebut adalah tentang bagaimana pada akhirnya kita terpaksa akur dengan suatu jawapan yang tidak meyakinkan tentang implikasi undang-undang. Pada hari pertama jambatan ini dirundingkan pada waktu itu sehinggalah pada bulan lalu kita membatalkan jambatan tersebut adakah kita tidak mengkaji dengan mendalam tentang implikasi undang-undang? Di sini ada dua aspek yang ingin saya tekankan. Yang pertama bagaimana peguam negara, penasihat undang-undang kita, para-para diplomat kita bekerja untuk negara. Yang keduanya di pihak kerajaan yang menerajui mandat besar rakyat terhadap isu ini.

Kalau kita ingin mengandaikan Tuan Yang di-Pertua, kenapa tindakan ataupun implikasi undang-undang ini tidak kita kaji dengan mendalam. Kita kenal Singapura, sejarah zaman berzaman sejak hari pertama ianya didirikan, kita kenal siapa Singapura, siapa penasihat mereka, siapa penasihat pentadbiran mereka, siapa penasihat ketenteraan mereka. Dan sudah tentu perkara ini dalam melibatkan hubungan dua hala kita perlu begitu cermat untuk membuat sebarang keputusan. Kalau kita mengambil suatu ketetapan dan menerima pada hari ini setelah 10 tahun baru kita mengakui tentang kita ingin mengkaji tentang implikasi undang-undang. Apa kerja peguam negara? Apa kerja para diplomat kita? Dan bagaimana sumbangan mereka? Adakah peguam negara kita ini kelulusan Papua New Guinea? Adakah ini kelulusan dari Republik Tonga?

Ini bukan suatu penghinaan Tuan Yang di-Pertua, tetapi ingin saya memperjelaskan di sini bagaimana implikasi undang-undang yang semestinya pada hari pertama dikaji dengan mendalam supaya kita tidak menerima suatu kritikan di mana integriti negara menjadi persoalan pada masyarakat antarabangsa pada hari ini. Kita jangan sekadar untuk melakukan muhasabah dengan hanya mendengar media dalam negara kita. Kita perlu mendengar apa yang mereka kritik dalam CNBC, BBC dan seumpamanya. Bagaimana mereka melihat kita tidak begitu cermat untuk mengadakan suatu projek yang begitu besar, yang menelan belanja RM1.1 bilion tanpa kita mengambil risiko tentang implikasi undang-undang.

Di pihak yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya mengandaikan seandainya peguam negara, pakar-pakar undang-undang dan para diplomat kita bekerja dengan begitu kuat, memberikan nasihat kepada kabinet kita. Adakah kabinet tidak mendengar segala pandangan mereka? Adakah kabinet memandang sepi segala pandangan

undang-undang mereka? Kenapa kabinet setelah 10 tahun mengambil satu keputusan bahawa kita tidak perlu menghentikan jambatan ini kita perlu memberhentikan jambatan ini di atas hujah implikasi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal yang melibatkan perkara ini saya ingin merujuk tentang bagaimana kita dalam kita mengurus tentang jambatan ini, tentang CIQ kita telah membelanjakan RM1.2 bilion. Dan akhirnya apabila kabinet terpaksa membatalkan jambatan tersebut kita terpaksa membayar pampasan hampir RM100 juta kepada kontraktor yang berkenaan. Bermakna Tuan Yang di-Pertua kita telah mencurahkan ke laut Selat Tebrau ini sebanyak lebih kurang RM100 juta. Ini wang negara dan ini wang rakyat. Yang saya ingin memberikan satu kritikan pada petang ini bahawa Parlimen ini dan wakil-wakil rakyat yang ada dalam Parlimen ini mestilah memberitahu pihak kerajaan bahawa di lain kali atas implikasi dan juga iktibar pembinaan jambatan indah ini kita telah menghadapi satu masalah integriti dan bagaimana kita mengurus masalah jambatan projek yang begitu besar yang akhirnya kita terpaksa memberhentikan dengan suatu alasan...

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Parit.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: ...yang kita terpaksa terima pada hari ini yang dipertikaikan wibawa kita sama ada di peringkat nasional mahupun di peringkat internasional .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Parit bangun.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Silakan Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bawa balik perbincangan kita kepada apa Yang Berhormat Kubang Kerian sebutkan di awal ucapannya tadi. Beliau mengemukakan persoalan adakah kita kenal Singapura? Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kita belum mengenali Singapura yang sebenarnya. Dan begitu juga jiran-jiran kita yang lain Thailand, Indonesia dan Vietnam misalnya. Jadi untuk kita hidup berjiran ini kita harus mengenali jiran kita yang sebenar-benarnya terutama pemikiran pemimpin-pemimpin dan rakyat. Oleh itu Yang Berhormat bagi Kubang Kerian adakah sudah sampai masanya universiti kita mewujudkan satu pusat pengajian ASEAN ataupun Asia Tenggara supaya kita dapat mengkaji psikologi pemikiran pemimpin dan rakyat jiran-jiran kita dalam usaha kita untuk melahirkan hubungan yang sempurna, baik dan boleh menyelesaikan masalah kerana jiran kita memang banyak masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya hendak minta gulunglah Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, mungkin masa tidak mengizinkan saya untuk menjawab tetapi apa yang dikemukakan oleh sahabat saya daripada Parit tadi, Singapura ini sebenarnya sebahagian daripada kita. Kemudian mereka dimerdekakan tahun 1965, saya rasa kita cukup kenal dengan Singapura *all the while* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Dan pada pandangan saya untuk kita mengenali Singapura ini cukup pada saya kita membaca sebuah buku yang bertajuk "*The Dare to Speak Out*" iaitu sebuah buku yang ditulis oleh seorang pakar sejarah Amerika Syarikat yang mendedahkan bagaimana rangkaian kuasa besar dunia yang mana di belakangnya adalah konspirasi daripada Zionis dan Yahudi dan Singapura adalah sebahagian daripada mereka.

Jadi kita cukup kenal siapa mereka dan sebab itu saya mengatakan tadi bahawa dalam perkiraan kita dengan Singapura pada saya kita mesti melihat bukan sekadar fakta-fakta yang ada di atas meja, bukan hanya sekadar minit-minut yang ditulis dalam mana-mana persidangan dengan mereka dan diingatkan sendiri oleh bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa kegemaran Singapura adalah untuk dia menulis kembali surat-surat daripada perbincangan yang tidak rasmi.

Ini perangai Singapura dan dia *publish* surat ini dengan harapan untuk dia melihat jauh sekiranya isu ini dibawa kepada ISJ, dibawa kepada Mahkamah Dunia maka dia berkeyakinan surat-surat ini akan menjadi suatu bukti yang kukuh.

Ini semua *style-style* ataupun apa yang dikatakan cara-cara Yahudi berdiplomasi dengan dunia Arab yang kita banyak baca dalam sejarah juga bagaimana pemimpin-pemimpin Yahudi menipu di siang hari kepada pimpinan Arab dalam isu hubungan diplomatik di antara Arab dan Israel. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ucap terima kasih dan pada saya ingatan ini amat penting kerana kita telah mencurahkan RM100 juta ke Selat Melaka yang merupakan masalah integriti negara. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit bolehlah ucap sekarang.

4.29 ptg.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil masa yang sedikit berkaitan dalam peruntukan tambahan ini. Yang pertama berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Tuan Yang di-Pertua saya rasa sudah sampai masanya Kementerian Luar Bandar ini mempunyai agensinya tersendiri sekurang-kurangnya di peringkat negeri. Kerana kalau kita melihat peruntukan yang diberikan oleh kerajaan di dalam kementerian ini di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan begitu besar, RM10 bilion. Dan kita dapati kementerian ini memainkan peranan yang penting di dalam membangunkan kawasan luar bandar.

Kita dengar keluhan-keluhan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak. Banyak lagi perkara-perkara pokok yang belum diselesaikan di peringkat luar bandar ini dan kita dapati banyak juga projek di kementerian ini yang tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna akibat ketiadaan agensi di peringkat negeri dan daerah. Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan pemasangan lampu jalan di kampung-kampung. Di kawasan saya umpamanya projek tahun 2005 yang diluluskan tahun 2005 belum dilaksanakan. Oleh sebab projek ini diberikan kepada pihak syarikat oleh pihak TNB, jadi kalau misalnya ada agensi Kementerian Luar Bandar di peringkat negeri dan daerah mungkin perkara ini dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Oleh itu saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengkaji semula supaya dapat diwujudkan agensi ini. Tidak semestinya melibatkan tambahan kakitangan Tuan Yang di-Pertua, mungkin boleh disusun semula di mana pegawai-pegawai atau kakitangan daripada JKR, TNB ataupun Pejabat Daerah sendiri ditempatkan di agensi baru yang diwujudkan di peringkat negeri itu.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya mengharapkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini mengkaji semula kedudukan rumah-rumah pam JPS yang terdapat di seluruh negara, kerana rumah pam JPS ini merupakan satu alat yang penting untuk menyalurkan air yang secukup di saliran-saliran bagi kegunaan sawah padi dan sebagainya. Saya dapati banyak rumah-rumah pam JPS ini yang telah usang dan tidak dapat berfungsi sepenuhnya. Saya mengambil contoh di kawasan saya rumah pam ini bertanggungjawab untuk menyalurkan air yang secukupnya. Tetapi selalunya rumah pam ini rosak dan tergendala dan akibatnya air-air yang sepatutnya disalurkan kepada sawah padi ini tidak dapat disalurkan mengikut jadual dan ini menimbulkan masalah kepada jadual tanaman seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian Negeri.

Perkara ketiga Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Kementerian Kewangan. Saya mengharapkan supaya Kementerian Kewangan mengkaji semula prosedur melaksanakan projek terbengkalai terutamanya projek agensi kerajaan. Saya ambil contoh projek pembinaan *kuartes* dan Ibu Pejabat Polis Daerah, Perak Tengah yang terletak di Bandar Baru Seri Iskandar, Parit. Di mana projek ini sepatutnya dapat disiapkan pada tahun 2001 dan dimulakan pada tahun 1998, tetapi sehingga hari ini projek ini terbengkalai dan asalnya projek ini dilaksanakan oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di mana Kementerian pada masa itu mempunyai unit untuk melaksanakan projek.

Tetapi, apabila projek ini terbengkalai sampai hari ini Tuan Yang di-Pertua, projek ini menjadi sarang tempat penagih-penagih dadah menggunakan tempat itu. Jadi, saya harapkan pihak kementerian bagi projek terbengkalai ini jangan menggunakan prosedur yang sama gunakan prosedur yang cepat supaya tidaklah sampai, sampai lima tahun projek ini terbengkalai Tuan Yang di-Pertua, dan akhir sekali menyentuh tentang Kementerian Pelajaran.

Saya dapati di dalam pengajaran matematik dan sains dengan menggunakan bahasa Inggeris ini, saya difahamkan di Sekolah Jenis Kebangsaan China diberi pengecualian tidak semuanya masa yang digunakan untuk pengajaran matematik dan sains itu digunakan menggunakan bahasa Inggeris tetapi diberi kebenaran menggunakan bahasa ibunda. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pelajaran kenapa kita ada *double* standard tentang hal ini.

Kalau misalnya di sekolah Kebangsaan bahasa pelajaran matematik dan sains ini digunakan sepenuhnya menggunakan sepenuhnya diajar sepenuhnya dalam bahasa Inggeris mengapa pula misalnya di Sekolah Jenis Kebangsaan China diberi pengecualian untuk masa tertentu. Jadi, saya harapkan perkara ini kalau kita buat keputusan biarlah sama, seragam. Kalau kita berkehendakkan pengajian matematik dan sains dalam bahasa Inggeris, semua sekolah mestilah begitu jangan ada diberi pengecualian kerana ini akan menjejaskan prestasi murid-murid di sekolah-sekolah yang berkenaan. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Lipis.

4.35 ptg.

Tuan Muhamad Shahrom bin Osman [Lipis]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil bahagian untuk membahaskan anggaran belanja mengurus tambahan 2005 dan anggaran belanja pembangunan tambahan 2005 dengan melihat yang pertamanya kepada Jabatan Perdana Menteri iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam.

Apa yang saya lihat dan saya dengar di sini, di Jabatan Perkhidmatan Awam terdapat juga pegawai-pegawai kontrak yang diambil bekerja secara kontrak walau pun kita dengar tadi Yang Berhormat bagi Larut, mengatakan bahawa di banyak tempat terdapat kekosongan. Jadi, apa yang menyedihkan saya pegawai-pegawai kontrak ini diambil bekerja daripada tahun ke tahun mungkin dalam projek-projek tertentu tetapi akhirnya ada kalanya apabila kontrak mereka tidak disambung mereka terpaksa berhenti kerja. Jadi, kadang kala mereka ini telah juga ada komitmen darai segi keluarga dan sebagainya dan telah berkahwin dan sebagainya tapi mereka terpaksa pula daripada mempunyai pekerjaan terus pula menjadi penganggur.

Jadi, di sini bagi saya pegawai-pegawai ini saya percaya telah memberikan komitmennya kepada kerajaan dan sanggup bekerja dalam sistem yang ada dalam perkhidmatan awam. Apa salahnya mereka ini terus sahaja diserapkan ke dalam perkhidmatan awam dan ditempatkan di jabatan-jabatan yang kadang kala sangat memerlukan pegawai-pegawai tambahan.

Yang keduanya saya hendak menyentuh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Oleh kerana harga getah sekarang naik dan tadi ada juga disebut bagaimana kita dapat mengharapkan pada pekebun kecil dapat menyimpan dan sebagainya. Dan Alhamdulillah, bagi saya pokok getah ini merupakan satu pokok yang berhijrah ke Malaysia dan sangat memberi rahmat kepada para penduduk di Malaysia ataupun negara Malaysia sendiri.

Jadi, kalau kita melihat dari segi pokok getah, pokok getah ini bukan sahaja getahnya sahaja yang kita boleh toreh sekarang ini batangnya juga telah kita gunakan dan daunnya juga telah kita buat sebagai kraf tangan. Tapi, ada juga lagi satu iaitu buahnya. Buah getah ini atau biji getah ini juga bila dipecahkan isinya kita boleh juga membuat sejenis bahan makanan...

Seorang Ahli: Tempe!

Tuan Muhamad Shahrom bin Osman [Lipis]: ...bahan makanan ini sanga sedap dan rasa saya pihak-pihak yang terlibat seperti yang membuat penyelidikan

boleh juga membuat penyelidikan di mana menjadikan bahan daripada biji getah ini sebagai satu bahan makanan dan dengan cara tidak langsung dapat meningkatkan lagi pendapatan bagi pekebun-pekebun kecil.

Seterusnya saya hendak menyentuh tentang Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah... ada gangguan Tuan Yang di-Pertua,..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa ganggu?

Tuan Muhamad Shahrom bin Osman [Lipis]: Ya, kawan-kawan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kawan-kawan ya.

Tuan Muhamad Shahrom bin Osman [Lipis]: Fasal...

Seorang Ahli: Botai, gulung-gulung!

Tuan Muhamad Shahrom bin Osman [Lipis]: Jadi, di sini saya hendak melihat dari segi bekalan air luar bandar. Ada bekalan air luar bandar dilaksanakan secara konsultan atau dengan melantik konsultan. Jadi, ada masalahnya sebagai contohnya di kawasan saya. Paipnya siap, segala-galanya siap tetapi air tidak keluar. Yang keluarnya angin. Jadi, projek ini dikatakan siap tapi apabila saya bertanya balik kepada Jabatan Bekalan Air Pahang mereka berkata ada masalah dari segi reka bentuknya menyebabkan tekanan air tidak sampai.

Projek ini hendak dikatakan projek terbengkalai tidak juga tetapi dia telah memberi masalah kepada penduduk-penduduk yang mendapat bekalan semacam ini. Jadi, saya berharap walau pun untuk Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini ditekankan kepada anggaran belanja mengurus, tapi apa yang saya harap pegawai-pegawai yang ada di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah cubalah lihat balik perkara ini dan cubalah kaji bagaimana keadaan itu terjadi demikian. Kalau hendak memberi konsultan dan sebagainya, berilah kepada jabatan teknikal yang ada di negeri seperti Jabatan Bekalan Air bukan dilantik juru perunding daripada luar yang tidak beberapa faham mungkin tentang masalah bekalan air ini.

Seterusnya saya hendak bercakap tentang Kementerian Pelajaran. Dalam Kementerian Pelajaran ada satu bahagian sebenarnya yang saya fikir sangat penting untuk masalah PNP iaitu pusat kegiatan guru.

Satu masa dahulu banyak ditubuhkan Pusat Kegiatan Guru dan sekarang ini Pusat Kegiatan Guru ditempatkan di bawah Bahagian Teknologi Pendidikan dan ada juga pegawai-pegawainya ditempatkan terus di bawah negeri. Tetapi apa yang saya lihat ialah keadaan yang amat menyedihkan kerana Pusat Kegiatan Guru ini sangat kurang digunakan oleh guru yang sepatutnya di situlah, tempat guru-guru mendapat bahan P&P mereka.

Pegawainya, bila saya pergi melawat satu Pusat Kegiatan Guru, apa yang ada ialah hanya seorang pegawai penyelaras sahaja dan pegawai penyelaras inilah segala-galanya. Kesannya, rasa saya ialah duit rakyat rugi di sini. Kalau tidak hendak dibuat Pusat Kegiatan Guru ini jangan diadakan langsung. Bila ada tetapi tidak digunakan sepenuhnya, maka perkara tersebut mungkin akan menjadi 'gajah putih' bagi kementerian dan sistem pendidikan.

Akhirnya, saya hendak menyentuh tentang Kementerian Pengangkutan. Di sini saya hendak mohon penjelasan kerana ada saya dengar bahawa ada sedikit tidak ketelusan dalam pembelian kepala kereta api atau lokomotif. Di sini saya hendak minta penjelasan dari Kementerian Pengangkutan, bagaimanakah prosedur yang digunakan untuk membeli kepala kereta api atau lokomotif ini dan adakah lokomotif ini untuk dihantar ke mana-mana tempat memerlukan dengan izin, *birth certificatenya*. Saya mohon penjelasan Kementerian Pengangkutan.

Oleh sebab saya tengok ramai kawan saya turun naik, turun naik, maka dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ledang.

4.43 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya membawa dua perkara sahaja. Pertama, pada tahun lepas kerajaan telah pun menyediakan setengah bilion ringgit untuk pelaksanaan projek-projek kecil ataupun penyelenggaraan yang dikhaskan untuk kontraktor-kontraktor kelas F. Matlamatnya baik dan tujuannya baik, sekadarkan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan, oleh sebab projek ini adalah projek khas, peruntukan sebanyak setengah bilion ringgit ini adalah peruntukan khas untuk kontraktor kelas F yang khas, jadi saya ingin mencadangkan supaya satu kajian audit dibuat ke atas pelaksanaan supaya kita dapat mengesan tentang ketepatan sasaran.

Pertama dari segi butiran projek yang dilaksanakan, pembaikan, projek-projek kecil dan sebagainya supaya hanya pembaikan yang sebenarnya dilaksanakan hanya projek kecil yang perlu sahaja dilaksanakan dan hanya kontraktor kelas F sahaja yang layak mendapat projek tersebut.

Dalam tahun ini kerajaan telah pun menyediakan satu bilion ringgit lagi untuk matlamat yang sama. Sekadarnya saya, Tuan Yang di-Pertua, ingin mencadangkan supaya RM200 juta dikeluarkan daripada RM1 bilion. Bakinya sebanyak RM800 bilion, itu soal lain, supaya RM200 juta ini dikhaskan untuk membina projek rumah-rumah PPRT yang kalau nilainya sebuah RM15 ribu, kita akan dapat bina 13,000 buah rumah PPRT di mana pelaksanaannya adalah kontraktor kelas F. Dalam erti kata lain, kelas F pun dapat, rumah PPRT pun dapat. Sebab matlamat utama tadi ialah untuk membantu kontraktor kelas F. Jika ini boleh dibuat kontraktor kelas F dapat projek, rumah PPRT kita dapat selesaikan lebih kurang 13,000 buah rumah.

Perkara kedua, yang terakhir, saya ingin menyatakan rasa keyakinan bahawa kerajaan tidak sewajarnya bimbang dengan beberapa pendapat bahawa kerajaan atau Kabinet tidak boleh melantik kontraktor secara terus untuk projek jambatan menyambungkan CIQ dengan Tambak Johor kerana ini adalah keputusan Kabinet, yang tidak boleh ialah kalau JKR melantik sendiri ataupun kalau kementerian-kementerian lain yang ada kuasa melantik kontraktor secara sebut harga, tender dan sebagainya melantik sendiri, tanpa sebut harga atau tender. Ini adalah keputusan Kabinet. Keputusan Kabinet adalah keputusan yang dibuat tanpa terikat dengan peraturan-peraturan yang telah pun diturunkan kepada kementerian ataupun jabatan-jabatan.

Dalam erti kata lain, saya yakin, Kabinet telah pun menerima maklumat yang tepat, cadangan yang tepat, mengambil kira semua kepentingan umum, kepentingan antarabangsa, kepentingan dua hala dan sebagainya. Jadi saya kadangkala bimbang juga apabila menteri yang berkaitan menjawab seolah-olah Kabinet tidak ada kuasa langsung untuk melantik kontraktor secara terus apabila sesuatu projek yang penting perlu dilaksanakan tanpa tender, tanpa sebut harga dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rembau.

4.45 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin menyentuh satu perkara sahaja iaitu mengenai Kementerian Pertahanan yang berkaitan dengan Program Latihan Khidmat Negara.

Sebagaimana yang Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, Program Khidmat Negara ini adalah sangat baik dalam usaha kita untuk menanamkan semangat cintakan negara di kalangan generasi muda, dan dalam masa yang sama melahirkan generasi muda yang cergas dan yakin diri serta membina perwatakan yang positif dan sifat kepimpinan serta mengeratkan integrasi nasional pelbagai kaum dan melahirkan generasi prihatin dengan semangat kesukarelaan. Program ini, kita sedia maklum sudah berjalan sejak awal tahun 2004 hinggalah 2006. Sehingga bulan Mac 2006 seramai 162,254 pelatih telah menjalani latihan selama tiga bulan di 76 buah Pusat Latihan Khidmat Negara di seluruh negara.

Isunya ialah walaupun program ini baik, tetapi hanya kira-kira 20 peratus sahaja pelajar-pelajar yang dalam kumpulan umur 18 tahun yang dapat mengikuti

program ini dan kerajaan membelanjakan – belanja makan sahaja bagi seorang pelajar, saya difahamkan sebanyak RM41 sehari, kalau didarab dengan 95,000, kerajaan membelanjakan untuk 76 buah pusat latihan lebih kurang RM300 juta, dengan kos sebanyak RM3,690 untuk setiap pelajar, tidak termasuk kos jurulatih dan sebagainya.

Ini adalah satu jumlah angka yang sangat besar. Walaupun program ini baik tetapi masalahnya ialah sebanyak 80 peratus lagi pelajar-pelajar kita tidak berpeluang mengikuti program latihan ini, sebab kalau hendak semua menghadirinya kerajaan mesti membina lima kali ganda lagi kem yang sedia ada, yang tentulah di luar kemampuan kerajaan. Jadi saya hendak menyarankan kepada pihak kerajaan supaya jika boleh, memandangkan modul untuk program ini ada empat modul iaitu:

- (i) Modul Fizikal yang melibatkan membina kemahiran dan ketahanan mental, emosi, spirituil dan fizikal pelatih;
- (ii) Modul Kenegaraan yang diaplikasikan untuk memperluaskan minda; memberi kesedaran terhadap kenegaraan (*nation building*) di samping memupuk perasaan cinta kepada negara;
- (iii) Modul Pembinaan karakter iaitu membina karakter yang berkesan bagi pelatih yang merangkumi diri keluarga dan komuniti;
- (iv) Modul Khidmat Komuniti bagi membolehkan pelatih menimba pelbagai pengalaman melalui kerja-kerja kesukarelaan.

Saya hendak mencadangkan kepada pihak kerajaan, khususnya kepada Kementerian berkenaan supaya sebahagian daripada modul ini diterapkan di peringkat sekolah menengah lagi, supaya dengan itu lebih ramai lagi bilangan pelajar akan terdedah kepada keempat-empat modul tadi mengikut kesesuaian. Mungkin sebahagian daripada modul fizikal, mungkin sebahagian daripada modul kenegaraan ataupun modul pembinaan karakter dan juga modul khidmat komuniti tadi boleh diterapkan di sekolah menengah mulai daripada Tingkatan Satu lagi.

Selain daripada itu saya juga hendak mencadangkan supaya setiap pelajar sekolah menengah diwajibkan menyertai sekurang-kurangnya satu pasukan beruniform sama ada Kadet Tentera, Kadet Polis ataupun Pengakap khususnya bermula daripada Tingkatan Satu lagi supaya dengan itu proses membentuk disiplin pelajar sebagaimana dihasratkan oleh PLKN ini akan dapat diterapkan di peringkat lebih awal. Selain daripada itu saya juga hendak mencadangkan supaya proses...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung Yang Berhormat boleh gulung.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:...proses memperkasakan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama rakyat dipercepatkan. Khususnya dari segi mengadakan pengajaran Mandarin di sekolah-sekolah kebangsaan terpilih buat permulaannya seperti yang saya sebutkan tempoh hari iaitu di bandar-bandar termasuk di pekan-pekan kecil dan di sekolah-sekolah yang dulunya Sekolah Menengah Inggeris yang masih lagi ada imej berbagai-bagai kaum. Kemudian dalam masa yang sama saya juga mencadangkan supaya rancangan RIMUP iaitu Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan juga di perhebatkan.

Di mana di bawah program ini murid berbagai-bagai kaum akan berkhemah satu dua malam di tempat yang ditentukan dan mereka sama-sama bermain, sama belajar dan mengikuti berbagai-bagai program bagi tempoh tersebut. Dan akhir sekali saya mencadangkan supaya diberi insentif kepada guru-guru sekolah kebangsaan yang berhasrat mengikuti kursus Bahasa Mandarin ini dibagi elaun bila dia tamat dapat sijil ataupun diploma seperti yang dibuat kepada anggota polis iaitu dipanggil elaun bahasa. Dengan cara ini, saya rasa usaha kita untuk mewujudkan perpaduan kaum dan juga integrasi nasional akan dapat dipercepatkan lagi dengan kos yang mungkin lebih rendah daripada kos untuk menggalakkan ataupun mendapatkan penyertaan semua remaja 18 tahun ke atas ke dalam kem-kem PLKN. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pensiangan. Pendekkan perbahasan.

4.51 ptg.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya menyentuh mengenai dengan Kementerian Luar Bandar di atas belanja mengurus dan juga pembangunan. Saya menarik perhatian kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengenai dengan kaedah-kaedah yang dibuat secara kontrak di Sabah, di bawah JPPS yang mana saya rasa kaedah yang mereka buat sekarang ini secara undi. Saya rasa tidak begitu memadai disebabkan apa, kontrak yang terendah sekali ialah RM2,000, yang itu pun ada cabutan dan selepas itu bila mereka mendapat RM2,000 ini, terus setahun tidak boleh dapat lagi kontrak-kontrak.

Jadi saya rasa harga nilai kontrak tersebut tidak memadai dan ini akan memberi satu kesan buruk kepada kontraktor-kontraktor ataupun bumiputera Kelas F ini. Satu perkara lagi yang saya ingin menarik perhatian kementerian bahawa kebocoran ataupun *leakages* maklumat-maklumat daripada jabatan yang saya rasa perlu dikawal, yang mana kita lihat maklumat-maklumat ini tersebar luas sedangkan Ahli-ahli Parlimen ataupun wakil-wakil rakyat yang telah mencadangkan projek-projek tersebut tidak mengetahuinya. Namun orang-orang perseorangan dan kontraktor-kontraktor dengan cepat mendapat maklumat-maklumat selanjutnya dan selepas itu mereka mengejar Ahli-ahli Parlimen untuk mendapatkan projek-projek tersebut.

Saya cadangkan kepada kementerian ini supaya melihat dengan lebih terperinci lagi dan memberi satu arahan kepada pegawai-pegawai yang menjaga agar maklumat sulit atau rahsia tidak bocor dan dikawal dengan lebih baik lagi. Saya juga cadangkan kepada kementerian ini cara yang terbaik sekali saya rasa untuk Kelas F ini yang mendapat hanya satu projek ini setahun, saya rasa ini tidak memadai lebih-lebih lagi kepada mereka yang mendapat RM2,000 harga nilai kontrak. Jadi yang ini boleh dikaji semula. Dan satu lagi yang saya lihat yang kelemahan yang saya lihat daripada kontraktor-kontraktor Kelas F ini, kebanyakan mereka ini tidak mempunyai peruntukan kewangan yang begitu baik, maka kebanyakan bila mereka mendapat kontrak-kontrak tersebut akan dijual kepada kontraktor-kontraktor yang bukan bumiputera.

Jadi saya rasa yang ini akan menjejaskan dari segi prestasi, dari segi kuota kita, 30% bumiputera yang akan menjadi ahli-ahli peniaga ataupun pengusaha pertengahan, secara tidak langsung atau langsung akan memberi satu kelemahan dan juga satu kesusahan dan kerugian kepada kontraktor-kontraktor bumiputera. Jadi saya cadangkan kepada kementerian ini untuk melihat dan kita mengkaji kaedah ini.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Lipis bangun.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis, cukuplah. Belum habiskah?

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Belum, belum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana pakaian sama hari ini?

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: [Ketawa] Berpakat.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Sebati dan serasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu cantik? Yang ini cantik atau yang itu cantik?

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Semua cantik.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Okey, Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini saya melihat begini sekarang ini kita dalam usaha untuk memastikan kontraktor Kelas F yang betul-betul yang berwibawa sahaja ada tinggal dalam kontrak-kontrak Kelas F ini. Sekarang ini dinaikkan duit simpanan yang perlu adalah apabila hendak mendaftar semula itu. Jadi sekarang ini saya kira sebulan perlu ada lebih kurang

RM10,000 lebih dalam akaun begitu. Jadi sekarang ini saya melihat kerana apa yang membimbangkan saya ialah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan-soalan?

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Ialah saya hendak terangkan ini selepas ini saya masuk kepada soalan. Apa yang membimbangkan saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terus masukkan soalan Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Ialah kontraktor Kelas F ini ditaja oleh orang lain, RM10,000 ini kontraktor yang sebenarnya tidak ada duit, yang buat kerja sendiri tidak ada duit yang ditaja pula ini yang dapat. Jadi apa pandangan Yang Berhormat? Silakan.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Saya rasa yang itu lebih baik masukkan sahaja dalam ucapan ini, lebih baik menteri atau kementerian akan jawab nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Jadi untuk akhirnya saya hendak mencadangkan supaya kementerian ini akan mengkaji semula kaedah-kaedah ataupun mekanisme yang dibuat sekarang ini. Saya rasa tidak begitu memadai dan perlu untuk mendapatkan lagi satu kaedah yang saya rasa yang terbaik pada masa ini, *the soundest* kaedah dengan izin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebelum saya bagi Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Yang Berhormat bagi Kepong dahulu.

4.57 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas, mengenai Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Lembaga Operasi kerana ini melibatkan lembaga pelesenan bagi kenderaan komersial. Di sini saya berharap kerajaan dapat mengkaji peranan yang dimainkan oleh *CVLB Commercial Vehicle Licensing Board*, yang mana saya nampak dalam beberapa tahun ini terutamanya di Kuala Lumpur, peranan lembaga ini adalah tidak begitu jelas. Saya pun tidak tahulah apa fungsinya untuk mewujudkan lembaga ini kerana pada mulanya Tuan Yang di-Pertua, kita nampak di Kuala Lumpur itu pihak kerajaan tidak memberi permit kepada itu syarikat-syarikat bas yang sedia ada, yang tinggal di sekitarnya ada Selangor Bus dan Len Seng sahaja yang tinggal semua diberhentikan dan pihak kerajaan mewujudkan beberapa syarikat untuk mengendalikan pengangkutan basnya dan kita mesti ingat bas ini adalah penting pengangkutan bas untuk orang-orang yang miskin.

Tetapi walau bagaimanapun kerana birokrasi, kerana perilaku yang tidak betul dan sebagainya termasuk mungkin ada penyelewengan. Kita nampaknya syarikat-syarikat yang wujud oleh pihak yang tertentu tidak begitu *viable*, tidak begitu *viable* yang tinggal sekarang itu kita adakan satu tabung. Tabung pengangkutan yang diumumkan oleh pihak kerajaan pihak Yang Amat Berhormat tetapi kerana harga minyak petrol sudah naik, petroleum sudah naik di antarabangsa RM4 bilion yang dianggarkan akan diperolehi sudah tidak ada dan macam mana kita adakan tabung seperti ini untuk pengangkutan awam. Saya berharaplah pihak kerajaan dapat mengkaji semula apakah peranan lembaga ini kerana dengan adanya Rapid KL saya pun berharaplah Rapid KL akan berjaya.

Tetapi kita nampaknya pihak pengurusan mesti mempertingkatkan keberkesananannya kerana kita gunakan wang rakyat untuk menguruskan semua ini kadangkala kita nampak bas-bas Rapid KL tidak ada orang di dalam, kurang penumpang dan sebagainya. Saya sangat bimbanglah sekali lag, syarikat-syarikat seumpama ini akan rugi dengan besar. Tuan Yang di-Pertua saya berharap juga pihak kerajaan dapat mengkaji apakah subsidi yang diberi bukan sahaja kepada pekerja-

pekerja padi, penanam-penanam padi kepada nelayan dan sebagainya kerana kita nampak bagi diesel subsidi kepada syarikat-syarikat bas ini 15 sen sahaja.

Tetapi bagi nelayan RM1 untuk 1 liter. Saya pernah tidak faham apakah itu rasional untuk subsidi ini. Mesti pihak kerajaan mengkaji tentulah pihak...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita tidak ada masa Yang Berhormat. Itu pun hendak rampas masa saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tidak merampas masa Yang Berhormat bagi Kepong. Masa Yang Berhormat bagi Kepong di tangan Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kepong, kalau agaknya kefahaman saya macam itu, kita batal subsidi yang ini nelayan yang motobot dalam, dia jual laut dalam apa itu kan... dia kebanyakan ini kaya-kaya. Kalau batalkan lebih baik nampaknya penyelewengan menjual diesel, menjadi-jadi. Jadi kerajaan kita bagi tidak tahu, kalau Yang Berhormat bagi Kepong setuju atau tidak setuju.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Ketawa]* Saya setuju atau tidak boleh berlaku penyelewengan kerana subsidi yang banyak kerana RM1 untuk 1 liter dieselnnya. Mesti kita kaji dengan ketat hal seperti ini. Tetapi saya berharap pihak kerajaan dapat mengkaji semua subsidi seumpama ini sebab pihak operator bas pun dia memang ada rungutan-rungutan kerana mengapa dia tidak seimbang bagi subsidi walhal masalah subsidi ini memang akan menjadi satu masalah yang besar untuk negara kita. Walau bagaimanapun, saya berharap pihak kerajaan dapat mengkaji apakah peranan CVLB supaya ia dapat memainkan peranan yang berkesan terutamanya untuk pengangkutan bas awam di seluruh negara, bukan sahaja di Kuala Lumpur kita nampak ada kegagalan di Kuala Lumpur dan dengan ada Rapid KL dan sebagainya, adakah ini akan berjaya tidak akan membazirkan wang rakyat dan dengan itu, cukup masa, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak berucap? Jadi pendekkanlah. Selepas Yang Berhormat bagi Tangga Batu pihak kerajaan boleh jawab.

5.03 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya hendak bangun daripada pagi, tetapi pasal warna *suit* saya ini tidak mengikut peraturan Parlimen. Besok saya pakai warna gelap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu tidak kena mengena.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ahli-ahli, jadi sekarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Walaupun tidak gelap...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jadi, apabila sudah petang ini baru saya tahu boleh bangun, saya bangunlah. Saya takut pasal tidak ikut peraturan Dewan, bercakap pun nanti Dewan tidak pakai. Tuan Yang di-Pertua,..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selama ini pun Yang Berhormat pakai macam itu juga.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya sudah ringkas tiga perkara berkaitan dengan perkara yang sama, iaitu tentang keselamatan. Tenaga Nasional Tuan Yang di-Pertua di bawah Kementerian Tenaga Air dan Telekomunikasi serta berkaitan juga dengan pemegang saham utamanya iaitu Kementerian Kewangan. Kita memang tahu kenaikan tarif ini sudah tidak menjadi satu rahsia dan pelbagai kenyataan telah dikeluarkan oleh Ketua Pegawai Operasi Tenaga Nasional tentang bagaimana jimatian kos dan menambah

baik kedudukan kewangan Tenaga Nasional. Usaha itu kita puji Tuan Yang di-Pertua, cuma kita hendak Tenaga Nasional berikan perhatian kepada faktor-faktor yang boleh menjurus kepada kecemerlangan perkhidmatannya di peringkat bawahan dan kecemerlangan perkhidmatan ini berkait rapat dengan keselamatan Tuan Yang di-Pertua.

Tenaga Nasional ini tidak dapat lari daripada perkara yang berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan pekerjaan. Saya dapati 80% daripada *business* Tenaga Nasional adalah *business* pembekalan tenaga yang memerlukan perkakas-perkakas yang berkaitan dengan elektrik yang memberikan ruang yang luas yang terbuka luas kepada pekerja-pekerja tenaga untuk berhadapan dengan kecelakaan ataupun kemalangan. Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas Tenaga Nasional ada meninggal tiga orang sedang bertugas dan ini adalah merupakan satu kehilangan yang besar. Kalau kita pergi hutan Tuan Yang di-Pertua, berperang dengan Komunis, kita nampak Komunis tetapi ini elektrik kita tidak nampak. Jadi apabila disiasat, rupa-rupanya perkakas suis yang digunakan oleh Tenaga Nasional ini tidak menepati piawaian dan apatah lagi ada anggota kerja yang tidak langsung memahami bagaimana hendak mengendalikan suis gear itu.

Dia kata tiba-tiba suis gear itu dipasang di dalam *sub session* di dalam pencawang-pencawang Tenaga Nasional kemudian mereka diminta untuk mengoperasikan ataupun mengendalikan suis gear tersebut. Dalam pengendalian suis gear ini Tuan Yang di-Pertua, dia ada tiga perkara penting. *Earth* pbumian, *on* maknanya menghidupkan suis dan *off* mematikan suis. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita *on*, kita hidupkan suis pergi ke *earth* alamatnya maut, Tuan Yang di-Pertua, akan berlaku satu letupan yang boleh membawa kemalangan kepada pengoperasi dan yang operasi yang mengendalikan suis ini adalah pegawai yang diberi kuasa oleh Tenaga Nasional di bawah *authorization*nya.

Dalam Skim Keselamatan Tenaga Nasional dia ada satu *authorize person* orang yang bertauliah banyak mengendali suis. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita dapat laporan bahawa orang yang bertauliah dalam Tenaga Nasional tidak buat. Dia arah pula orang bawah dia untuk buat kerja ini dan inilah antara penyebab berlakunya kemalangan kerana kesedaran tentang keselamatan perkakas suis ini tidak ada pada orang-orang di bawah arahan *authorize person*. *Authorize person* perlu mengendalikan suis itu sendiri kerana mereka telah ditauliahkan dan telah menjalani latihan yang diadakan di bawah skim Tenaga Nasional. Jadi saya pohon supaya Tenaga Nasional, Kementerian Kewangan memberikan perhatian kepada ini.

Pertama sekali tentang pembekalan perkakas suis yang tidak menepati keperluan anggota kerja tenaga di mana mereka tidak faham bagaimana untuk mengendalikan perkakas suis tersebut dan yang kedua sistem keselamatan tadi dan saya percaya, sedikit peruntukan perlulah diletakkan, dialihkan kepada pengurusan kecemerlangan, keselamatan di dalam syarikat Tenaga negara ini. Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, satu daripada tuju puluh kemalangan berlaku pada setiap tahun di negara kita. Ini adalah satu angka yang besar. Negara kita hendak bergerak ke negara maju Tuan Yang di-Pertua, satu kemalangan pada setiap tujuh puluh pekerja pada setiap tahun adalah satu angka yang kita tidak boleh terima sebagai sebuah negara yang benar-benar bergerak ke arah negara maju dan menghayati kesihatan, keselamatan pekerjaan ini.

Jadi saya minta supaya Kementerian Sumber Manusia memberikan satu kesedaran menyediakan satu program kesedaran kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab terus kepada perkara-perkara keselamatan ini. Kita nampak Tuan Yang di-Pertua, macam mana keselamatan tidak kita berikan perhatian. Tahun lepas di Melaka kita ada Mesyuarat Majlis Raja-Raja dan dalam salah satu daripada gerakan Raja-Raja ini ialah mereka kena naik bot. Yang Berhormat bagi Sri Gading, mereka kena naik bot, baginda-baginda ini, Tuanku-Tuanku kita ini kena naik bot. Dan Tuanku-Tuanku kita ini naik bot tidak pakai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak perlu libatkan Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Pasal Yang Berhormat bagi Sri Gading dia angguk-angguk kepala Yang Berhormat bagi Larut pun dia angguk kepala pasal dia ada Yang Mulia Raja Ahmad di situ... naik bot tidak usahkan pegawai-

pegawai yang berkaitan menjaga keselamatan Raja-raja. Tuanku-Tuanku kita pun tidak pakai...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh tanya sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cari fasal.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh tanya sedikit?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Okey.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, saya hendak tahu, Kerabat Diraja mana terlibat? Minta penjelasan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Seluruh Raja-Raja di negara kita ini ada Majlis Mesyuarat Raja-Raja di Melaka, naik bot di dalam Sungai Melaka. Saya tidak *blame* Kerajaan Negeri Melaka, tetapi saya lebih menuding jari kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini di mana setiap acara yang berkaitan dengan air ataupun sungai ataupun laut, kita perlu menasihatkan Raja-raja kita ini ataupun pegawai-pegawai yang menasihatkan Raja-Raja ini supaya mengenakan jaket keselamatan supaya kalau berlakulah karam salah satu daripada bot itu, tidak tahu kita hendak buat apa Tuan Yang di-Pertua. Ini, maknanya kesedaran serta kepentingan kita memberikan perhatian kepada perkara-perkara berkaitan keselamatan. Ini perlu kita lihat. Dan perkara kedua...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Penjelasan sedikit.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, sila, sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat jangan bimbanglah, Raja berjiwa rakyat, tidak bimbang semua ini. Demi rakyat, ia tidak timbul masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, ini tidak kena mengena dengan raja daripada Larut tidak ada kaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, saya hendak tanya. Adakah, Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ha, itulah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ada kaitan, cuma kita khuatir kalau raja-raja kita tadi tenggelam, jadi ia mungkin akan menjejaskan ketenteraman dan keamanan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya bersetuju tetapi bukan Yang Berhormat bagi Larut.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Oh, itu. Saya kena bincang dengan dia di luar, Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Saya dapat maklumat bahawa ada satu sistem *internet booking* yang telah diuji sendiri oleh pengurusan MAS pada tahun 2005 dan telah pun menandatangani *Memorandum of Understanding* pada 5 Mei 2005. Dan, apabila berlaku perubahan pengurusan, ini kita bercakap tentang *delivery system*, *consistency*, istiqamah, ketetapan proses.

Apabila berlaku perubahan pengurusan, sistem lama yang digunakan oleh MAS, yang pada setiap unit bernilai USD8 masih lagi digunakan, sedangkan sistem yang baru ini telah diperkenalkan akan menjimatkan MAS sebanyak USD6. Ini penjimatan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya minta pihak kementerian supaya siasat perkara ini, mengapa MAS tidak gunakan sistem yang baru ini sedangkan sistem yang lama itu telah menyebabkan mereka kerugian sebanyak USD6 pada setiap *transactions*.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, ialah tentang Tenaga Nasional juga, di mana ada satu usaha untuk memperkenalkan bahan api yang baru, dipanggil di sini '*high sulphur cold*' ataupun *green technology*, di mana sistem ini telah pun menjamin akan menjimatkan perbelanjaan untuk membayar bahan api oleh pihak Tenaga Nasional sehingga ke tahap 60% dan bahan api ini sepatutnya dikaji oleh pihak Tenaga Nasional untuk melihat ruang dan peluang bagi mereka mengurangkan perbelanjaan untuk menjana tenaga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ..dalam masa mereka menghadapi krisis pengurusan kewangan pada hari ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

5.14 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih bagi pihak Kementerian Kewangan dan kementerian-kementerian lain kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Di antaranya ialah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Serdang, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Tanjong, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Yang Berhormat bagi Putatan, Yang Berhormat bagi Tanah Merah, Yang Berhormat bagi Beluran, Yang Berhormat bagi Tuaran, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat bagi Parit, Yang Berhormat bagi Lipis, Yang Berhormat bagi Ledang, Yang Berhormat bagi Pensiangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rembau.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Maaf, Yang Berhormat bagi Rembau, Yang Berhormat bagi Pensiangan, Yang Berhormat bagi Kepong dan Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sejumlah 20 orang Ahli Yang Berhormat berucap.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: 20 orang kesemuanya. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Perkara yang ditimbulkan sebenarnya menyentuh pelbagai kementerian dan ada juga perkara-perkara yang ditimbulkan ini telah pun dijawab oleh Menteri-Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam sesi jawapan yang berhubung dengan Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga dalam sesi-sesi yang lain.

Saya tidak bercadang untuk menjawab kesemua soalan-soalan yang ditimbulkan ini, lebih-lebih lagi saya akan menumpukan kepada perkara-perkara pokok, perkara-perkara dasar dan banyak perkara-perkara di peringkat pelaksanaan, di peringkat bahagian masing-masing, kawasan masing-masing. Saya rasa lebih sesuai untuk ditimbulkan pada peringkat jawatankuasa sebenarnya.

Dan, pegawai-pegawai dari semua kementerian yang terlibat ada membuat persediaan kepada jawapan-jawapan ini dan saya mengharapkan supaya pegawai-pegawai ini juga akan memberi taklimat kepada Menteri ataupun Timbalan Menteri masing-masing supaya perkara-perkara ini apabila ditimbulkan dan dijawab semasa sesi jawatankuasa ia akan boleh disentuh.

Saya juga ingin memberi jaminan bahawa memandangkan jawapan-jawapan yang disediakan ini banyak sekali berada dengan saya, sekiranya saya tidak dapat menyebut kesemuanya pada hari ini, saya berjanji untuk memperkemaskan jawapan-jawapan ini dan menghantar kepada setiap Ahli Parlimen yang telah menimbulkan soalan-soalan tersebut.

Ada juga beberapa soalan sebenarnya yang ditimbulkan yang tidak berkenaan dengan kementerian-kementerian yang sebenarnya tidak melibatkan peruntukan tambahan. Jadi, sepatutnya soalan-soalan ini tidak dijawab tetapi di mana boleh dan di mana perlu saya akan cuba menyentuhnya.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sebenarnya banyak mempersoalkan isu-isu berkenaan dengan pelbagai aspek. Pertama, kebimbangan yang disuarakan oleh beliau tentang pencapaian perbankan Islam di Malaysia, khususnya apabila dilihat suatu laporan BERNAMA yang mengutarakan soalan bagaimana Kerajaan Singapura sedang berusaha untuk juga memperkenalkan sistem kewangan Islam ini dan keraguan, mungkin pada suatu masa Kerajaan Singapura ataupun sistem kewangan di Singapura ini boleh mengatasi keadaan di Malaysia.

Saya mengambil ini sebagai satu laporan yang positif, satu laporan yang boleh kita hayati supaya kita meneruskan langkah kita untuk memperbaiki lagi sistem kewangan di negara kita. Kita tidak seharusnya melihat bahawa apabila ada satu laporan yang sedemikian, maka kita menjadi terlalu bimbang. Saya ingin menyebut beberapa fakta mengenai kewangan Islam ini yang masih menunjukkan bahawa sebenarnya negara kita masih lagi jauh ke hadapan tetapi tidak bermakna bahawa kita sudah berpuas hati.

Umpamanya sistem kewangan Islam yang dilaksanakan di Malaysia ini telah mendapat pengiktirafan antarabangsa, khususnya dari Tabung *Monetary* Antarabangsa (IMF) dan Bank Pembangunan Islam. Ianya buat masa ini diiktiraf sebagai satu sistem yang terbaik di dunia. Memandangkan kejayaan tersebut, IDB umpamanya, menggalakkan bank-bank pusat negara-negara Islam yang berhasrat untuk memulakan perbankan Islam untuk mengkaji model perbankan dan kewangan Islam di Malaysia.

Perlu diingatkan juga bahawa negara kita Malaysia adalah merupakan negara pertama di dunia yang mempelopori penerbitan bon berdaulat, global, 'Sukuk Ijarah' berjumlah USD600 juta pada tahun 2002, iaitu 51% daripada terbitan tersebut dilangani oleh pelabur-pelabur dari Timor Tengah, manakala 19% oleh pelabur Eropah dan Amerika Syarikat dan selebihnya oleh pelabur Asia. Bahkan model ini telah pun...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tunggu dahulu Yang Berhormat bagi Kepong, saya baru sahaja hendak bercakap. Yang Berhormat bagi Kepong sudah banyak sangat bercakap. Bagi Bachok pula bercakap hari ini, boleh Yang Berhormat bagi Kepong? Lepas itu Yang Berhormat bagi Kepong bila sesuai nanti boleh. [Disampuk] Ya, terima kasih.

Negara dan organisasi Islam lain seperti Qatar, Bank Pembangunan Islam, Emiriah Arab Bersatu dan Bahrain juga telah menggunakan model ini. Seperkara yang lain ialah di mana Bank Negara Malaysia memainkan peranan penting dalam penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam yang di tempatkan di Malaysia sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian pengawalan kehematan dan pengawal seliaan, *supervisory body*, dengan izin, bagi mengawal selia operasi perbankan Islam antarabangsa. Ini di peringkat antarabangsa, diletakkan di Malaysia. Ini juga satu daripada kelebihan kita.

Kerajaan juga telah menubuhkan sebuah institut pendidikan kewangan Islam bertaraf antarabangsa, iaitu *International Center for Education in Islamic Finance*. Ini beberapa perkara yang saya hendak sebut untuk meyakinkan kita bahawa kita sebenarnya mendahului negara-negara lain dan kita akan terus berusaha untuk terus berada di hadapan.

Memang negara-negara lain akan mencubanya tetapi tidak bererti kita mengaku kalah, tidak bererti sebuah rencana yang dituliskan kita sudah menjadi gawat. Jadi inilah yang ingin saya sebutkan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okeylah bagi Yang Berhormat bagi Kepong sekejap. Pendek ya Yang Berhormat bagi Kepong, lepas itu yang bagi Kubang Kerian.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bulan lepas saya pun ada tanya soalan ini kepada Timbalan Gabenor Bank Negara dan waktu itu beliau pun menjawab berkata *instrument* dan institusi sudah diwujudkan oleh negara ini dan kita memang sangat jauh di hadapan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sudah tanya apa hendak tanya lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa hendak cakap, bangun dan cakap.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri orang yang sabar. [Ketawa] Yang Berhormat, bolehkah memberitahu kita dengan sikap *complaisant* yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bolehkah kita menghakiskan sikap ini kerana kalau tidak silap saya, negara-negara termasuk Singapura yang ia anggap suasana itu mungkin memihak mereka dan tidak lama lagi dia akan mengatasi kita. Ini masalah, *complacency* yang ada sekarang.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ini yang saya tidak suka bagi peluang kepada Yang Berhormat yang cakap merapu. Bila pula yang saya *complacent*? Saya telah memulakan ayat saya dengan ini merupakan satu rencana yang positif yang kita perlu hayati yang seharusnya mendorong kita untuk bekerja lebih kuat untuk terus berada di hadapan. Yang Berhormat tidak fahamkah Bahasa Malaysia?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Cari pasal buat apa Yang Berhormat bagi Kepong? [Ketawa]

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat bagi kepong ini, dengan orang lain bolehlah Yang Berhormat bagi Kepong. Jangan dengan Bachok jangan mencuba. Sebiji kena Yang Berhormat bagi Kepong. Jangan lagi, Yang Berhormat bagi Kepong, jangan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: 1-0.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat bagi Kepong ingat siapa ini? [Ketawa] Bila pula *complacent* Yang Berhormat bagi Kepong?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okeylah Yang Berhormat bagi Kepong, cukuplah. Cukup, jangan ganggu lagi. Okey, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Apa yang disebut tadi itu memang kita kerajaan Malaysia telah buat. Mungkin kita hendak meyakinkan masyarakat antarabangsa tentang sistem Perbankan Islam di Malaysia. Tetapi Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat mengatakan tadi Yang Berhormat tidak *complacent*. Tetapi kena ingat bahawa Bank Islam telah mencatatkan satu titik hitam. Tahun lepas kita rugi RM700 juta. Apa yang kami bimbang adalah sebagai rakyat Malaysia dan saya sendiri sebagai Ketua Pemuda PAS, kalau anak buah saya tanya kemanakah mahu simpan duit? Saya dengan yakin menjawab, 'Simpanlah dalam Bank Islam ataupun simpanlah di Tabung Haji'. Ini dokongan kita. Kerajaan Kelantan pada hari yang pertama kita perintah pun kita simpan di Bank Islam. Ini tanda keyakinan kita.

Yang cuma kita bimbang Yang Berhormat, adalah apabila Singapura membuka perbankan Islam, apabila Hong Kong besok, apabila Shanghai besok buka perbankan Islam, saya bimbang kalau mereka lebih *competent* daripada kita, *transparency* mereka lebih hebat daripada kita, saya bimbang kita akan ketinggalan kalau kita tidak memperbaiki apa yang ada. Apa yang saya hendak sebut di sini ialah kita mesti esok mesti lebih baik daripada hari ini kerana dalam pengurusan hari ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, orang tidak mahu lagi mendengar *managing the symbols* ataupun *managing the slogans*. Hari ini dunia korporat, bercakap tentang *managing the substance*. Ini lebih penting pada saya. Jadi ini sebagai teguran ikhlas daripada kami supaya kerugian itu diperbaiki dan kita dapat lebih baik pada masa akan datang, terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Kita kerajaan sentiasa menghormati cadangan yang baik, kebimbangan yang ikhlas yang dilahirkan oleh Yang Berhormat itu juga mendapat tempat di hati kita. Tidak kira kebimbangan ataupun cadangan dari mana sahaja asalkan ia merupakan cadangan yang baik, *constructive* dan *positive* dengan izin. Pada masa yang sama kita juga mengharapkan pihak pembangkang memberi *where credit is due* dengan izin. Jangan sahaja mencari kelemahan, jangan sahaja menyuarakan kebimbangan. Tidak ada sesuatu dalam kehidupan kita ini tidak mempunyai cabaran. Yang penting cabaran perlu diatasi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: 2-0.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: 2-0, terima kasih, dia pemain bola. Dia tahu *score*. Jadi kita teruskan. Ini soal *Islamic Banking*. Saya juga ingin menjawab soalan ataupun isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, satu soalan sudah dijawab, dia baru masuk. Jadi soalan itu tidak boleh ditanya lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini soalan Jawatankuasa Pilihan.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tidak apa. Oh, kalau Menteri Kabinet tidak datang, Yang Berhormat marah, mana kabinet *meeting* pun tidak datang, betul?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebab itu saya *rush down*.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya memahami keadaan Yang Berhormat dan harap Yang Berhormat memahami juga keadaan orang lain kadang-kadang. Ini Yang Berhormat mengenai minda kelas pertama. Iaitu khususnya yang ditujukan kepada Kementerian Penerangan. Iaitu kerana tidak sanggup...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: 0-0 seri.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: 4-0.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Bagilah sekejap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sedikit, sedikit. Bukan Bank.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Bank? Sudah habis bank itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu yang saya hendak masuk selit, ini saya hendak selit sebelum habis. Begini Yang Berhormat, sedikit sahaja, saya bukan masuk panjang, pendek sahaja.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini Yang Berhormat berkenaan dengan BLR ini. Sekarang ini bank ini apabila disatukan jadi bank yang besar, mereka kadang-kadang sudah melupai bantuan-bantuan dan melupai sosial komitmen mereka terhadap rakyat Malaysia. Untuk hari ini kita tengok, apabila kerajaan menurunkan harga kereta, bank-bank sekarang ini menaikkan BLR dia, *interest* dia sudah tinggi. Jadi *defeat the purpose* ataupun tidak sampai kepada matlamat kerajaan. Begitu juga sekarang ini sukar bagi seseorang itu untuk mendapat pinjaman kerana *interest* dan berbalik kepada Bank Islam, memang kalau kita ambil pinjaman Bank Islam, kita rasa selamat kerana dikiranya di peringkat awalan.

Jadi apa kira pihak-pihak Yang Berhormat sebagai bekas Naib Timbalan Gabenor, Yang Berhormat bagi Kepong, Bekas Timbalan Gabenor, Matan Timbalan Gabenor Bank Negara, sekarang Timbalan Menteri jaga duit. Yang Berhormat bagi Kepong kena faham. Jadi bolehlah Yang Berhormat Menteri tolong minta bank dan Bank Negara kaji balik. Kalau tidak ia akan menyebabkan masalah kepada rakyat terutamanya peniaga dan minta pinjaman untuk berniaga apabila pinjaman ini tersekat, sudah tentu peniaga-peniaga akan menghadapi masalah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Ini sememangnya persoalan-persoalan yang boleh ditimbulkan dan kadang kala

mewajarkan ianya ditimbulkan. Kita lihat bahawa sistem perbankan negara kita telah mengalami pertukaran perubahan yang begitu besar iaitu dengan pergabungan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat. Sedikit sahaja.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Belum jawab lagi, hendak jelas...
[Ketawa]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Yang di-Pertua, saya cadang Yang Berhormat jawab sampai 5.30 yang lain itu bagi secara bertulis. Kita faham Yang Berhormat punya penjelasan ini cukup baik, mantap dan kukuh, boleh? Yang lain itu secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu jawapan untuk Yang Berhormat bagi Larut punya mungkin boleh buat demikian.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekali semua Yang Berhormat saya cadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu terpulang kepada menteri.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Kalau tidak ada masalah dengan yang lain, saya boleh... Cuma ada juga beberapa perkara pokok yang saya rasa perlu diutarakan, menghormati soalan-soalan yang ditimbulkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat. Mungkin kita teruskan sekejap sehingga 5.30, kemudian kalau diizinkan kita sambung sekejap lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, boleh.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Kemudian dengan syarat kita mengakui bahawa masa adalah terhadap, kita masih lagi mempunyai peringkat jawatankuasa yang panjang. Jadi, kalau itu dipersetujui saya rela untuk menerimanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang kena buat demikian Yang Berhormat. Teruskan jawapan.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Teruskan, ok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat bagi Larut tidak mahu jawapan, boleh hantar secara bertulis.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ini tentang minda kelas pertama khususnya Menteri Penerangan yang dikatakan Menteri Kewangan masih mempunyai minda kelas ketiga apabila... Bank lupa telah diganggu oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jawapan untuk Yang Berhormat bagi Jerai boleh dibuat besok. [Ketawa]

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa pun cukup, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okeylah kita sambung besok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Bank, kena peringatlah besok. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.